

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 22**

**Selasa**

**8 Disember 2015**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2016 (Halaman 29)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 8 Disember 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Perdana Menteri menyatakan, isu sebenar Pengurusan dan Integriti yang melanda Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPEIM) sebagaimana tuduhan bayaran elaun pihak pengurusan yang tinggi dan dimonopoli oleh pihak tertentu serta isu lawatan kerja Menteri ke USA pada tahun 2014 yang dijadikan isu hangat di media sosial kini serta apakah langkah yang perlu diambil bagi menjelaskan isu ini dan memuktamadkannya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) merupakan badan bukan kerajaan. YaPEIM sebuah perbadanan yang tertakluk kepada surat ikatan amanah yang didaftar di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 atau ringkasnya Surat Ikatan YaPEIM.

Harus difahami bahawa YaPEIM merupakan satu inisiatif kerajaan untuk membangunkan dan menjana ekonomi umat Islam dengan cara, pertama menyediakan sebuah model iaitu model untuk membangunkan ekonomi umat Islam dengan memperkenalkan instrumen-instrumen kewangan Islam yang mampu untuk menyumbang pula kepada aktiviti amal jariah ataupun aktiviti kebajikan umat Islam.

Oleh sebab itulah antara produk utama YaPEIM yang menjana kewangannya yang paling besar ialah Ar-Rahnu yang mana melalui Ar-Rahnu ini, bagi tahun 2014 sahaja Ar-Rahnu YaPEIM daripada segi pendapatan meningkat sebanyak RM11 juta dengan pendapatan sebanyak RM83 juta berbanding tahun 2013, RM72 juta. Manakala aset bersih YaPEIM adalah berjumlah RM138 juta pada tahun 2014 dan terus bertambah kepada RM160 juta pada Disember 2015. Berdasarkan laporan kewangan YaPEIM tahun 2014 yang diaudit oleh Jabatan Audit Negara, jumlah aset keseluruhan YaPEIM ialah RM1.034 bilion.

Ini sebagai satu mukadimah untuk saya menjawab berhubung dengan pembayaran elaun yang dituduh sebagai, yang didakwa sebagai tinggi yang diperkenalkan oleh pihak pengurusan YaPEIM. Harus kita fahami bahawa seperti mana yang saya sebutkan tadi kerana YaPEIM ini terikat dengan surat ikatannya yang tersendiri di mana segala penentuan berkenaan

dengan elaun ini adalah tertakluk kepada ahli-ahli lembaga pemegang amanahnya sebagaimana dalam surat ikatan YaPEIM pada klausa lima yang menyatakan dengan izin, *“The trustees shell out of the fund pay all of their costs and expenses off or incidental to the management of management of the fund including payment of reasonable allowances to the trustees or the execution of any of the trusts or power of this deed”*.

Oleh yang demikian, keputusan berhubung dengan pemberian elaun ini ditentukan secara dalaman oleh YaPEIM. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan semua, berkenaan dengan elaun ini ia terlalu subjektif sama ada ia tinggi ataupun sebaliknya. Dalam konteks ini kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan satu pasukan khas atau *task force* yang bertujuan untuk menilai dan menambah baik aspek tadbir urus semua agensi agama termasuk YaPEIM yang diketuai oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Bahagian Hal Ehwal Agama.

Oleh sebab itulah dalam konteks ini termasuklah isu-isu yang berkaitan dengan perjalanan yang mengikut dakwaan pihak-pihak tertentu melakukan pembaziran. Walhal sebenarnya semua elaun atau apa juga aktiviti yang dijalankan oleh YaPEIM tidak menggunakan dana daripada dana jariah yang mana dana jariah ini termasuklah sumbangan orang ramai melalui skim potongan gaji dan skim-skim lain.

Ini kerana YaPEIM mempunyai dua bentuk dana, satu dana jariah dan satu lagi dana perniagaan. Apa yang saya sebutkan tadi keuntungan yang diperoleh daripada dana perniagaan inilah yang telah mengeluarkan sejumlah RM453.09 juta bagi tujuan program pembangunan sosioekonomi yang mana sebahagian besarnya disumbangkan melalui dana tambahan daripada dana-dana perniagaan YaPEIM bagi pengeluaran amal jariah.

Justeru dalam konteks ini YaPEIM diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Dalam konteks ini saya boleh memberikan jaminan bahawa setakat laporan Jabatan Audit Negara tidak berlakunya sebarang bentuk penyelewengan. Walau bagaimanapun, seperti mana saya sebutkan kerajaan telah menubuhkan *task force* ataupun pasukan khas untuk menilai soal tadbir urus agensi-agensi agama termasuk YaPEIM bertujuan untuk memastikan, dengan izin, bukan sahaja institusi itu dianggap sebagai *legally right but must also be morally right*.

Maknanya bukan sahaja mengikut peraturan sebagaimana ditetapkan oleh surat ikatan amanah tetapi juga harus berintegriti yang tinggi dan mempunyai nilai moral dan prinsip akhlak yang diterima oleh pasaran dan juga diterima oleh agama. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi penjelasan, penerangan yang agak panjang juga. Semoga dengan maklumat ini dapat menjawab segala isu yang dibangkitkan oleh rakyat. Tujuan saya adalah untuk supaya YaPEIM dapat menerangkan kepada rakyat perkara yang sebenar dan apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh YaPEIM.

#### ■1010

Soalan tambahan saya, walaupun ada pemantau yang ditubuhkan untuk memantau organisasi Islam seperti yang dimaklumkan tadi, secara khususnya bagaimana YaPEIM *in-house*

mengurus berhubung tatacara dan tata amalan secara *governance* yang perlu kepada akauntabiliti dan integriti institusi agar isu atau krisis urus tadbir seperti ini tidak berlaku lagi. Saya juga ingin bertanya tentang kebenaran lebih kurang 5,000 total penyumbang kepada dana amal jariah dan diberitakan bahawa 3,000 orang penyumbang ini telah menarik diri. Harap mohon penjelasan.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Okey terima kasih. Dalam konteks YaPEIM, seperti mana yang saya telah sebut tadi kerana ia merupakan yayasan dan diikat oleh surat ikatan amanah. Dalam konteks ini, sebagai sebuah yayasan ia dipantau oleh sebuah Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam konteks inilah kalau kita lihat dalam surat ikatan YaPEIM menyebutkan dengan izin, *"All dispute doubt and any implication in respect of any provision of this deed shall be decided by the foundation whose decision shall be final"*. Bermakna dalam konteks YaPEIM sebagai sebuah yayasan, ia ditadbir dan dikawal selia oleh sebuah Lembaga Pemegang Amanah.

Oleh sebab itulah dalam konteks ini, untuk memastikan- kita bukan sahaja bercakap soal ia mengikut peraturan yang ditetapkan oleh lembaga pemegang amanah. Dalam konteks ini, oleh sebab itu saya sebutkan tadi, kerajaan prihatin dengan apa yang berlaku dan walaupun saya sebutkan YaPEIM ini bukan sebuah badan kerajaan dan tidak mengikut tatacara yang dikeluarkan oleh kerajaan tetapi atas dasar untuk kita menambah baik soal tadbir urus, ditubuhkan satu pasukan khas yang hari ini bertujuan untuk kita melihat kembali dalam konteks tadbir urus kerana daripada segi peraturan tidak ada masalah tetapi daripada segi moral.

Oleh sebab itu saya katakan, *it has to be legally right as well as morally right*, dengan izin. Oleh sebab itu dalam konteks ini itulah yang kita sedang laksanakan. Berhubung dengan penarikan diri yang diberitakan seramai 3,000 orang, saya tak dapat *figure*, atau jumlah yang tepat. Mungkin selepas daripada ini saya boleh bagi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Akan tetapi apa-apa pun, saya hendak sebutkan di sini, mengambil peluang kepada rakyat di luar sana dan kepada Ahli Dewan, saya hendak mengatakan bahawa jangan kita terbawa-bawa dengan fitnah dan tohmah yang cuba dilemparkan.

Seolah-olah YaPEIM ini mengguna pakai, menyeleweng duit-duit amanah, duit-duit potongan gaji secara tidak benar, secara tidak sah kerana seperti mana saya sebutkan tadi, pemikiran rakyat dikotori dengan satu persepsi seolah-olah YaPEIM ini badan buat kerja-kerja jariah semata-mata. Akan tetapi mereka lupa bahawa YaPEIM merupakan model yang mewujudkan sebuah instrumen kewangan Islam yang boleh menjana ekonominya sendiri yang mana sebahagian besar daripada dana ini digunakan untuk program-program amal jariah yang pelbagai sifatnya termasuklah untuk membantu anak yatim, orang-orang miskin dan sebagainya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:**Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Shahanim.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, setakat mana YaPEIM akan memberi penjelasan kepada

kira-kira 3,000 orang penyumbang dana amal jariah iaitu skim potongan gaji yang telah menarik diri daripada menyalurkan sumbangan kepada pihak YaPEIM dan apakah penarikan itu lebih bersifat sementara? Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam mana-mana apabila satu-satu isu fitnah ini timbul, biasanya akan berlakulah riak-riak yang negatif seperti mana yang disebutkan tadi. Memanglah ada yang menarik diri tetapi seperti mana yang saya sebutkan tadi, jumlah yang tepatnya saya akan beri secara jawapan bertulis. Akan tetapi dalam konteks ini, YAPEIM telah pun menyedari bahawa antara kelemahan yang ada ialah mereka tidak cukup daripada segi menyampaikan informasi dan juga komunikasi kepada masyarakat berkenaan dengan aktiviti-aktiviti jariahnya.

Saya mengambil kesempatan di sini hendak sebutkan, antara perkara-perkara yang kita harus ingat bahawa YAPEIM menggunakan pelbagai saluran termasuklah media sosial, *Facebook* nya dan juga *website*. Cuma apabila berlaku isu seperti ini barulah orang berpusing-pusu untuk pergi melihat apa isi kandungan *website* dan juga *Facebook* kerana isi kandungan *Facebook* dan juga *website* YaPEIM ini sebenarnya sudah pun meliputi segala aktiviti YaPEIM.

Kalau boleh saya kongsiikan antaranya, YaPEIM melalui dana-dana skim potongan gaji dan jariah dan juga sebahagian besar daripada keuntungan itu digunakan untuk aktiviti-aktiviti seperti Skim Anugerah Kecemerlangan Pelajar Nasional (SANTUN) yang mana ada 5,200 orang anak-anak yatim dan miskin yang mendapat manfaat daripada YaPEIM. Manfaatnya daripada bentuk apa? Pertama, YaPEIM memperuntukkan RM3,600 bagi setiap pelajar dan RM3,000 saham koperasi SANTUN ini yang mana RM500 dicarumkan bagi setiap tahun selama enam tahun.

Untuk apa saham-saham ini? Ini kerana seperti mana saya katakan tadi, model YaPEIM bukannya satu bentuk amal jariah yang bersifat memberi ikan tetapi memberi kail untuk mengajar bagaimana anak-anak miskin ini boleh berdikari pada akhirnya. Oleh sebab itulah program-program YaPEIM bagi anak-anak santun ini bukan sahaja mereka ini diberikan wang tetapi diberikan saham. Sepanjang mereka berada di universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi, mereka dilatih aspek keusahawanan, aspek kepimpinan dan apabila mereka 'bergraduasi', modal daripada saham-saham koperasi ini akan digunakan dan dijana kepada mereka untuk mereka melakukan aktiviti perniagaan sebagai modal awal mereka berniaga. Ini antara modal yang sering kali rakyat ataupun masyarakat tidak mendapat maklumat yang tepat berkenaan dengan modal kebajikan YaPEIM.

Jangan kita lupa juga, YaPEIM jugalah institusi yang bertanggungjawab menginisiatifkan penubuhan Amanah Ikhtiar Malaysia. Sekali lagi Amanah Ikhtiar Malaysia satu skim ataupun program yang membantu orang-orang miskin di kampung-kampung untuk berniaga yang mana model ini sekali lagi bukan bersifat memberi ikan tetapi memberi kail supaya penjana ekonomi orang-orang miskin ini dapat diperkasakan.

Itu sebahagiannya, yang selebihnya YaPEIM kalau kita boleh rujuk kepada *website*, dan juga *Facebook* YaPEIM dan hari ini YaPEIM memang memfokuskan kepada hendak memberikan

informasi seluas-luasnya kepada semua pencarum supaya apabila berlakunya fitnah seperti ini, YaPEIM menyedari bahawa mereka perlu menggandakan usaha bagi memecahkan kebuntuan dan menjernihkan segala kekalutan yang melanda pemikiran rakyat akibat fitnah-fitnah yang dicorakkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

**2. Dato' Hoh Khai Mun** minta Perdana Menteri menyatakan, keberkesanan pelaksanaan Skim Pinjaman Penduduk Kampung Baru Cina (PKBC) melalui Bank Simpanan Nasional dan apakah syarat-syarat kelayakan pemohon bagi skim tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali kerana ia adalah merupakan soalan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hoh Khai Mun bertarikh 8 hari bulan pada hari ini, dan juga esok, 9 Disember telah menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan isu pembangunan di Kampung Baru.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, teruskan.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, skim pinjaman khas penduduk Kampung Baru Cina yang dikenali dengan singkatannya PKBC adalah bertujuan untuk memberi bantuan kewangan dengan kadar faedah yang rendah kepada penduduk Kampung Baru untuk memperbaharui premium tanah, membiayai aktiviti perniagaan kecil dan menaik taraf rumah. PKBC ini telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Ke-10, dan peruntukan berbentuk dana pusingan sebanyak RM100 juta telah disediakan oleh kerajaan melalui Bank Simpanan Nasional untuk melaksanakan program tersebut.

Sehingga 31 Oktober 2015, seramai 5,122 orang penduduk telah menerima faedah di bawah program PKBC ini dengan berjaya mendapat pinjaman berjumlah RM167 juta. Daripada jumlah pinjaman tersebut, 99% merupakan pinjaman berbentuk mikro kredit di mana telah membantu penduduk Kampung Baru dalam menjalankan perniagaan kecil di dalam atau sekitar kawasan Kampung Baru. Keadaan ini secara tidak langsung dapat merancakkan kegiatan ekonomi di dalam kawasan Kampung Baru kerana penduduk Kampung Baru memulakan perniagaan kecil atau mengembangkan perniagaan mereka dengan syarat pinjaman yang lebih mudah.

■1020

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, antara syarat bagi pemohon yang berkelayakan untuk memohon PKBC: pertama, pemohon perlu mendapatkan pengesahan daripada Pegawai Kemajuan Perkampungan dan juga Pengerusi JKKK atau pun JKKKP; kedua, berusia 21 tahun ke atas dan tidak melebihi 65 tahun semasa menamatkan pinjaman; ketiga, bukan seorang yang bankrap dan berjaya melepasi semakan kredit bank; dan keempat, tergolong sebagai perniagaan mikro dan perniagaan perlu didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Kadar hutang tidak berbayar bagi PKBC adalah rendah iaitu sebanyak 3% dan memandangkan ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan, Kerajaan Pusat akan meneruskan PKBC ini dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Adalah diharapkan dengan suntikan baru peruntukan kerajaan dalam RMKe-11 ini dapat membantu lebih ramai penduduk kampung baru untuk mendapatkan pinjaman mikro bagi memulakan perniagaan kecil dan mengembangkan perniagaan yang sedia ada yang secara tidak langsung akan menyumbang kepada pembangunan di dalam dan sekitar Kampung Baru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun juga membangkitkan persoalan mengenai orang-orang muda tidak lagi berminat untuk tinggal atau mengusahakan perniagaan dan pertanian di Kampung Baru. Sebenarnya saya percaya persoalan ini bukan sahaja isu yang hanya berlaku di Kampung Baru, malah ia merupakan satu fenomena luar bandar yang tidak dapat dielakkan walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan di kawasan luar bandar. Antara faktor utama pengaliran keluar orang muda adalah disebabkan oleh tekanan hidup akibat daripada aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan yang terhad di kawasan kampung dan tarikan kemudahnya atau *accessibility* kemudahan di kawasan bandar.

Usaha pembangunan di Kampung Baru merupakan tanggungjawab bersama pelbagai pihak yang berkaitan. Selain daripada menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap dan juga seperti mana yang telah saya huraikan melalui program PKBC, kita juga berpandukan kepada Pelan Induk Kampung Baru iaitu terdapat 31 strategi jangka panjang dan jangka pendek termasuklah strategi yang merencanakan aktiviti ekonomi dan juga pertanian di kawasan Kampung Baru.

Lonjakan ekonomi Kampung Baru tidak seharusnya tertumpu pada pihak individu sebaliknya perlu lebih fokus kepada pembangunan ekonomi komuniti kampung yang lebih menyeluruh dan mampan. Dalam hal ini, saya percaya bahawa JKKK dan JKKP yang merupakan peringkat akar umbi ini akan memainkan peranan yang kritikal dan penting dalam menggerakkan ekonomi yang mampan bagi sesebuah Kampung Baru. Inisiatif ini memerlukan JKKK dan JKKP yang kreatif, berwawasan dan proaktif dan merancang perancangan aktiviti ekonomi kampung masing-masing.

Mereka perlu mengenal pasti kegiatan ekonomi atau aktiviti pelancongan yang berpotensi untuk berdaya saing di kampung-kampung mereka. Potensi yang dapat dikembangkan keunikan daripada segi pemandangan alam sekitar, masakan, produk makanan, hasil pertanian, ekotourism, sukan, bakat seni, perubatan bagi penduduk kampung dan sebagainya. Dalam hal ini, JKKK dan JKKP boleh bekerjasama dengan pemimpin tempatan, pihak berkuasa tempatan, pihak media dan badan bukan kerajaan untuk menjayakan misi ini.

Antara contoh yang ingin saya kongsi dengan Dewan yang mulia ini ialah projek Machap Walk di Melaka. Projek ini telah dilancarkan pada 2 Oktober baru-baru ini dan merupakan satu tarikan baru di negeri Melaka. Projek ini dikendalikan sepenuhnya oleh JKKK Kampung Baru Machap Baru dan merupakan satu projek yang boleh menggerakkan ekonomi penduduk tempatan. Melalui projek sedemikian, penduduk kampung bukan sahaja dapat

memperkenalkan masakan dan produk makanan kampung kepada orang luar malah mempunyai peluang untuk menjana lebih pendapatan iaitu menjelang hari minggu dan tiga hari dalam seminggu itu mereka boleh mendapat setiap hari lebih daripada RM1,000 daripada segi pendapatan. Itu sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, silakan Yang Berhormat Dato' Hoh Khai Mun.

**Dato' Hoh Khai Mun:** Terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, di mana dua soalan dapat dijawab pada hari ini dan sudah menunjukkan bagaimana untuk mengatasi kelemahan dan bagaimana menunjukkan keperluan dari Kampung Baru di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa BSN iaitu Bank Simpanan Nasional hanya diberi mandat menyelenggarakan bantuan mikro kredit cuma kepada perniagaan sahaja di mana melalui laman web BSN tidak memberi maklumat mengenai bantuan lain seperti pinjaman untuk membaiki rumah dan pinjaman untuk memperbaharui pajakan tanah Kampung Baru. Malah jawapan sama yang telah diberikan kepada pembantu saya semasa membuat pertanyaan melalui talian khidmat pelanggan BSN pada 9 November 2015. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya ingin menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, skim PKBC ini sebenarnya berjalan dengan begitu baik sekali dan Bank Simpanan Nasional juga menganggap ini sebagai satu projek yang berjaya di mana NPLnya kurang daripada 3%. Bermaksud orang ini meminjam tetapi membayar dan sebab itulah modal pusingan awal RM100 juta sekarang telah menjangkau jumlah secara kumulatif iaitu RM167 juta dan kita lihat daripada segi jumlahnya 5,122 orang dapat dan saya pernah membuat analisa, berapakah peratusan untuk tiga skim yang diwujudkan?

Pertama, skim pembayaran premium tanah. Kalau kerajaan negeri hendak bagi satu TOL, mereka boleh menggunakan ini sebagai satu bukti untuk mendapatkan pinjaman Bank Simpanan Nasional tetapi sepanjang lima tahun, setakat ini hanya 11 kes yang berjaya kerana sambutan sangat dingin. Satu lagi skim 'C' yang ingin saya kongsi dengan Yang Berhormat ialah skim untuk dia hendak membuat renovasi rumah. Itu pun setakat lima tahun hanya lima kes. Ini bermaksud daripada 5,122 kes kalau kita tolak 16 kes, lebih daripada 5,100 orang peminjam ini lebih menumpukan kepada mikro kredit.

Sebab itulah kita melihat daripada segi peratusan, 99% lebih daripada 99% menumpukan kepada sektor iaitu pinjaman mikro kredit dan dalam Rancangan Malaysia Ke-11, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah umumkan supaya kita tumpukan kepada ini di samping yang kedua-dua skim itu masih kita wujudkan tetapi 99% sambutan adalah lebih daripada itu. Saya melihat ini satu program yang sangat berjaya dan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 ini diperuntukkan RM100 juta lagi untuk sebagai dana pusingan dan ia dapat membantu bagi mereka yang hendak memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan mereka. Sekian, terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan dipersilakan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mewakili rakan-rakan saya orang-orang Tionghoa di kampung saya yang di luar skim Kampung Baru. Ada rakan-rakan saya yang menyatakan bahawa yang di Kampung Baru itu kita tahu sejarah mereka dan sekarang ini mereka telah dibela sedemikian rupa.

Adakah kementerian telah mengkaji mereka yang di luar skim Kampung Baru ini, mereka yang berjuang bersama-sama dengan para pejuang dahulu? Adakah mereka ini diberi pembelaan yang sama oleh kementerian dan apakah mereka ini dibiarkan untuk bertemu dengan bank-bank ataupun tempat-tempat pinjaman yang lain di luar kawasan yang saya bercakap ini iaitu di luar kawasan skim Kampung Baru ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini satu soalan yang baik kerana ramai tidak tahu bahawa selain daripada 612 buah kampung baru yang ada, apa akan berlaku kepada penduduk-penduduk yang dahulunya duduk di sana sekarang tidak lagi bermastautin di kawasan Kampung Baru. Jawapannya mudah kerana tahun lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mewujudkan satu skim di mana kita memberi *soft loan* kepada mana-mana SME dan jumlahnya kalau berbanding dengan mikro kredit.

Saya ingin mengatakan bahawa kepada penduduk Kampung Baru, mereka kalau merasakan pinjaman mikro kredit daripada BSN tak mencukupi, mereka juga layak memohon satu skim di mana RM50 juta disediakan untuk sebagai *soft loan* kepada SME Cina dan pada tahun hadapan, dana skim ini akan disuntik lebih banyak lagi iaitu RM50 juta lagi. Setakat ini saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, dalam tempoh empat bulan, kita telah meluluskan pinjaman sebanyak RM31.2 juta dan jumlahnya antara RM50,000 hinggalah RM250,000 setiap SME yang memohon.

#### ■1030

Ini bermaksud bagi mereka yang duduk di luar kawasan itu, mereka juga boleh memohon dan kita tidak menghadkan hanya untuk Kampung Baru kerana itu dikhaskan untuk semua kawasan dan mereka boleh memohon seperti peniaga bumiputera, mereka boleh memohon mengikut skim yang ada. Sama juga kepada kaum India dan ini secara khasnya telah disediakan untuk peniaga Cina.

Jadi dalam kes ini saya ingin menyatakan bahawa kita mempunyai banyak lagi agensi-agensi kerajaan termasuk BSN, ada skim mikro kredit selain dari Kampung Baru. Ada juga skim yang menarik. Kalau SME Bank boleh menawarkan dan kita lihat MIDF juga ada dan peranan kita ialah pembawa semua sumber ini, maklumat ini kepada peniaga supaya mereka tahu. Kalau mereka layak untuk memohon, mereka boleh menggunakan kebaikan ataupun keistimewaan yang ada dengan memperoleh dana-dana yang disediakan oleh kerajaan. Terima kasih.

**3. Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin** minta Menteri Pertahanan menyatakan, sejauh mana kandungan modul baharu Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) mampu melahirkan warganegara yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi dan mampu memberi sumbangan kepada pembangunan negara serta melahirkan individu yang berkemahiran.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin secara bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan pertamanya oleh Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader pada 14 Disember 2015. Kedua, daripada Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee pada 17 Disember dan ketiga daripada Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han pada 21 Disember 2015 secara bersekali kerana isu-isu yang dibangkitkan adalah sama dan ia dirujuk kepada Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan dan PEMANDU telah melaksanakan makmal transformasi PLKN pada 27 Februari sehingga 27 Mac 2015 yang lalu. Hasil daripada pelaksanaan makmal telah mencadangkan supaya PLKN dilaksanakan secara bersepadu bagi memberi kesan yang lebih positif ke dalam diri setiap pelatih yang telah dilaksanakan dalam dua fasal. Cadangan ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2015 dan telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan modul yang terkini, ia melibatkan dua fasal. Fasal yang pertama ialah latihan pelatih dan mengikuti modul program pembelajaran bersepadu (*integrated learning program*) selama lapan minggu di bawah kem-kem PLKN dan sebanyak lapan modul baru telah diperkenalkan. Setelah tamat fasal pertama, pelatih-pelatih akan mengikuti latihan di fasal kedua yang menyediakan latihan kemahiran teknikal di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Menyentuh isu modul, pelbagai budaya Malaysia diterapkan dalam modul PLKN yang baru. Suka saya jelaskan di sini sejak PKLN dimulakan pada tahun 2004, pengenalan bagi budaya setiap adab resam dan pelbagai kaum di Malaysia telah diperkenalkan. Modul ini akan diteruskan, diperkukuhkan dan dipertingkatkan di bawah transformasi PLKN melalui pelaksanaan modul Malaysiaku yang akan diajar secara *experiment learning* kepada pelatih.

Menyentuh isu yang melibatkan pelatih PLKN secara sukarela sewaktu musim banjir iaitu kerja-kerja sukarela supaya mereka akan diberi perhatian dan saya hendak maklumkan pada banjir yang lepas, lebih kurang 4,000 orang pelatih daripada PLKN telah terlibat dengan kerja-kerja sukarela ini.

Akhir sekali pihak PLKN atau pihak kementerian berharap dengan transformasi yang dicadangkan ia akan menjadikan PLKN lebih dilihat bermanfaat kepada peserta-peserta tanpa meninggalkan teras yang asas kepada pelaksanaan yang telah kita lancarkan pada masa-masa yang lepas. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dengan baik sekali. Soalan

tambahan saya ialah apakah langkah-langkah susulan yang diambil oleh kerajaan terhadap bekas-bekas pelatih PLKN ini bagi mengekalkan semangat patriotisme dan cinta negara. Terutamanya dalam keadaan dunia hari ini dengan ledakan teknologi maklumat terutamanya bagi mengelakkan mereka ini terlibat dengan fahaman negatif, ekstrem, militan seperti IS dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang kita tahu bahawa PLKN ini kita telah perkenalkan dulu pertama sekali ialah untuk menyemai semangat patriotisme. Kedua, perpaduan dan ketiga ialah kesukarelawan. Jadi pada apa yang saya lihat daripada modul yang baru ini pun tidak lari daripada matlamat yang asal, bahkan penambahbaikan daripada segi pelaksanaan iaitu apabila mereka masuk ke fasal kedua, mereka akan ditawarkan kursus-kursus kemahiran yang akan diberi titik berat berkenaan dengan masa depan mereka. Di sini, sekali lagi kita akan menanam semangat ini. Fasal kedua ini akan melibatkan lebih sepuluh buah agensi lain.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, bagi pelatih-pelatih perintis yang kita latih baru-baru ini dan akan tamat pada 15 Disember ini, semua mereka itu telah ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran mereka atau ke sesi kedua di pusat-pusat latihan yang saya sebutkan tadi di IKBN. Kebanyakan mereka telah diterima oleh IKBN. Selain daripada itu iuntuk mereka menanam semangat setia kepada negara dan sebagainya. Kita ada kita punya alumni dan kita juga akan menubuhkan sebuah yayasan yang mana kita akan memberi latihan dan juga tunjuk ajar. Kita juga akan mengadakan program-program bersama dengan alumni PLKN ini supaya mereka terus dapat kita hubungi dan bimbing mereka supaya mereka menjadi warganegara yang baik. Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi. Saya ingin bertanya kementerian. Orang-orang muda ini harapan kita pada masa depan dan di tangan merekalah nanti teraju pentadbiran negara ini akan berada. Jadi saya hendak tengok, apabila kita tengok di sini modul baru yang telah diperkenalkan sebagaimana soalan tercatat di sini, maka saya hendak tengok kalau boleh perbezaan modul lama dengan modul baru. Apa yang kita harap impak-impak yang lebih baik dan cemerlang kepada anak-anak muda kita yang telah mengikuti latihan tersebut.

Kemudian saya tengok tadi alumni yang telah ditubuhkan itu satu hal yang baik. Sejauh mana mereka ini dapat memberi input yang berkesan di kalangan mereka dan juga kepada pembangunan negara kita? Terima kasih.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya PLKN yang baru ini kita memilih mereka dari sebuah golongan iaitu mereka yang dijangka tidak dapat mengikuti pembelajaran mereka ke universiti. Pemilihan ini dibuat oleh Kementerian Pendidikan sendiri iaitu mereka yang kita lihat yang ada potensi untuk diberi latihan kemahiran di dalam bidang-bidang yang tertentu yang saya sebutkan tadilah melalui pusat-pusat latihan kemahiran yang sedia ada di negara kita ini yang di bawah kementerian-kementerian lain, umpamanya mereka yang kita latih baru-baru ini.

## ■1040

Semua mereka, 300 lebih mereka ini telah mendapat tempat untuk mengikuti dalam bidang-bidang yang tertentu. Sudah pasti mereka ini akan terjamin masa depan mereka daripada segi kerja dan sebagainya. Kita juga akan bekerjasama dengan GLC dan sebagainya untuk menempatkan mereka apabila mereka keluar kelak.

Mengenai lain-lain itu yang saya sebutkan, jadi daripada segi- ia tidak lari dari asas penubuhan kita dan daripada segi patriotisme dan juga macam kata kita semai selama ini, saya nampak telah sedikit sebanyak memberi kesan. Ini kerana baru-baru ini apabila kita terlibat dengan bencana alam yang serius di Kelantan, di Pantai Timur, lebih 4,000 orang daripada sukarelawan yang di bawah PLKN ini telah datang untuk membantu kita. Saya percaya sekiranya berlaku sekarang ini di bawah program yang kita ada, lebih ramai akan terlibat. Terima kasih.

4. **Dr. Syed Husin Ali** minta Menteri Kewangan menyatakan, penjimatan daripada penghapusan subsidi-subsidi pada tahun ini mengikut jenis subsidi.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali bersama-sama dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin yang dijadualkan pada 14 Disember 2015. Ini memandangkan kedua-dua soalan tersebut menyentuh perkara dan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, langkah penghapusan dan rasionalisasi subsidi telah memberi penjimatan wang kerajaan di mana langkah tersebut diambil alih oleh kerajaan bagi tujuan penstrukturan semula kaedah pemberian subsidi agar lebih fokus dan menepati kumpulan sasar. Langkah tersebut dilaksanakan dengan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal yang membawa banyak ketirisan kepada subsidi yang bersasar, *well targeted subsidies*. Di bawah prinsip ini, pemberian subsidi akan tetap diteruskan tetapi akan disasarkan hanya kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Kerajaan mengambil pendekatan merasionalisasikan subsidi secara berperingkat, *rationalization of subsidy* secara berperingkat khususnya dalam persekitaran ekonomi global yang amat mencabar. Pendekatan sebegini adalah bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan pada masa yang sama memastikan kos sara hidup rakyat tidak terjejas dengan ketara terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah. Penjimatan wang kerajaan terutamanya dapat dilihat sejak tahun 2013 dengan langkah penghapusan subsidi gula pada bulan November 2013 dan pelaksanaan sistem pengapungan terkawal atau *manage float* ke atas harga runcit petrol RON95 dan diesel bermula Disember 2014.

Melalui penghapusan subsidi gula, kerajaan telah mendapat menjimatkan perbelanjaan tahunan sebanyak RM300 juta. Begitu juga dengan langkah rasionalisasi subsidi bahan api berikutan pelaksanaan sistem pengapungan secara terkawal bagi harga runcit RON95 dan diesel. Penjimatan dianggarkan hampir RM11 bilion bagi tahun 2015. Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Menteri. Lazimnya apabila diberi subsidi, yang mendapat untung ialah semua golongan tetapi apabila ditarik subsidi itu ataupun *restructure*, maka yang lebih teruk menanggung beban ialah golongan rendah pendapatan ataupun yang miskin. Ini diakui oleh Menteri sendiri tadi yang menyatakan bahawa perubahan perlu dibuat supaya golongan yang disasarkan mendapat untung. Soalan saya ialah sejauh manakah telah berjaya skim untuk memberikan subsidi yang disasarkan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah ini? Kalau ada masalah tentang menjalankan ini, apakah masalah-masalah tersebut? Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, kerajaan walaupun kita mengurangkan subsidi ini secara bersasar tetapi duit yang kita dapat ini contoh daripada RON95 dan diesel ini adalah sebanyak RM11 bilion, maka kita salurkan balik semula kepada rakyat. Antara program yang kita buat ialah contoh meneruskan pemberian BR1M dengan menambah kadar bayaran bagi setiap kategori dengan isi rumah dengan peruntukan yang bertambah setiap tahun.

Pada tahun 2016, kerajaan bajet RM5.9 bilion. Di samping itu, kita juga meneruskan bantuan tunai lain seperti bantuan persekolahan, bantuan Baucar Buku 1Malaysia, penyediaan lebih banyak kemudahan Klinik 1Malaysia dan juga Kedai Rakyat 1Malaysia. Kemudian kita meneruskan pemberian bantuan pendidikan dengan jumlah peruntukan RM7.9 bilion berbanding kalau kita tengok yang lepas-lepas kita bagi lebih kurang dalam RM7 bilion sahaja. Kemudian kita juga meningkatkan banyak biasiswa yang diberi kepada pelajar-pelajar, bantuan makanan, asrama, susu, buku. Kita lebih kepada *targeted* sebarang subsidi yang kita dapat kurangkan, kita salurkan kepada mereka yang secara spesifik.

Di samping itu juga, kerajaan juga terus lebih banyak membina rumah-rumah PPR. Jadi, saluran-saluran duit ini disalurkan kepada kementerian-kementerian yang boleh membantu masyarakat secara umum yang berpendapatan rendah.

**5. Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apa langkah-langkah yang diambil pihak kementerian terhadap pemaju-pemaju perumahan yang tidak langsung mengambil tindakan membaik pulih projek-projek mereka yang terbengkalai. Nyatakan jumlah bilangan projek-projek terbengkalai yang telah dikenal pasti di sekitar Wilayah Persekutuan, jika ada.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan beberapa soalan iaitu, yang pertama dengan soalan Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin bertarikh 14 Disember, dan 15 Disember 2015 serta soalan Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani bertarikh 15 Disember 2015 yang bertanyakan mengenai projek perumahan swasta terbengkalai.

Kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini Tuan Yang di-Pertua, melibatkan lima perkara yang akan saya jawab. Mungkin jawapannya panjang sedikit.

- (i) langkah yang diambil terhadap pemaju-pemaju yang tidak mengambil tindakan ke atas projek-projek mereka yang telah terbengkalai;
- (ii) jumlah bilangan projek-projek terbengkalai di sekitar Wilayah Persekutuan;
- (iii) tindakan dan langkah penyelesaian;
- (iv) langkah-langkah penguatkuasaan; dan
- (v) cadangan tindakan bagi melindungi pembeli-pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, dari tahun 2009 sehingga ke November 2015 Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 226 buah projek perumahan swasta terbengkalai telah pun direkodkan di seluruh Semenanjung Malaysia. Jumlah ini Tuan Yang di-Pertua, melibatkan 60,865 unit rumah dan juga melibatkan seramai 40,774 orang pembeli. Secara terperinci Tuan Yang di-Pertua, 175 projek iaitu 75% telah pun berjaya disiapkan dan diselesaikan. Sebanyak 22 projek ataupun 10.7%, sedang berada di pelbagai peringkat pemulihan, manakala sebanyak 32 buah projek iaitu 14.3% lagi masih lagi berada pada peringkat perancangan awal untuk dipulihkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani, bagi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Yang Berhormat, untuk tempoh yang sama terdapat sembilan buah projek yang telah pun diisytiharkan sebagai projek perumahan terbengkalai Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Akta 118. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lapan buah projek ataupun 89% telah pun berjaya diselesaikan. Manakala baki satu lagi projek sedang dalam peringkat perancangan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tindakan penguatkuasaan pula. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, kementerian telah pun memperkasakan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 iaitu Akta 118 dengan pindaan baru yang telah pun mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2015. Dalam pindaan Akta 118 ini Tuan Yang di-Pertua, telah pun diwujudkan peruntukan baru iaitu seksyen 18(a) yang membolehkan tindakan pendakwaan diambil terhadap mana-mana pemaju perumahan yang mengakibatkan projek perumahan terbengkalai.

#### ■1050

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen ini, mana-mana pemaju perumahan berlesen yang melanggar kepada seksyen 18A(i) boleh didenda tidak kurang daripada RM250,000 dan tidak melebihi daripada RM500,000 ataupun dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, masih tidak ada pemaju perumahan terbengkalai didakwa di mahkamah kerana peruntukan baru ini tidak mempunyai kesan retrospektif dan ini bermakna hanya pemaju yang mempunyai lesen pemaju perumahan pada atau selepas 1 Jun 2015 tertakluk kepada peruntukan-peruntukan baru yang ada dalam Akta 118.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, semua pemaju perumahan yang terlibat dalam projek terbengkalai telah pun disenaraihitamkan termasuklah ahli lembaga pengarah syarikat berkenaan. Apabila pemaju dan ahli lembaga pengarah ini telah disenaraihitamkan dalam senarai kementerian, dalam sistem yang ada kepada kementerian, mereka tidak boleh lagi Tuan Yang di-Pertua mendapatkan apa-apa lesen pemaju perumahan serta permit iklan atau penjualan yang baru. Senarai pemaju-pemaju yang disenaraihitamkan ini akan dipaparkan di laman sesawang KPKT untuk rujukan kepada semua pembeli dan *stakeholders* yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah syarikat yang telah pun disenaraihitamkan sebanyak 151 orang pemaju dan melibatkan 811 orang Ahli Lembaga Pengarah yang turut disenaraihitamkan.

Menyebut kepada usaha pemulihan projek terbengkalai Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun mengambil beberapa langkah inisiatif untuk memastikan supaya pemulihan projek perumahan terbengkalai berjaya disiapkan, antaranya:

- (i) mengenal pasti pemaju-pemaju berkeupayaan dan berpengalaman untuk mengambil alih projek-projek bagi pemulihan;
- (ii) melaksanakan pemulihan projek perumahan terbengkalai terutamanya kepada kategori kos rendah dan juga kos sederhana rendah melalui peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bagi menampung kos tambahan pemulihan kepada projek-projek tersebut;
- (iii) mengadakan rundingan dari masa ke semasa dengan pihak berkepentingan;
- (iv) menyelaraskan usaha pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai seperti mengadakan mesyuarat, lawatan tapak, perbincangan terbuka;
- (v) memantau dan menyelaraskan pemulihan bagi semua projek perumahan swasta terbengkalai dengan kerjasama pihak berkuasa negeri dan juga pihak berkuasa tempatan;
- (vi) mengenakan tindakan pendakwaan dan juga kompaun ke atas pemaju yang tidak mematuhi kepada peruntukan dan peraturan yang terkandung dalam Akta 118; dan,
- (vii) melaksanakan usaha pemantauan dan penyelarasan yang lebih rapi.

Bagi isu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, yang dibangkitkan ialah bagaimana untuk membantu pembeli-pembeli. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu para pembeli yang terlibat, kementerian telah pun mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai kepada semua pembeli untuk diserahkan kepada pembiaya kewangan bagi unit rumah berkaitan. Melalui surat pengesahan ini Tuan Yang di-Pertua, pihak pembeli boleh mendapatkan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- (i) pertimbangan pengurangan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman perumahan daripada institusi perbankan;
- (ii) permohonan pertimbangan pengeluaran kali kedua daripada pihak KWSP;

- (iii) pertimbangan kepada pembeli yang membuat pinjaman perumahan kerajaan sama ada untuk menamatkan pinjaman yang diberi peluang untuk memohon dan diberi peluang untuk memohon pinjaman yang baru dan diberikan pertimbangan juga untuk menanggungkan kenaikan faedah pinjaman pada kadar 4% sepanjang tempoh projek dipulihkan atau selama lima tahun pada mana-mana yang terdahulu.

Walaupun bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, semua perkara ini adalah tertakluk kepada penilaian yang akan dibuat oleh institusi pembiaya ke atas peminjam-peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yang berpaksikan kepada kesejahteraan rakyat, kementerian juga turut membantu pembeli untuk berbincang dengan pihak pembiaya bagi penyambungan kepada mana-mana pinjaman penambahan jumlah pinjaman setelah pemaju penyelamat dikenal pasti dan kerja-kerja pemulihan mula dijalankan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab dengan panjang lebar. Sebenarnya soalan tambahan saya ada dua perkara sahaja. Pertamanya, tentang soal tindakan, pun sudah dijawab oleh Timbalan Menteri. Keduanya soal undang-undang yang sedia ada, pun sudah dijawab oleh Timbalan Menteri. Sudah terjawab semuanya. Jadi, soalan tambahan tidak adalah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus Yang Berhormat [*Ketawa*]

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Datuk.

**Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi.

**Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada awal bulan September 2015, Menteri telah pun mengumumkan bahawa penyelenggaraan di PPR akan ditanggung 100% oleh kerajaan. Pertanyaan saya ialah apakah dasar ini sudah mula dilaksanakan dan apakah kaedah ataupun SOP yang digunakan untuk melayan aduan-aduan daripada penghuni PPR?

Ini adalah kerana pada penghujung bulan November, sepasang suami isteri OKU yang tinggal di PPR Taman Wahyu 2 telah mengalami satu situasi yang amat menyukarkan dan menyedihkan yang mana butang lif ke tingkat satu rosak dan dia buat laporan, tetapi tidak dilayani. Kedua-dua mereka ini terpaksa merangkak naik ke tingkat satu dan turun untuk menjalankan kehidupan sehariannya. Saya menunggu jawapan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan yang saya jawab sebentar tadi, melibatkan kepada dua persoalan yang dibangkitkan oleh dua orang Yang Berhormat Senator yang berkaitan dengan projek-projek terbengkalai, Yang Berhormat. Walaupun ia tidak ada kaitan dengan soalan yang



saya jawab pada pagi ini Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi, tetapi saya akan menjawab kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat, kenyataan tadi yang PPR ditanggung oleh kerajaan itu, ia bukan bermaksud PPR. Kepada mana-mana penghuni yang hendak masuk dalam PPR, yang dibina oleh Jabatan Perumahan Negara di bawah kementerian ditanggung oleh kerajaan, tidak. Kalau ada yang tidak mampu, kita boleh uruskan dengan bantuan sewa rumah. Saya ingat agaknya maksud Yang Berhormat tadi ini ialah di bawah program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) yang mana Tuan Yang di-Pertua, di bawah program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia ini kita memberikan peruntukan, peruntukan disediakan untuk kita membantu memulihkan kepada mana-mana *flat* rumah kos rendah ataupun *flat* rumah kos sederhana rendah yang dibina oleh pihak swasta Tuan Yang di-Pertua, yang berusia sepuluh tahun ke atas. Jadi, pihak JMB boleh membuat permohonan kepada COB iaitu pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa tempatan akan mengangkat kepada pihak kerajaan negeri dan seterusnya kepada peringkat kementerian.

Melalui peruntukan yang diletakkan di bawah program TP1M ini Tuan Yang di-Pertua, ia melibatkan lapan skop kerja. Antara skop kerja yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi tadi itu ialah pendawaian semula, membaik pulih atau mengganti lif, membetulkan tangga dan *handrail*, mengecat, membetulkan ataupun menaik taraf sistem retikulasi, sistem sanitari dan sebagainya.

Bagi maksud yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat bagi sahaja nama kepada *flat* yang terlibat dan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah pun membuat keputusan kepada mana-mana *flat* yang memerlukan kepada baik pulih, menaik taraf yang melibatkan lif, pendawaian semula, tangga dan *handrail*, ia tidak akan mengambil kira kepada moratorium yang saya sebutkan iaitu sepuluh tahun. Mana-mana *flat* kos rendah dan *flat* kos sederhana rendah yang perlu baik pulih kepada lif, pendawaian semula dan juga tangga dan *handrail* di bawah sepuluh tahun boleh juga membuat permohonan kepada pihak COB dan seterusnya akan sampai kepada pihak kementerian untuk diluluskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) impak kepada Syarikat Petroleum Negara (Petronas) ekoran ketidaktentuan harga minyak di pasaran global; dan
- (b) langkah Petronas menghadapi tempoh sukar ini dan tahap keyakinan kerajaan bahawa Petronas mampu kekal menjana keuntungan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak kita nafikan penurunan harga minyak mentah antarabangsa telah pun memberi kesan secara langsung kepada prestasi kewangan Petronas seperti mana juga dengan syarikat-syarikat minyak antarabangsa yang lain. Bagi tempoh kewangan sembilan bulan berakhir pada 30 September 2015, harga minyak mentah antarabangsa *brent* telah jatuh sebanyak 48% daripada USD106.57 sebarel atau setong kepada USD55.39 setong. Malah pada hari ini harga minyak *brent* telah terus jatuh ke paras USD41 berikutan keputusan negara-negara OPEC pada hari Jumaat yang lalu untuk tidak mengurangkan kadar pengeluaran minyak mereka

■1100

Berikutan dengan kejatuhan harga tersebut, pendapatan kumpulan Petronas telah jatuh sebanyak 25% daripada RM249.78 bilion pada tahun 2014 kepada RM187.56 bilion untuk tempoh sembilan bulan pertama pada tahun 2015. Manakala, EBITDA ataupun perolehan sebelum faedah cukai susut nilai dan pelunasan telah jatuh sebanyak 43% dan keuntungan selepas cukai juga telah jatuh sebanyak 57% daripada RM54.89 bilion kepada RM23.82 bilion. Petronas telah bersikap secara proaktif untuk menghadapi keadaan pasaran industri minyak dan gas yang tidak menentu dan sentiasa berubah-ubah ini. Ini dilaksanakan dengan sentiasa mengamalkan prinsip perbelanjaan yang berhemah. Petronas antara lain telah menggariskan beberapa langkah melibatkan pengurangan perbelanjaan modal ataupun CAPEX sehingga 15% dan pengurangan perbelanjaan operasi ataupun OPEX dalam lingkungan antara 15% hingga 30%.

Walau bagaimanapun, pengurangan perbelanjaan operasi ini tidak akan melibatkan pengurangan pekerja. Selain daripada itu, pelaburan yang akan datang akan turut dinilai semula dengan memberi keutamaan kepada projek-projek yang lebih kompetitif dan berdaya saing. Kerajaan Malaysia yakin bahawa amalan ini dijangka mampu meletakkan Petronas ke posisi yang lebih utuh, lebih berdaya tahan dan mampan dalam menghadapi situasi kemerosotan harga minyak global semasa. Ini telah memberi impak yang negatif bukan sahaja kepada Petronas malah kepada syarikat-syarikat minyak dan gas yang lain juga di seluruh dunia. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, pada saat Petronas mengumumkan bakal mengekalkan 15,000 pekerjanya di lebih 75 buah negara di seluruh dunia, mengurangkan bajet pengiklanan dan menyemak kos operasi. Apakah pelan rasionalisasi yang difikirkan perlu diambil oleh Petronas jika harga minyak terus merudum jatuh? Mohon pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada segi jumlah tenaga kerja Petronas untuk tahun 2014 adalah berjumlah 50,949 orang kakitangan. Sebenarnya seperti yang saya sebutkan tadi Petronas walaupun berusaha untuk mengurangkan perbelanjaan operasi mereka antara 15% hingga 30% tetapi mereka tidak bercadang untuk mengurangkan jumlah pekerja. Jadi, ini adalah penting

untuk memastikan bahawa keupayaan pekerja-pekerja mereka untuk terus berkhidmat akan dapat diteruskan. Berikutan dengan penurunan harga ini seperti yang saya sebutkan tadi, mereka akan sentiasa mengkaji program-program dan pelaburan yang wujud. Di mana mereka akan menilai semula dan akan memberikan keutamaan kepada projek-projek yang lebih kompetitif dan berdaya saing. Kalau kita lihat daripada segi program mereka ini, kalau dalam bidang huluhan ataupun *upstream activities*, memandangkan harga minyak rendah, jadi mereka akan mengurangkan aktiviti huluhan dan lebih fokus kepada aktiviti hiliran ataupun *downstream activities*, dengan izin. Ini termasuklah pelaksanaan projek Rapid yang sedang dijalankan sekarang ini di kawasan Pengerang dan ini akan diteruskan. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pasukan Petronas yakni Mercedes AMG Petronas telah berjaya mengekalkan kejuaraan dua kali berturut-turut di peringkat dunia. Jadi, tahniah dan syabas kepada Petronas.

Jadi, soalan saya sebenarnya berkisar kepada, bagaimanakah kita boleh mengekalkan perniagaan domestik Petronas di negara kita? Kalau kita lihat, syarikat pesaing kita sama rata, peluang yang sama. Saya mengimbau kepada wawancara Pengerusi Petronas, Datuk Wan Zulkiflee menyatakan bahawa perniagaan Petronas di luar negara, perniagaan runcit telah mengalami kerugian ataupun tutup kedai iaitu di Indonesia dan juga di Thailand. Di Indonesia, masalahnya Petronas tidak dapat subsidi minyak seperti syarikat Pertamina yang lain. Di Thailand, saingan 11,000 buah kedai runcit berbanding 130 buah stesen minyak Petronas yang ada di sana.

Persaingan di negara luar memang daripada segi runcit Petronas tidak dapat mengekalkan. Jadi, apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah kerajaan kita, kementerian kita, agensi kita tidak menggunakan syarikat ataupun menggunakan minyak Petronas. Mana mungkin kita dapat keuntungan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat, terus kepada soalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** ...Jika kementerian yang tidak menggunakan minyak Petronas. Saya menyatakan soalan saya, adakah kementerian mewajibkan semua kementerian dan agensi menggunakan minyak Petronas 100%. Saya ada carta menunjukkan bahawa 50% buah agensi kerajaan tidak menggunakan minyak Petronas: pertama - Jabatan Kerja Raya; kedua - Kementerian Pengangkutan; ketiga - Kastam; keempat - KPDNKK sendiri; kelima - Jabatan Perdana Menteri; dan juga Kementerian Kesihatan. Jadi, saya mahu penjelasan, pencerahan Kementerian Kewangan bagi mewajibkan ataupun tidak mewajibkan kepada kementerian ini bagi kita mengekalkan *fixed deposit* keuntungan kita, bagi kita *survival* Petronas di negara sendiri. Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tentang apa yang telah disebutkan oleh Presiden Petronas iaitu Datuk Wan Zulkiflee tentang operasi perdagangan mereka di luar negara. Memang benar perniagaan mereka secara runcit di Indonesia dan

Thailand adalah lebih mencabar berbanding dalam negara. Dalam negara kita, Petronas memang mempunyai antara rangkaian yang besar, stesen-stesen minyak mereka, termasuklah di kawasan-kawasan luar bandar. Ini telah membolehkan mereka mempunyai kuasa pasaran ataupun *market share* yang lebih tinggi. Ini telah membantu secara langsung prestasi mereka di dalam bidang peruncitan ini.

Berkenaan dengan penggunaan minyak ataupun produk Petronas di kalangan agensi-agensi kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana saya tidak ada maklumat tersebut. Jadi, saya tidak dapat memberi komen kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mungkin Yang Berhormat belum berbahas lagi. Masa berbahas, Yang Berhormat boleh bangkitkan soalan-soalan itu.

**7. Datuk Zali bin Mat Yasin** minta Menteri Pendidikan menyatakan, secara statistik jam tugas mengajar dan kerja pentadbiran yang dilakukan oleh guru-guru di Malaysia bagi menjelaskan kepada masyarakat dan menepis tohmahan pembangkang yang pernah menyatakan bahawa guru hanya mengajar 2 jam sehari.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 2007 hingga tahun 2015. Skop tugas dan jumlah kerja guru adalah seperti berikut: pertama, tugas kurikulum - purata antara 37 jam hingga 48 jam seminggu, meliputi tugas seperti penyediaan rancangan pengajaran harian, persediaan bahan bantu mengajar, melaksanakan tugas mengajar dalam kelas, memeriksa buku latihan atau lembaran kerja dan nota murid, merancang dan melaksanakan aktiviti bimbingan dan latihan murid selepas sekolah, menyediakan soalan ujian formatif dan pentaksiran secara berterusan, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PDP) dalam kelas iaitu purata 2.4 hingga tiga jam sehari. Hanyalah sebahagian daripada semua tugas kurikulum guru;

■1110

Kedua, tugas kokurikulum. Purata tiga hingga enam jam seminggu meliputi aktiviti sukan, kelab, persatuan dan unit beruniform. Juga melibatkan pengurusan mesyuarat, latihan, kejurulatihan, pengelolaan pertandingan, logistik, penghargaan seperti sijil dan dokumentasi.

Ketiga, tugas hal ehwal murid. Purata enam hingga tujuh jam seminggu meliputi aspek keselamatan, disiplin dan kebajikan murid.

Keempat, tugas-tugas lain termasuk pengurusan kewangan, pembangunan profesionalisme, hubungan komuniti. Itu semuanya purata dua jam seminggu yang berkaitan dengan pengurusan harta modal, PCG iaitu geran per kapita, kutipan yuran, kursus dalaman dan luaran, kerjasama dengan agensi kerajaan dan NGO serta PIBG.

Maka secara keseluruhannya dapatan menunjukkan guru bekerja secara purata antara 48 hingga 63 jam seminggu. Dapatan Pelaksanaan Rintis NBOS ke-8 di negeri Melaka dan Kedah mendapati tugas luar hakiki guru yang melibatkan tugas perkeranian dan teknikal ICT

adalah antara purata 3.9 hingga 12.7 jam seminggu bergantung kepada skop tugas khas guru. Sekian, terima kasih.

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan Menteri yang saya fikir pecahannya agak spesifik dan kita menerimanya dan agak *clear* untuk kita dengar.

Kalau kita lihat kepada kerja beban tugas guru ini 48 sehingga 63 jam seminggu, purata sehari kerja seorang guru hampir 12.6 jam sehari. Jadi di sini kalau kita lihat bahawa terdapat kesan beban guru ini dan kita akui bahawa ia menjadi satu fenomena bantahan secara *silent* kepada guru-guru.

Jadi soalan tambahan saya ialah- sebelum itu saya hendak ucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan yang baru, Dato' Seri Mahdzir Khalid yang telah pun mengambil inisiatif, antaranya pada tarikh 28 November yang lalu beliau telah mengumumkan bahawa pihak kementerian akan mengambil inisiatif mengkaji hampir 30,000 orang guru yang dikategorikan sebagai berduka lara iaitu jauh daripada pasangan mereka. Terima kasih saya ucapkan kepada Menteri Pendidikan.

Soalan saya ialah, apa kalau beban tugas guru ini sudah banyak, adakah cadangan pihak kementerian untuk menambah guru yang ada di Malaysia? Soalan yang kedua ialah adakah pihak kementerian bercadang untuk melaksanakan apa yang dipanggil sebagai pembantu guru yang sebelum ini diuar-uarkan oleh pihak kerajaan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan berkenaan tambahan kepada guru, dasar pengambil guru adalah berdasarkan kepada nisbah satu kelas kepada 1.5 guru. Maka dengan nisbah tersebut sekarang di negara kita, kita mempunyai hampir 450,000 orang guru. Mengikut nisbah yang ditetapkan, kita mempunyai guru yang cukup.

Akan tetapi, masalah kita ialah kita juga mempunyai banyak sekolah kurang murid. Dengan nisbah tersebut, contohnya sebuah sekolah kurang murid atau SKM yang hanya mempunyai enam orang murid, tetapi setiapnya dalam darjah yang berbeza, Darjah 1 sampai Darjah 6, enam orang murid. Maka, kementerian perlu menyediakan sembilan orang guru untuk sekolah tersebut. Kalau termasuk dengan guru besar, maka 10 hingga 11 orang guru kepada satu sekolah yang mempunyai enam orang murid. Itu antara cabaran yang dihadapi oleh kementerian yang sekarang kita berusaha untuk sama ada memindahkan sekolah tersebut atau mencantumkan sekolah tersebut. Akan tetapi, kadang-kadang sekolah kurang murid itu berada di kawasan yang terpencil yang perlu disediakan untuk keluarga di sekeliling tersebut.

Mengenai dengan cadangan pembantu guru, kita memang ada satu Program Rintis NBOS kelapan yang dilaksanakan di Melaka dan Kedah dan Program Rintis ini nampaknya berjaya membantu mengurangkan kerja guru, tetapi masalah kesuntukan belanjawan negara. Sebab, kalau kita hanya melihat NBOS ini di Melaka, Melaka mempunyai 674 orang guru pembantu dengan GTK -kalau campur Kedah semuanya 2,253 yang memakamkan belanja RM36 juta. Itu cuma Program Rintis di dua buah negeri. Kalaulah diperluaskan di setiap negeri, maka memakan belanja yang amat besar.

Maka, selain daripada cara untuk mengadakan guru bantu itu, kita mempunyai beberapa langkah yang sedang giat diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan beban guru iaitu:

- (i) memastikan pengurusan di peringkat kementerian, negeri, daerah dan sekolah memahami dan mematuhi semua pekeliling serta surat siaran berkaitan yang sedang berkuat kuasa;
- (ii) mengurangkan amalan penyediaan sambutan yang berlebih-lebihan khususnya di peringkat sekolah sehingga menjejaskan masa pengajaran dan pembelajaran murid;
- (iii) kepimpinan sekolah yang berkesan diperkasakan melalui program *National Professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL)*;
- (iv) memastikan pemantauan amalan melindungi masa intruksional dilaksanakan sewajarnya; dan
- (v) pemeraksanaan pengintegrasian data melalui inisiatif *Single Sign On (SSO)* di mana langkah ini akan memastikan guru-guru tidak perlu menggunakan pelbagai sistem untuk merekodkan data.

Sekian, terima kasih.

**8. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, situasi keselamatan di Laut China Selatan yang kelihatan bergolak akibat campur tangan kuasa luar. Apa pendekatan jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh Malaysia untuk menangani masalah ini bagi menjaga kedaulatan dan kepentingan negara.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor atas soalan yang dikemukakan. Saya pohon keizinan untuk saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya pada 21 Disember kerana ia menyentuh perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya, isu Laut China Selatan boleh dikategorikan dalam dua aspek. Pertama, keperluan untuk memastikan keamanan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan atau dengan izin, *freedom of navigation and overflight*. Kedua, tuntutan bertindih yang melibatkan Brunei Darussalam, *Philippine*, Malaysia, Vietnam dan China.

Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan terjamin. Sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan.

Berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian bahawa ia mestilah diselesaikan secara aman oleh negara-negara yang membuat tuntutan atau dengan izin, *the claimants states*. Dalam masa yang sama, tuntutan dan penyelesaian mestilah

berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-undang Laut 1982 atau, dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS 1982). Sekiranya perundingan mencapai kebuntuan, rujukan kepada pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau dengan izin, *International Court of Justice* atau Tribunal Timbang-tara atau dengan izin, *Arbitral Tribunal* adalah merupakan pilihan yang dibenarkan di bawah undang-undang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan bagi memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara. Langkah-langkah yang sewajarnya seperti yang sentiasa diambil termasuklah mengadakan rondaan, pengawasan serta penguatkuasaan, pendekatan diplomatik sama ada secara bilateral atau secara multilateral di peringkat ASEAN mahupun di peringkat forum-forum serantau yang lain sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa.

#### ■1120

Tuan Yang di-Pertua, isu Laut China Selatan khususnya tuntutan bertindih merupakan isu yang kompleks dan mengambil masa yang panjang untuk mencapai penyelesaian. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan dapat dipelihara, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani apa yang dinamakan Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Melalui DOC, pihak-pihak yang mempunyai tuntutan bertindih di Laut China Selatan bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina kesalingpercayaan dan menangani sebarang perbezaan pandangan bagi mengelakkan berlakunya konflik di Laut China Selatan. Secara umumnya bolehlah dikatakan bahawa DOC telah berjaya setakat ini mengekalkan keamanan dan kestabilan di kawasan Laut China Selatan.

Walaupun begitu, negara-negara ASEAN dan China mesti sentiasa berpegang kepada prinsip dan semangat DOC serta terus mengekalkan momentum positif di dalam memastikan pelaksanaan usaha-usaha yang sewajarnya untuk mengekal keamanan di Laut China Selatan termasuklah untuk merealisasikan sebagai susulan kepada DOC tersebut iaitulah perwujudan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea*. Terima kasih.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Soalan tambahan saya ialah, apa pelan tindakan kerajaan menangani isu tuntutan negara China dan juga kehadiran kapal *Coast Guard* China di Beting Patinggi Ali yang jarak jauhnya dari pesisir pantai Sarawak hanya 80 batu nautika. Ini adalah di dalam Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia. Mohon pencerahan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Terima kasih pada Yang Berhormat Tan Sri. Saya hendak maklumkan bahawa isu di Laut China Selatan ini satu isu yang benar-benar kompleks dan bukanlah mudah untuk diselesaikan. Ia tidaklah semudah seperti *Kajang Move* ataupun *Rawang*

*Move*. Akan tetapi isu ini isu yang menuntut pemahaman daripada semua negara yang terlibat ataupun di *Parliament State*.

Saya hendak perelaskan bahawa isu yang membangkitkan tuntutan negara China terutamanya tentang membabitkan pembinaan dan tambakan kawasan yang sebenarnya tidak terlibat dengan kawasan yang merupakan tuntutan bertindih oleh negara Malaysia. Kawasan tersebut merupakan kawasan bertindih dengan negara *Philippine*. Oleh sebab itu *Philippine* telah membawa isu ini ke *International Court of Arbitration* ataupun *Permanent Court of Arbitration* di Hague baru-baru ini dan telah pun didengar. Kesnya bakal didengar lagi pada bulan Disember dan keputusannya akan didengar pada bulan Jun tahun depan.

Namun berkaitan dengan apa yang dibangkitkan tentang beting dan sebagainya, saya hendak maklumkan bahawa tuntutan yang dilakukan oleh Malaysia hanyalah berdasarkan kepada Peta 79 yang membabitkan sembilan ataupun *11 maritime features*. Antaranya Pulau Layang-layang, Terumbu Laksamana dan Pulau Amboyna Kecil. Ada di kalangannya tempat-tempat ini membabitkan tiga bentuk. Ada yang membabitkan *island* (pulau), ada yang membabitkan *rock* dan ada yang membabitkan LTE.

Ketiga-tiga ini mempunyai definisi yang berbeza. Kalau ia merupakan pulau, maka ia ada zon *territorial water* 12 batu nautika dan kemudian ia ada juga EEZ sepanjang 200. Namun kebanyakan *fixer* yang lain, ia merupakan *rock* dan hanyalah LTE. LTE tidak ada langsung 12 batu nautika *territorial water*.

Untuk tujuan itu sebagaimana yang saya telah maklumkan bahawa di bawah AMPM kita sentiasa melakukan rondaan, penguatkuasaan dan yang lebih penting kita mengadakan rundingan secara diplomatik.

Saya hendak tekankan kepada Yang Berhormat bahawa isu Laut China Selatan ini dibangkit secara spesifik ketika Sidang Kemuncak ASEAN baru-baru ini. Malahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi telah mengemukakan, telah membangkitkan lima kenyataan secara tegas dan ia juga telah mendapat respons daripada Premier Li Keqiang ketika mana dalam *intervention* sewaktu Sidang Kemuncak Asia Timur yang ke-10 dan ia memberi satu gambaran yang amat positif dan juga benda yang saya sifatkan amat membina. Terima kasih.

**9. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, mulai tahun 2010 hingga 2015, berapa jumlah pelajar Melayu (dalam negara dan luar negara) yang telah mendapat tajaan biasiswa dan pinjaman MARA.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat yang bertanya, MARA hanya menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran secara boleh ubah bagi pelajar yang layak melanjutkan pelajaran di dalam atau di luar negara. Sejak tahun 2010 sehingga Oktober tahun 2015 ini, MARA telah menaja seramai 125,800 orang pelajar Melayu, bumiputera Sarawak dan Sabah serta Orang Asli untuk pengajian di dalam negara dan 15,080 untuk pengajian di luar



negara dalam pelbagai bidang mengikut peringkat diploma, ijazah pertama, sarjana, kedoktoran dan profesional. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita melihat daripada segi rekod sebelum ini, MARA tidak lagi membuka pinjaman, permohonan baru, penajaan atau pinjaman bagi tahun 2014 dengan tahun 2015. Kita dapati kebelakangan ini ramai anak Melayu sama ada dalam negara ataupun luar negara yang tidak dapat meneruskan pembelajaran mereka disebabkan faktor penajaan ini. Soalan saya, apakah benar seperti diuar-uarkan oleh sesetengah pihak bahawa MARA telah kehabisan dana bagi tujuan tersebut? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Jawapannya senang Tuan Yang di-Pertua. MARA tidak kehabisan dana ya. Oleh sebab kerajaan sentiasa memberi ataupun menyumbang kepada MARA untuk tujuan tersebut. Jadi itulah jawapannya Tuan Yang di-Pertua ya.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah bentuk hukuman yang MARA kenakan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan jenayah di negara tempat mereka belajar? Ini kerana saya sebut perkara ini, seorang pelajar genius dalam bidang matematik yang didapati bersalah menyimpan sejumlah besar 30 ribu imej dan video anak-anak porno sebagai koleksi peribadinya. Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, MARA memang kita prihatin kepada semua anak didik MARA yang kita taja. Akan tetapi dalam suatu kalau ada- bukan ada, memang ada ya insiden seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, sebab insiden itu berlaku di negara asing. Kita buat masa ini akur kepada apa saja undang-undang yang dijatuhkan kepada pelajar tersebut. Jadi bagi kita pihak MARA, kita seharusnya juga menghormati undang-undang di negara di mana kejadian itu berlaku.

Walau bagaimanapun, apa yang kita boleh buat untuk kita bela pelajar itu, kita telah buat dan buat masa ini tidak banyak yang kita boleh dapat buat. Cuma kita hanya membantu daripada daripada segi *moral support* kerana daripada segi undang-undang kita tidak boleh campur tangan terlalu mendalam dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

**10. Datuk Dr. Lucas Umbul** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, jenis-jenis tanaman komoditi yang lebih sesuai diterokai oleh pekebun kecil bagi mengimbangi kejatuhan harga getah.

**Dato' Noriah binti Kasnon [Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dr. Lucas bin Umbul. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak kementerian sentiasa menggalakkan pihak pekebun kecil getah untuk menjalankan integrasi penanaman getah dengan lain-lain tanaman termasuk ternakan. Pendekatan ini selain daripada meningkatkan sumber pendapatan para pekebun kecil getah, ia juga dapat menangani kebergantungan kepada satu jenis tanaman

sahaja di mana pada masa harga getah yang rendah, ia memberi kesan kepada pendapatan pekebun kecil yang berkenaan.

■1130

Tuan Yang di-Pertua, antara tanaman komoditi yang sesuai untuk diintegrasikan dengan tanaman getah lada hitam dan koko. Selain itu, yang lebih sesuai mungkin tanaman-tanaman kontan dan juga sistem tanaman secara fertigasi bagi *rock melon* dan *tomato cherry* misalnya juga boleh dilaksanakan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Selain itu, faktor-faktor lain seperti kesesuaian tanah, kesuburan tanah, lokasi dan topografi juga perlu diambil kira bagi menentukan kesesuaian tanaman-tanaman tersebut. Ini adalah bertujuan menjamin produktiviti tanaman-tanaman tersebut di samping bermanfaat kepada pengusaha tanaman getah. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu jelas. Soalan tambahan saya ialah apakah bantuan-bantuan dan insentif-insentif lain yang diberi oleh kementerian kepada pekebun-pekebun kecil untuk menghadapi kesan kejatuhan harga getah pada masa kini? Terima kasih.

**Dato' Noriah binti Kasnon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas atas soalan tambahan. Saya menganggap soalan ini fokus kepada pekebun kecil getah, bantuan dan insentif yang pernah kita berikan dan sedang kita laksanakan Yang Berhormat. Antaranya, bagi membantu para pekebun kecil getah yang menerima kesan yang agak ketara akibat daripada penurunan harga di pasaran dunia ini adalah yang pertama, pihak kerajaan telah merangka jaringan keselamatan sosial ataupun dengan izin, *social safety net* yang melibatkan pelaksanaan sudah dua kali iaitu pada tahun 2013 dan juga 2014 sebanyak RM500 secara *one-off* yang melibatkan lebih RM358 juta.

Buat masa ini juga pihak kerajaan telah mula melaksanakan satu insentif yang saya kira terbaik difikirkan oleh pihak kerajaan, insentif pengeluaran getah ataupun IPG mula dari bulan Januari 2015 dan menjelang tahun 2016, pihak kerajaan sangat prihatin dan telah mengambil kira penurunan harga yang masih berlaku ini dengan menyemak semula tahap pengaktifan harga IPG ini daripada sekarang RM5.10 sekilogram harga SMR20 kepada RM5.50 sekilogram atau ke bawah apabila purata bulanan harga *cup lump* pula mencecah daripada sekarang RM2.00 kepada RM2.20 bermula bulan Januari tahun 2016 melalui bajet yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang lalu.

Selain daripada itu juga, ada beberapa lagi mekanisme ataupun kaedah yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti penetapan harga ladang dan juga bantuan khas kepada koperasi-koperasi sebanyak RM6.4 juta bagi memendekkan rantaian pasaran dan mengurangkan keuntungan yang boleh dielakkan diambil ataupun dimanipulasi oleh pihak orang tengah. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**11. Dato' Dr. Hou Kok Chung** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, jumlah pelajar Malaysia yang belajar di institusi pengajian tinggi di Australia, Indonesia dan Taiwan bagi tahun 2014 dan setakat Oktober 2015.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung atas soalan berkaitan dengan jumlah pelajar di Australia, Indonesia dan Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2014 jumlah pelajar Malaysia di institusi pengajian tinggi (IPT) di Australia seramai 20,535 orang. Di Indonesia seramai 4,527 orang dan di Taiwan seramai 12,137 orang. Bagi tahun 2015 pula bilangan pelajar Malaysia di IPT Australia seramai 14,182 orang dan di Indonesia seramai 4,417 orang. Manakala jumlah pelajar IPT di Taiwan bagi tahun 2015, sedang dikemas kini bersama pihak kedutaan Malaysia di Taipei. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, jumlah pelajar di Taiwan adalah lebih tinggi berbanding di Indonesia dan lebih kurang 40% berbanding di Australia. Saya percaya jumlah bilangan pelajar yang tinggi adalah antara faktor yang utama untuk kita menubuhkan Malaysia Hall. Maka di Australia sekarang kita mempunyai tiga buah *Malaysia Hall* iaitu Sydney, Melbourne dan Perth. Manakala di Indonesia kita mempunyai sebuah *Malaysian Hall* iaitu di Jakarta. Maka apakah kriteria lain yang perlu dipenuhi untuk melayakkan sesebuah *Malaysia Hall* ditubuhkan di sesebuah negara atau di bandar raya? Khusus untuk Taiwan, apakah kekangan kementerian untuk menubuhkan sesebuah Malaysia Hall di sana? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya berkaitan dengan penubuhan Malaysia Hall di Taiwan. Ini memerlukan satu kajian untuk memastikan keperluan untuk mengadakan satu *hall* dan saya tidak ada jawapan pada hari ini kerana ini memerlukan satu penelitian. Sekian, terima kasih.

**12. Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilangan majikan yang telah disabitkan dengan kesalahan menggaji pekerja asing tanpa izin dari tahun 2011 hingga 2015 dan penalti yang dikenakan ke atas mereka. Adakah kementerian mempertimbangkan untuk meminda undang-undang yang sedia ada atau untuk memperkenalkan undang-undang baru untuk meningkatkan hukuman yang boleh dikenakan ke atas majikan yang didapati bersalah kerana mengambil pekerja asing tanpa izin.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Imigresen dari 1 Januari 2011 sehingga 25 November 2015, seramai 2,255 orang majikan telah disabitkan dengan kesalahan menggaji pekerja asing tanpa izin atau PATI. Mengikut undang-undang, majikan-majikan yang ditahan semasa operasi ataupun dalam tempoh siasatan kes boleh didakwa atas kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan) 2002 seperti berikut:

- (a) seksyen 56(1)(d) Akta Imigresen iaitu melindungi mana-mana PATI. Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang dari RM10,000 tetapi tidak lebih daripada RM50,000 bagi tiap PATI yang dilindungi. Jika didapati mempunyai lebih daripada lima orang, boleh di penjara bagi tempoh tidak kurang daripada enam bulan tetapi tidak melebihi lima tahun dan juga boleh disabit tidak melebihi enam kali sebatan;
- (b) seksyen 55B Akta Imigresen membabitkan warga negara asing yang tidak memiliki sesuatu pas atau permit yang sah. Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 tetapi tidak melebihi RM50,000 atau penjara bagi tempoh tidak lebih dari 12 bulan atau kedua-duanya bagi tiap-tiap seorang yang diambil bekerja; dan
- (c) seksyen 55E Akta Imigresen, membenarkan mana-mana PATI masuk atau tinggal di mana-mana premis. Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM5,000 tetapi tidak lebih daripada RM30,000 atau penjara bagi tempoh tidak lebih daripada setahun atau kedua-duanya bagi tiap-tiap seorang yang dijumpai di premis.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tengok jawapan tadi daripada segi hukuman penjara dan sebagainya, banyak ia fokus kepada pekerja asing tanpa izin. Soalan saya, dari tempoh yang kita sebut itu sama ada majikan pernah dipenjarakan ataupun tidak fasal kalau kita tengok hanya penjarakan PATI itu tidak berapa berkesan.

■1140

So, soalan saya, sama ada undang-undang yang sedia ada membenarkan hukuman penjara terhadap majikan dan dibenarkan sama ada pernah berlaku atau tidak? Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut hukuman yang setakat ini yang kita sekiranya pendakwa raya menggunakan penjara atau pun sebatan itu terpulang kepada mahkamah. Setakat ini contoh di Melaka tempoh hari telah dikenakan hukuman sebatan tetapi mereka merayu sebelum hukuman itu dijalankan. Terima kasih.

**13. Datuk Norliza binti Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan, *Sindrom Middle Income Trap* oleh golongan berpendapatan sederhana di bandar-bandar besar ekoran kos kenaikan harga barangan dan perkhidmatan termasuk kenaikan bayaran tol di Lembah Klang dan kesan pelaksanaan GST.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada siasatan pendapatan dan perbelanjaan tahun 2014 purata pendapatan bulanan golongan isi rumah 40% pertengahan atau pun golongan M40, dengan izin adalah sebanyak RM5,662 dan purata pendapatan bulanan M40 di bandar RM6,311 manakala di luar bandar RM3,729 sebulan.

Kerajaan sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan rakyat termasuklah mereka daripada golongan berpendapatan sederhana di bandar-bandar besar. Bagi mengimbangi kos sara hidup yang semakin meningkat, beberapa langkah yang telah diumumkan oleh kerajaan di dalam Bajet 2016 dan juga dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Antara langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil termasuklah lima langkah-langkah berikut:

- (i) menambah baik Program Bantuan Rakyat 1Malaysia, meneruskan pemberian bantuan persekolahan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah serta meneruskan pelaksanaan program Baucar Buku 1Malaysia;
- (ii) menambah bilangan kedai yang menyediakan perkhidmatan dan barangan pada harga yang berpatutan seperti Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, Menu 1Malaysia dan Kedai Buku 1Malaysia;
- (iii) mempercepatkan pembinaan rumah-rumah mampu milik;
- (iv) membuka lebih banyak lagi pasar tani kekal dan pasar ikan yang beroperasi setiap hari di beberapa lokasi terpilih bagi membekalkan produk pertanian yang segar pada harga yang berpatutan;
- (v) menguatkuasakan pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan tahun 2011 dan Akta Persaingan tahun 2010 bagi meminimumkan keuntungan yang berlebihan dan menggalakkan persaingan perniagaan yang lebih sihat.

Strategi di atas dijangka dapat mengurangkan kos sara hidup, meningkatkan kuasa beli rakyat dan seterusnya memastikan kesejahteraan rakyat kekal terjamin. Terima kasih.

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang menjawab dan sebagaimana yang kita tahu kumpulan pertengahan ini 40% daripada populasi negara dan saya rasa ini agak besar. Cuma, soalan saya pernah kah kementerian membuat satu kajian secara terperinci terhadap golongan ini dan adakah kemasukan warga asing dalam sektor 3D ini memberi kesan kepada kumpulan ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kita menjangkakan kajian siasatan pendapatan isi rumah setiap lima tahun itu ada dua kali. Sebelum ini kita buat pada tahun 2009, seterusnya pada tahun 2012 dan yang terkini adalah pada tahun 2014. Pada tahun 2014 ini kita menggabungkan pendapatan dan juga perbelanjaan mereka dan dari sinilah kita dapat maklumat yang lanjut tentang *pattern* pendapatan mereka, jenis pendapatan dan juga perbelanjaan mereka yang penting. Berdasarkan kepada trend perbelanjaan mereka, ini menjadi asas kepada ukuran atau pun *basket*, dengan izin, untuk kita mengira kadar indeks harga pengguna atau pun *impletion rate*. Ini memang kita adakan setiap dua kali dalam setiap lima tahun.

Berkenaan dengan impak daripada kehadiran buruh asing, memang sebenarnya kita percaya bahawa antara perkara-perkara yang menyebabkan kadar upah di negara kita ini adalah

rendah adalah kerana wujudnya buruh asing pada harga yang rendah. Sebab itulah kita dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan perancangan kita masa hadapan adalah untuk mengkaji semula polisi kita berkenaan dengan buruh asing ini di mana sekiranya kita gabungkan polisi ini dan kemungkinan kalau kita tingkatkan lagi levi berserta dengan peningkatan gaji minimum kita, ini akan menggalakkan syarikat-syarikat mempelopori bidang-bidang inovasi dan mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing ini. Ini termasuklah dalam sektor pembinaan di mana kita tahu bahawa dalam sektor pembinaan ini banyak menggunakan buruh asing kerana harganya adalah murah.

Akan tetapi sekiranya harga buruh asing ini lebih tinggi ia akan menggalakkan lagi kontraktor-kontraktor menggunakan kaedah *Industrialised Building System (IBS)*, dengan izin, dan lebih *automation* di kilang-kilang sebagai contohnya. Ini akan membantu mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi yang lebih banyak lagi untuk rakyat Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekianlah sahaja pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan pada pagi ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, "Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". ***[7 Disember 2015]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin menyambung perbahasan. Dipersilakan.

**11.46 pg.**

**Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbahasan saya dari semalam.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan langkah kerajaan untuk menyediakan dana sebanyak RM1 bilion bagi Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah untuk membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana. Langkah kerajaan ini mampu merangsang aktiviti pelaburan khususnya berhubung dengan peningkatan kapasiti PKS.

PKS begitu penting kerana ia mewakili 97.3% dari semua perniagaan di Malaysia. Bukan sahaja penting kerana menyumbang sebanyak 33% pada masa kini kepada KDNK dan dijangka 41% menjelang tahun 2020. Akan tetapi ia juga menyumbang 32.4% kepada KDNK dan 56% tenaga kerja serta menyumbang lebih 19% daripada jumlah eksport.

Walau bagaimanapun, sumbangan PKS ini masih rendah berbanding dengan negara-negara Jepun 55%, Korea Selatan 49%, Hong Kong 49% dan juga New Zealand 40%. Saya ingin mendapatkan penjelasan, saya mohon penjelasan kerajaan berhubung dengan pelan induk PKS 2012/2020 bagi meningkatkan inovasi dan produktiviti khususnya bagi meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK.

Saya juga mohon menyarankan agar kerajaan menyediakan lebih banyak kemudahan dan prasarana seperti mewujudkan lebih banyak kawasan industri PKS terutamanya kepada usahawan Bumiputera khususnya di negeri Terengganu.

Berhubung dengan PKS ini juga ingin saya mendapatkan penjelasan kerajaan langkah bagi membangunkan produk halal berimpak tinggi untuk tujuan eksport. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan jumlah PKS ini yang terlibat dengan industri halal terkini, produk yang dihasilkan dan nilai eksport bagi tahun 2010 hingga terkini.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, saya ingin menyentuh langkah penambahbaikan infrastruktur logistik. Saya ingin membangkitkan tentang projek laluan rel Pantai Timur ECRR yang mana fasa pertama yang menghubungkan Kuantan ke Kerteh sejauh 109 kilometer dan tambahan ke Bukit Besi Dungun sejauh 35 kilometer untuk tujuan pengangkutan kargo industri dan penumpang.

#### ■1150

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah kemajuan projek rel ini? Sebagaimana maklum, negeri Terengganu adalah satu-satunya negeri di Semenanjung ini yang tidak mempunyai perkhidmatan kereta api.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sama ada masih lagi bercadang untuk membuat kajian kemungkinan untuk mengadakan perkhidmatan kereta api di Terengganu bagi menghubungkan negeri ini dengan negeri-negeri di Pantai Barat dan juga negeri-negeri di Pantai Timur.

Saya difahamkan satu ketika dahulu kerajaan pun telah bersetuju untuk mengadakan perkhidmatan kereta api Pantai Timur yang menghubungkan Terengganu, Pahang dan Kelantan tetapi cadangan ini berlalu begitu sahaja. Sekarang tibalah masa, sampailah waktunya saya mohon kerajaan mengkaji semula pelaksanaan cadangan bagi projek kereta api Pantai Timur ini.

Saya juga mohon mencadangkan supaya kerajaan menyediakan bas *rapid* bagi Bandaraya Kuala Terengganu bagi meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam kepada rakyat untuk keselesaan pengguna dan bagi memudahkan dan merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur kawasan luar bandar termasuk peruntukan sebanyak RM1.4 bilion membina serta menaik taraf jalan-jalan di luar bandar sepanjang 700 kilometer di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, saya menggesa dan saya memohon kerajaan agar dapat meningkatkan akses penduduk luar bandar terutamanya untuk membawa hasil-hasil mereka keluar dari kampung. Saya berharap kerajaan khususnya KKLW bukan sahaja menyediakan jalan tar dan jalan tanah bagi meningkatkan status penduduk di luar bandar. Masih banyak lagi kampung-kampung yang tidak mempunyai akses untuk membawa keluar hasil pertanian mereka.

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5.3 bilion kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam Bajet 2016 ini, antaranya ialah RM450 juta bagi pelbagai program berimpak tinggi seperti penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran serta penternakan ikan dalam sangkar.

Saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai projek-projek yang dicadangkan untuk dilaksanakan dalam tahun 2016 ini dan sejauh manakan projek-projek ini dapat membantu pengeluaran hasil pertanian bagi memenuhi keperluan negara bagi mengurangkan import kepada makanan.

Saya juga mohon Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menyatakan apakah langkah penyelesaian bagi menangani isu ketirisan dalam Program Bekalan Beras Tempatan Bersubsidi 15% Hancur bagi memastikan golongan miskin atau golongan sasar mampu membeli beras dengan harga yang lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan pelbagai program di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bagi memperkasakan sektor pendidikan negara dalam peruntukan yang besar, sebanyak RM41.3 bilion. Ini membuktikan komitmen dan kesungguhan kerajaan bagi membangun dan memartabatkan bidang pendidikan bagi melahirkan modal insan yang berkebolehan untuk mengisi keperluan modal insan negara menjelang tahun 2020. Saya juga mohon agar kerajaan membina lebih banyak sekolah-sekolah terutamanya di kawasan luar bandar di negeri Terengganu.

Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan kebolehpasaran graduan yang dianggarkan lebih 50,000 orang sekarang ini yang masih belum mendapatkan pekerjaan setelah enam bulan tamat pengajian mereka. Walaupun peluang pekerjaan terbuka luas masa kini, namun saingannya adalah sengit antara graduan universiti awam dan universiti swasta. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan, bilangan dan peratus graduan universiti awam dan universiti swasta yang gagal mendapat pekerjaan selepas enam bulan tamat pengajian.

Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan khususnya graduan daripada universiti awam? Adakah kerajaan bercadang mengkaji program latihan industri kepada mahasiswa ini untuk meningkatkan kebolehan insaniah atau *soft skill*, dengan izin bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan ini.



Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan keutamaan keempat Bajet 2016 ini iaitu memperkasakan agenda bumiputera khususnya dengan peruntukan kepada MARA sebanyak RM3.7 bilion bagi pendidikan tinggi MARA. Peruntukan ini berkurang berbanding dengan tahun 2015. MARA memainkan peranan yang sangat penting dalam membangunkan usahawan bumiputera dan memperkasakan agenda bumiputera khususnya daripada segi pendidikan. MARA menjadi harapan dan sandaran kepada ibu bapa bumiputera bagi memastikan anak-anak Melayu akan ada pelajaran.

Saya berharap kerajaan akan menambah peruntukan dan jumlah pelajar kepada MARA bagi pembiayaan dan penajaan di bawah MARA terutamanya bagi meneruskan program sedia ada. Selain itu, pelajar-pelajar tajaan MARA juga di luar negara agak terbeban dengan penurunan nilai Ringgit Malaysia masa kini yang telah menjejaskan kos sara hidup mereka.

Dalam memperkasakan agenda bumiputera ini, ingin saya mohon mendapat penjelasan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), sejauh mana kesan Perjanjian *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) dengan izin, terhadap agenda memperkasakan Bumiputera, dan apakah jaminan kerajaan bahawa kepentingan usahawan Bumiputera terus dibela?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh mana TPPA ini dapat memastikan kedaulatan negara terus kekal dan negara tidak masuk perangkap konglomerat antarabangsa, serta apakah impak dan nasib industri kreatif tempatan jika TPPA ini ditandatangani?

Saya juga ingin mendapat penjelasan sejauh manakah kebenaran dakwaan beberapa pihak yang TPPA ini boleh menyukarkan syarikat tempatan untuk bertapak kukuh dalam pasaran domestik.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin turut menyentuh berhubung dengan keutamaan terakhir dalam bajet ini iaitu meringankan kos sara hidup. Saya amat mengalu-alukan langkah kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk program latihan kemahiran dan kerjaya, serta program peningkatan pendapatan.

Saya juga ingin mengalu-alukan langkah kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM852 juta kepada RISDA dan FELCRA untuk melaksanakan pelbagai program peningkatan pendapatan, produktiviti...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada dua minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Saya hendak habis sudah Tuan Yang di-Pertua. Untuk golongan pesawah, pekebun kecil dan penoreh getah. Dalam hubungan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan langkah bagi meningkatkan pendapatan pesawah, pekebun kecil seperti pekebun kecil getah, kelapa, koko dan kelapa sawit. Walaupun mempunyai banyak masa yang terluang kerana kemajuan teknologi pertanian masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutupnya, saya sebagai mewakili negeri Terengganu di dalam Dewan yang mulia ini berharap memohon kerajaan memberi perhatian untuk menyambung untuk membina Lebuhraya Pantai Timur 3 daripada yang ada sekarang ini ke daerah Besut dan Setiu di mana-mana dua-dua daerah ini adalah kawasan yang kuat menyokong BN iaitu Setiu dan Besut.

Akhir kalam, saya mengharapkan segala perancangan dan strategi dari dalam Bajet 2016 akan dapat dilaksanakan dengan lancar. Bajet ini bajet bukan sahaja memperteguh ekonomi dalam menghadapi suasana ekonomi global yang mencabar tetapi memastikan ekonomi domestik terus kukuh dan merealisasikan serta memperkasakan pelbagai agenda termasuk ekonomi, sosial dan politik negara, serta melaksanakan segala janji memakmurkan negara dan menyejahterakan rakyat masa kini, tetapi juga sebagai kesinambungan untuk generasi masa depan negara ini dengan lebih baik dan cemerlang lagi. Sekian, terima kasih. Terima kasih kepada kerajaan BN dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

#### ■1200

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat telah bercakap dalam waktu yang telah pun ditetapkan, terima kasih.

Sekarang saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini kerana kita ada sehingga tarikh 10 hari bulan, hari Khamis untuk membahaskan bajet ini. Saya hanya menerima 11 orang Ahli Yang Berhormat yang berhasrat atau ingin berbahas, yang lain macam mana? Sila kemukakan nama, masa Yang Berhormat fikirkan hendak berucap supaya senang saya membuat perkiraan masa dan jadual yang tertentu. Buat hari ini, saya ada lima orang sahaja yang hendak berbahas. Sila kemukakan nama supaya jangan terlewat untuk saya membuat keputusan nanti. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

#### 12.01 tgh.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II pada hari semalam. Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim, alhamdulillah hirobbil alamin wabihi nastain*. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya juga mengalu-alukan pembentangan yang telah pun dilakukan di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan takziah kepada Sultan Johor atas kemangkatan anakanda Baginda dua hari yang lepas. Kita doakan mudah-mudahan roh Almarhum dirahmati Allah dan diletakkan di kalangan mereka yang beriman dan beramal soleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan beberapa perkara yang telah pun dibentangkan. Satu secara ringkas dan kalau sempat ada dua, tiga perkara yang agak panjang sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Pekan selaku Menteri Kewangan dan Pengerusi Barisan Nasional kerana mampu menyediakan peruntukan sebanyak RM267.2 bilion berdasarkan Bajet 2016 berbanding RM260.7 bilion pada tahun 2015 yang mana bertujuan menyejahterakan kehidupan rakyat pelbagai kaum di negara ini. Ia menunjukkan kenaikan sebanyak RM6.5 bilion walaupun ekonomi dunia menghadapi cabaran.

Daripada jumlah itu, RM215.2 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM52 bilion untuk pembangunan. Manakala kutipan hasil juga dijangka meningkat pada tahun 2016 kepada RM225.7 bilion berbanding RM222.5 bilion pada tahun 2015 iaitu naik sebanyak RM3.2 bilion. Ini bermakna Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah berjaya menangani ekonomi negara dengan baik sedangkan di sesetengah negara, mereka bankrap dan mufli, terpaksa *bailout* dan sebagainya.

Kejayaan ini satu kejayaan yang luar biasa sehingga menyebabkan banyak pengiktirafan bukan sahaja oleh agensi-agensi pengiktirafan antarabangsa tetapi juga oleh pihak pembangkang di Dewan Rakyat kecuali Dewan Negara sahaja, Dr. Syed Husin tidak bersetuju. Akan tetapi dalam Dewan Rakyat, ramai pihak pembangkang yang menyokong Bajet 2016. Akan tetapi dalam hati Yang Berhormat Dr. Syed Husin, saya yakin dia pun menyokong juga.

GST Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat menunjukkan *a blessing in disguise*, dengan izin. Kalau tidak ada GST mungkin kita menghadapi masalah besar pada tahun hadapan. Itulah sebabnya sebanyak 165 buah negara di dunia telah melaksanakan GST. Walaupun dipertikaikan oleh banyak pihak di negara berkaitan, tetapi GST itu terus dilaksanakan kecuali Hong Kong sahaja. Setelah dikritik enam bulan, mereka membatalkan. Lain-lain negara semuanya mengamalkan sistem baru GST.

Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mencapai kejayaan ekonomi, kita juga perlu mempertahankan nilai-nilai hidup kita, nilai-nilai murni, nilai-nilai moral yang kini nampak semakin runtuh. Kita lihat konsep *civil society* tidak difahami dengan jelas termasuk juga di negara kita. Semangat cinta negara, kasih kepada negara, sayang kepada negara, bangsa dan agama semakin luntur. Banyak isu yang berlaku amatlah mendukacitakan bukan sahaja oleh orang ramai, tetapi juga sesetengah pihak parti ataupun pihak-pihak pimpinan politik.

Malam tadi tengok TV Tuan Yang di-Pertua, sedih jugalah. Ada anak-anak yang ramai-ramai merogol seorang budak perempuan berumur 14 tahun atau 15 tahun, apalah maknanya bukan? Hidup cari duit bukan, tetapi nilai-nilai runtuh sebegitu rupa. Jauh di negara kita banyak pula pembunuhan berlaku, di sana dan di sini macam hidup ini tidak ada maknanya. Kalau ini tidak dikawal, saya fikir hidup ini akan menjadi lebih rumit dan tidak ada maknalah hidup di dunia yang sementara ini. Sepatutnya kita mencari hasanah dunia dan juga hasanah akhirat. Akan tetapi apa yang berlaku, semuanya di sebaliknya. Oleh sebab itu kita perlu bersama-sama memainkan peranan. Rompakan, kecurian, pembunuhan berlaku di mana sahaja.

Di negara kita juga banyak insiden yang menyayat hati termasuk juga dalam kita berlumba mencari kedudukan, ada di antara kita yang bersubahat dengan musuh macam Ahli Parlimen Lembah Pantai, Yang Berhormat Puan Nurul Izzah dan Yang Berhormat Tuan Tian Chua yang berjumpa dengan Jacel Kiram. Ini pun satu perkara yang tidak baik. Mereka ini musuh negara kita, jadi mengapa kita hendak pergi berjumpa dan hendak suruh dia menyokong bekas Ketua Pembangkang? Kita ada banyak pihak lain yang kita boleh jumpa, tetapi mengapa kita jumpa musuh kita? Musuh ini pula pernah mengadakan tindakan-tindakan yang membahayakan negara seperti peristiwa yang berlaku di Sabah.

Oleh sebab itu saya berharap ahli-ahli politik perlulah mementingkan negara daripada politik mereka. Kalau negara kita menjadi huru-hara, apakah faedah yang kita dapati? Oleh sebab itu saya menyokong penuh tindakan-tindakan tegas yang diambil oleh pihak berkuasa termasuklah Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak yang telah menghalang Ahli Parlimen yang berjumpa dengan Jacel Kiram iaitu Yang Berhormat Puan Nurul Izzah. Ini kerana perbuatan ini memang tidak wajar dan tidak patut dilakukan. Ini termasuk peranan agar Yang Berhormat Tian Chua tidak dibenarkan masuk Sabah dan Sarawak.

Ini kerana apa yang mereka hendak bawa Malaysia ini? Kita patut menjaga keamanan negara. Politik adalah politik tetapi kita mestilah mengamalkan *civil society*, politik yang jujur dan ikhlas mempertahankan negara kita. Apa guna kita menang sebagai pemimpin politik, pemimpin negara tetapi negara kita menjadi huru-hara. Cuma dapat nama sahaja. Jadi ketua negara, tetapi negara kita hancur. Oleh sebab itulah saya berharap ini semua menjadi satu peringatan.

Saya ingin mencadangkan kita mesti ada satu juga pendidikan baru di kalangan rakyat Malaysia iaitu pendidikan yang dahulu pernah kita katakan nilai-nilai murni, sekarang antarabangsa menggunakan *civil society* diperkuatkan semula. Mesti ada semangat cinta, kasih, sayang kepada negara oleh rakyat Malaysia daripada tadika sampailah kepada yang tertinggi, termasuk ahli-ahli politik sendiri. Perlulah dikhususkan semula kursus nilai-nilai murni ini, khususnya *civil society* agar dalam mereka mencari kedudukan, mereka mesti ingat hidup ini hanya sementara.

#### ■1210

Kalau nilai-nilai ini tidak dipertahankan, kita bimbang dunia ini hanya menjadi tempat yang tidak baik untuk didiami. Sewajarnya kita mestilah hidup mengamalkan konsep *wasatiyyah*-kesederhanaan dalam Islam, jelas. Kita mencari *hasanah* dunia dan juga *hasanah* akhirat. Oleh sebab itu lah kita sentiasa berdoa... [*Membaca sepotong doa*] Mudah-mudahan nilai-nilai murni ini akan mula kita tekankan semula dalam kehidupan kita pada tahun 2016 di semua peringkat, sama ada pendidikan formal, tidak formal, hidup bermasyarakat, politik atau tidak politik, ahli perniagaan dan sebagainya, semua warga Malaysia agar Malaysia menjadi sebuah negara yang boleh sama-sama kita banggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut juga berkaitan dengan isu jerebu. Kita sudah masuk rantau ASEAN yang semakin mencabar. Kita sudah menjadi keluarga besar. Apa yang berlaku di negara kita ini sepatutnya dirasai di negara-negara ASEAN yang lain. Pendek kata,

kalau Malaysia susah, Indonesia pun patut rasa susah. Indonesia susah, Thailand pun patut rasa susah. Singapura susah, kita pun rasa susah kerana kita sudah menjadi keluarga besar. Jadi isu jerebu ini tidak patut lagi hendak takut dibincangkan secara terbuka.

Saya mencadangkan agar ditubuhkan dengan segera jawatankuasa menangani jerebu ASEAN; Indonesia, Malaysia, Singapura, Filipina dan Thailand, kerana lima buah negara ini yang terlibat. Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat setahun empat kali. Jangan apabila jerebu datang, barulah kelam-kabut hendak hantar bantuan kah atau tak nak hantar, terima kah atau tidak terima? Ini yang berlaku. Saya pernah dengar juga seminar ini setiap tahun dalam DMDI, Timbalan Gabenor Riau pernah bantangkan kertas kerja, bagaimana hendak mengatasinya. Sekarang beliau pun sudah pencen tetapi peringkat ini hanyalah peringkat kecil.

Sebenarnya ASEAN memang boleh memainkan peranan yang berkesan. Sebab itu saya berharap dalam Dewan ini dilaporkan setiap kali persidangan, apakah perkembangan jawatankuasa khas jerebu ASEAN untuk tahun 2016? Apakah yang telah dilakukan? Sudah bincang kah atau belum? Kalau sudah bincang, apakah yang dibincangkan? Kita pun hendak tahu juga supaya tahun 2016 tidak lagi berlaku seperti satu yang berlaku selepas ini. Orang sesak nafas, ramai yang sakit. Saya pun semalam ingat hendak tanya juga, berapa ramai kah yang terlibat dan kerugian? Nampak kita juga belum ada rekod. Dengan itu saya berharap jawatankuasa kerja dengan menangani isu jerebu peringkat ASEAN ini mesti ditubuhkan dengan segera termasuk juga di peringkat negara kita.

Kalau Indonesia tidak hendak panggil, kita panggil dia datang. Bulan hadapan kita ada mesyuarat pertama jerebu ASEAN. Indonesia panggil menteri dia datang, pegawai-pegawai dia datang, panggil Singapura, panggil Thailand, panggil Filipina, Brunei sekali, mari kita duduk bincang. Dengan cara begini Tuan Yang di-Pertua, saya percaya isu ini akan dapat diperbaiki daripada kita tuduh-menuduh setahun demi setahun dan saya percaya kalau tahun hadapan kita tidak tangani sekarang, perkara yang sama akan berlaku.

Kedua, saya hendak sentuh juga berkaitan dengan sektor pengangkutan awam. Apakah sebenarnya visi kita? Kita *jammed* masuk dalam bandar, kita suruh naik pengangkutan awam, teksi, LRT dan MRT. Akan tetapi hari ini pula, pengangkutan awam ini tinggi harganya. Hendak naik LRT, komuter, RM1.00 telah menjadi RM2.40. RM0.90 menjadi RM2.00. Ada satu itu sahaja yang murah sedikit, RM0.80 jadi RM1.00. Ada sebuah destinasi itu, dia tidak naik. Pukul rata, dia naik dalam 80%, 100% atau 120%. Jadi kita hendak naik yang mana satu? Hendak naik kereta kah atau hendak naik komuter?

Kita pergi KLIA, dahulu RM35, hari ini RM55, satu perjalanan. Saya tanya menantu saya malam tadi, *you* naik kereta, berapa duit minyak? Dia kata, RM20. Saya kata, betul kah *one way*? Okeylah, RM30, campur RM10 tol, RM40. Boleh naik empat orang. Jadi naik kereta ini, Tuan Yang di-Pertua, lagi murah pula, naik empat orang. Naik MRT, KL Sentral pergi KLIA, RM55. Manakah tidak *jammed* jalan itu? Jadi saya tengok kita ini, hilang *vision* lah, hilang fokus. Apakah dasar kita sebenarnya? Hendak cari untung kah atau hendak kurangkan masalah pengangkutan awam? Jadi hendak minta Kementerian Pengangkutan kena fikir dengan betul-betul.

Saya tengok di Australia, ada bandar pengangkutan awam, bas *free* semua. Manakah dia ambil duit? Mengapakah kita tidak hendak tiru bandar-bandar utama di dunia? Bagaimanakah mereka mengurangkan isu-isu pengangkutan awam? Jadi saya harap ini dapat dikaji dengan serius dan kita bagi keutamaan, manakah yang kita hendak? Hendak mengurangkan masalah kesesakan atau pun kita hendak untung. Tentulah kena ada *cross subsidy*. Tidak usahlah panggil *cross subsidy* kan, kita pakai nama lain, agaknya nama subsidi sudah tidak sedap lagi. Apakah namanya?

Kita di negeri-negeri pula, Tuan Yang di-Pertua, masalah juga. Di negara Barat, bandar raya bertanggungjawab kerana bandar raya mengutip semua cukai. Kita di negeri, yang kutip hanya cukai tanah, cukai pintu, cukai berniaga lesen kecil-kecilan. Cukai yang lain, termasuk GST, suruh pergi ke Kuala Lumpur.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh mencelah, Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan. Saya rasa, apa yang saya lihat apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam tadi, memang betul. Memang tambang naiklah. Kemudian tol pun naik. Saya datang daripada- masuk tol. Dahulu, RM3.00, mula-mula tol di sebelah sana tetapi nampak RM3.50. Terkejut saya, sebab saya ada duit RM3.00 sahaja, aniaya saya, tidak lepas. Jadi sekarang ini kita lihat menjadi keresahan pengguna-pengguna. Kita ini pengguna. Jadi kita lihat satu segi, minyak turun dan kos kenderaan naik.

Jadi ini yang disoal dan ditanya oleh masyarakat pengguna, termasuk pegawai kerajaan dan semua sekali yang menyatakan sangat terbeban dengan kenaikan-kenaikan yang tidak dijangkakan. Kenaikan ini pun besar, tinggi. Jadi saya nampak apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat tadi, merupakan satu perkara yang perlu difikirkan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab kepada pengangkutan kita semua supaya kesejahteraan yang sedang dibincangkan dalam bajet ini dapat direalisasikan. Apakah pandangan?

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Tol pun naik juga. Sebab itu kita rasa terbeban. Oleh sebab kita sudah ada GST, Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan sebahagian kutipan cukai GST ini hendaklah digunakan untuk mengatasi isu-isu pengangkutan awam seperti yang sedang dipertikaikan oleh rakyat pada ketika ini agar mereka dapat satu pengangkutan awam yang murah dan boleh meninggalkan pengangkutan yang mahal seperti naik kereta sendiri dan sebagainya.

Begitu juga penggunaan- satu saya hendak masuk, hendak tanya dengan kementerian. Dahulu kita ada NGV, *natural gas vehicle*, dengan izin. Apakah dasar ini kita masih teruskan? Macam teksi, gunakan NGV, pakai gas. Jadi harganya murah. Kita guna NGV ini, saya fikir bawah 10%, Indonesia sudah guna 30%, Iran sudah 90%. Jadi kita, ada tidak lagi NGV? Kalau ada, saya cadangkan, elok kerajaan menggalakkan penggunaan NGV kerana harganya murah dan juga teknologi hijau, kurang gas karbon dan sebagainya. Ini boleh menyebabkan pengangkutan awam juga bertambah murah.

Kita bagi galakkan orang ramai pun macam kereta-kereta biasa pun boleh juga menggunakan NGV dan ada sokongan misalnya, siapa guna NGV dapat cukai (*roadtax*) diskaun 25%. Dengan cara begini kita dapat membantu agar kos pengangkutan awam dikurangkan di samping juga membaiki teknologi hijau atau mengurangkan karbon daripada terus keluar daripada sistem minyak yang biasa digunakan.

■1220

Keempat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sikit hal pelancongan seperti *online* visa sedang diusahakan dengan China, India, Myanmar, Nepal, Sri Lanka, Amerika Syarikat dan Kanada. Saya hendak tanya, mengapa Amerika, Australia, Kanada hendak suruh kita pakai visa lagi sedangkan kita 'geng' mereka. Saya tempoh hari masa mula-mula kahwin Tuan Yang di-Pertua, hendak pergi Australia terus beli tiket, tiba di Singapura, dia kata, "Datuk tidak boleh pergi" Sebab apa? Masa itu belum Datuk lagi lah. Dia kata, "Hendak pergi Australia kena ada visa". Tiket sudah siap beli, orang rumah sudah ikut ini, *honeymoon*. Saya kata, "Manakah yang tidak ada visa?" Pergi UK, jauh, tidak cukup duit. Dia kata, "New Zealand boleh". So, saya beli tiket baru pergi New Zealand. Itulah pertama kali saya pergi New Zealand.

Mengapakah New Zealand tidak ada visa? Kenapakah Australia hendak visa? *Last two years*, dengan izin, saya pergi Miami. Saya transit di Paris. Tiba Paris, saya kena transit di Ottawa. Kastam kata, "Tidak boleh pergi", dia kata, "Hendak masuk Ottawa, hendak pergi Miami, US, mesti ada visa". Saya kata, "Saya tidak keluar *airport*, saya *on transit* sahaja". Dia kata, "*On transit* pun tidak boleh". Jadi, saya kena beli tiket baru, nasib baik saya bawa *credit card*. Saya jumpa duta kita di Paris. Minta tolong, duta pun tidak boleh hendak tolong. Telefon duta Kanada, dia hari minggu mana ada kerja. Tidak boleh hendak *access* kedutaan Kanada. Jadi, duta itu cakap, "Minta maaf Datuk". *Last* sekali, saya hilang duit saya berbelas ribu. Jadi, mengapakah Kerajaan Kanada *on transit* pun tidak bagi kita lalu? Saya bukan IS kan? Saya orang baik [Ketawa] Saya hendak tanya Kerajaan Kanada, mengapakah buat begini? Jadi, saya harap banyak lagi kita hendak kena buat.

Satu lagi saya hendak- bulan tiga hendak pergi Perth, dia hendak tubuh DMDI sana. Wanita ini banyak program. Saya tengok *online*. Mana tiket murah. *AirAsia* RM1,190 – ekonomi; Malindo RM1,008; MAS RM2,325 - ekonomi. Wah, mahal pula MAS ini. Saya hendak tanya MAS, sudah buat pembaharuan ini ada untung kah, tidak ada untung? Setakat ini, berapa banyak untung yang dijangka tahun 2015, berapa untung 2016 ? Berapa destinasi telah kita tutup? Oleh sebab saya bimbang juga ini. Kalau begini mahal, saya pun tidak naik MAS, esok kalau ramai yang tidak naik MAS, apa akan jadi MAS pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, boleh sikit lagi? Saya lagi satu yang saya minat ini import makanan, daging. Saya ini Presiden DMDI, hendak beli daging dari Indonesia. Dia kata, "Pak Ali, Indonesia pun import daging 500,000 ekor lembu setiap tahun. / kata, "Negeri Indonesia begitu besar pun import daging?". Import 500,000 ekor dari Australia. Jadi, saya baru pula pergi Sabah, di Kundasang. Ada ladang lembu 5,000 ekor. Bagus sebab Kundasang ini sejuk. Jadi, saya hendak cadangkan kepada Kementerian Pertanian pelihara lembu besar-besaran secara *fidlot* di

Kundasang ataupun di Keningau ataupun di Ranau. Buat air botol di sebelah sana, sudah siap semua, bawa daging itu ke Malaysia.

Kedua, saya hendak tanya kementerian, cadangan buka ladang lembu di Australia ataupun di New Zealand. Kita terus buka di sana lagi senang Tuan Yang di-Pertua, kerana negara kita ini tidak sesuai pelihara lembu besar-besaran kerana panas. Habis sekarang ini pula banjir pula besar-besaran. Itu soalan saya. Satu lagi soalan yang saya selalu tanya berkenaan *incinerator*. Saya tengok Bajet 2016 tidak ada satu pun *incinerator*, sampah banyak ini. Saya dekat Melaka, sampah yang dekat dengan Kem Terendak di Sungai Udang, Tuan Yang di-Pertua pun tahu. Sudah hendak penuh ini. Dulu dekat Krubong, orang *complain*, kita sudah pindahkan di sana, yang itu sudah tutup. Ini lagi setahun ini, dekat mana saya hendak hantar sampah ini? Bukanlah sayakan, YAB Datuk Ir. Idris bin Haron pula jadi jadi Ketua Menteri, manakah hendak letak sampah? Kita minta *incinerator* tidak hendak bina, masa saya Ketua Menteri dulu harganya RM400,000,000. Hari ini harga sudah RM1,000,000,000. Jadi, saya hendak tanya kerajaan, mengapakah tidak hendak bina *incinerator*?

Singapura ada empatkah, lima *incinerator*. Di Tokyo, saya pergi semua dalam pusat-pusat bandar semua ada *incinerator*. Jangan takut yang *incinerator* ini. Esok DAP akan *complain* lah, DAP ini mengacau Tuan Yang di-Pertua. Saya dulu Ketua Menteri, Lim Guan Eng hari-hari hentam saya. Dia kata tambak laut, ini hari dia tambak bukan main banyak lagi di Pulau Pinang. Saya potong bukit sedikit dihalang, Melaka berapa banyak bukit? Ada Bukit Cina, Bukit Katil, Bukit Baru. Nama sahaja bukit tapi penyek. Sekarang dekat Pulau Pinang, habis bukit Pulau Pinang ditarahnya. Jadi, jangan dengar cakap pembangkang itu, kerana mereka cakap bukan ikhlas, dia cakap lain, dia buat lain. Jadi, saya hendak tanya bila kerajaan hendak bina *incinerator*? Kemudian saya hendak cerita juga hal belia ini. Saya ini orang belia, sebab itu sentiasa nampak mudakan?

Saya minta kementerian bagilah bantuan kepada persatuan belia. Sekarang orang belia, 30 tahun jadi pengerusi, dia mana ada duit Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kementerian bantulah sikit. Setiap tahun pertubuhan belia negeri, daerah dan cawangan, barulah hidup persatuan belia ini, barulah dia sayang pada kita kan? Ini kita biarkan, tidak bagi duit. Sikit-sikitlah, bukan hendak bagi duit banyak sangat kan? Jadi, bantuan cawangan dapat sikit, daerah dapat sikit, kebangsaan dapat sikit. Jadi, barulah persatuan belia ini boleh hidup dengan lebih baik.

Saya hendak sentuh juga berkaitan dengan bonus RM500 Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Sikit sangat. Tadi kawan saya jumpa saya, dia kata, "Datuk, boleh bantu?" "Bantu apa?" "Anak aku ada empat orang masuk universitakah tiga orang?" "Berapa kau hendak pakai ini?" "RM2,000 Datuk". Saya kata, "Pergilah jumpa siapa-siapa, cari". Hujung tahun Tuan Yang di-Pertua, banyak belanja. Itu belum lagi yang hendak kahwin. Orang kahwin, saudara ini.

Jadi, RM500 saya fikir tidak cukuplah. Saya cadangkan bagilah setengah bulan gajikah? Sekurang-kurangnya bagi RM1,000 untuk tahun-tahun yang akan datangnya. Ini kerana pegawai kerajaan ini 1.7 juta orang, dan mereka ini kerja kuat untuk kita ini Tuan Yang di-Pertua. Siang



malam kerja. Jadi, dia tidak akan hendak cari duit tempat lain. Jadi, kerana itu saya harap bonus ini dapatlah dinaikkan.

Saya juga hendak sentuh berkaitan dengan isu bankrap. Saya harap undang-undang bankrap ini dapat disegerakan pindaan kerana orang yang menjamin ini masih lagi kena bankrap dulu sebelum orang yang meminjam. Saya beberapa kali kena, saya pula kena cari siapa yang pinjam tidak bayar ini. Saya pula kena isu ini, saya kena selesaikan. Kemudian orang bankrap, dulu kalau RM5,000 ke bawah, itu sahaja duit yang dia boleh pakai. Ini tahun 1967 punya undang-undang, sekarang kalau RM5,000, apakah yang kita boleh buat Tuan Yang di-Pertua?

Oleh sebab itu saya cadangkan undang-undang bankrap ini hendaklah dinaikkan supaya mereka boleh memiliki dikatakan RM50,000 itu kan? Ada rumah kan? Ada baju baik agaknya, ada kereta kah, yang asas hiduplah. Janganlah RM5,000. RM5,000 itu betul-betul jalan kaki sahaja. Oleh sebab itulah undang-undang ini patut disegerakan. Akan tetapi yang lebih penting, orang menjamin itu jangan bankrap, orang yang meminjam itu dibankrapkan dulu. Sekarang ini bilangan yang bankrap 130,543 orang dan daripada jumlah itu wanita ada 30% lebih kurang. Satu lagi yang saya hendak sebut, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1230

Ia adalah berkaitan dengan perbezaan wawasan kita antara berpendapatan tinggi dengan negara maju. Apakah kita mampu mencapai pendapatan purata bagi warganegara kita untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020? Menurut IMF, Bank Dunia, bagi tahun kewangan 2016, definisi negara berpendapatan tinggi ialah berdasarkan GNI per kapita USD12,736 atau lebih. Contoh negara maju ialah Korea, Jepun dan USA yang juga berpendapatan tinggi. Contoh negara berpendapatan tinggi tetapi tidak dianggap maju adalah Brunei, Kuwait dan *Saudi Arabia*.

Wawasan 2020 kita mahu mengangkat Malaysia ke tahap negara maju tetapi sasaran kita sekarang nampaknya hanya untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi pada tahun 2020, yang mana tidak semestinya pada tahap maju. Mohon penjelasan antara dua sasaran ini untuk menghapuskan kekeliruan agar mudah rakyat menerima dan menyokong visi kerajaan kita.

Pada tahun 2016, GNI per kapita kita diunjurkan pada RM38,438. Kita boleh mencapai tahap negara berpendapatan tinggi kalaulah nilai USD1 bersamaan RM3.11. Walau bagaimanapun, sekiranya nilai pertukaran kita terus kekal sekitar RM4.03, yang mana hari ini saya fikir dalam RM4.05, maka GNI per kapita kita adalah sekitar USD8,939 pada tahun 2016. Kita akan kekurangan sebanyak USD3,797 ataupun RM16,327.

Pada tahun 2020, berdasarkan prestasi sekarang, GNI per kapita kita mungkin sekitar RM45,000. Pada tahun 2009, telah diunjurkan GNI per kapita bagi ekonomi berpendapatan tinggi adalah sekitar USD15,000. Kita boleh mencapai sasaran ekonomi berpendapatan tinggi yang diunjurkan itu kalaulah USD1 bersamaan dengan RM3. Sekiranya nilai ringgit kekal sekitar USD1 bersamaan RM4, lebih kukuh daripada RM4.30 sekarang, mampukah kita melonjakkan GNI per kapita kita kepada RM60,000? Sedangkan, berdasarkan prestasi sekarang, dijangka GNI per kapita kita hanyalah kira-kira RM45,000 sahaja. Apa yang lebih penting lagi Yang Berhormat

Menteri, ialah berapakah GNI per kapita bumiputera berbanding dengan bukan bumiputera pada masa kini dan pada tahun 2020?

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, mampukah kita mengukuhkan nilai mata wang kita ke tahap tersebut dalam masa empat tahun ini? Atau, apa pelan 'B' yang ada untuk mencapai sasaran ekonomi berpendapatan tinggi itu? Ini kerana banyak cakap mengatakan minyak punya harga akan turun lagi. Semalam siapa cakap ya? Hendak turun USD22 setong. Jadi, apakah pelan kita? Sebelum...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Dua, tiga minit lagi. Saya habiskan ini dulu, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun ada hal yang lain, saya ingat dua minit selesai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba Yang Berhormat, poin-poin Yang Berhormat itu tekankan, masukkan itu tetapi jangan *elaborate* terlalu panjang.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya. Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua pada perkara berikut yang perlu diambil kira. Pertama, saya merujuk kepada unjuran pertumbuhan ekonomi pada tahun 2020 seperti yang terpahat dalam RMKe-11. RMKe-11 mengunjurkan nilai GNI kita sebanyak RM1.76 trilion pada tahun 2020. Untuk mencapai nilai tersebut, kita perlukan pertumbuhan CAGR pada harga semasa 9.7 persen manakala anggaran kadar pertumbuhan pada tahun ini hanyalah 5.5 persen. Pada tahun 2016 pula, diunjurkan sebanyak 6.9 persen, jauh lebih rendah, 57 peratus tolak 63 peratus dari apa yang diunjurkan di bawah RMKe-11.

Pertumbuhan ekonomi USA telah menjunam dari 2.9 persen pada suku tahun kedua kepada 1.4 *percent* pada suku tahun ketiga. Kejatuhan ini mengesahkan ramalan pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2015 adalah lebih lemah iaitu 3.1 persen dari tahun 2014 iaitu 3.4 persen dan lebih rendah dari unjuran awal, 3.3 persen. Pada tahun 2016 pula, diunjurkan *downward risk* adalah lebih besar dari *upward potential*.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, saya merujuk pula kepada ramalan tentang potensi krisis kewangan yang terbesar dan terburuk sejak *the great depression* yang bakal berlaku pada tahun 2016-2018. Ini ramalan, *the great depression* akan berlaku. Ia diramalkan oleh Scott Petullo dan Stephan Petullo yang mendapat jolokan *the mystic twins*. Adakah sudah disediakan pelan 'B' yang akan mengambil kira ancaman ini? Manakala pelan 'A', RMKe-11, pada hemat saya mungkin terlepas pandang akan ancaman tersebut. Pelan 'B' tersebut adalah untuk memastikan kita masih boleh lagi mencapai tahap ekonomi berpendapatan tinggi di bawah landskap ekonomi dan geopolitik yang lebih mencabar itu. Inilah yang saya hendak tanya dan dua perkara ini saya percaya kerajaan mungkin ada pelannya ataupun terlepas. Inilah yang saya harap dapat penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekali lagi saya ingin mengulang bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhasrat hendak berbahas dalam bajet ini, sila kemukakan nama masing-masing. Tanpa membuang masa, saya persilakan Yang Berhormat Chia Song Cheng. Selepas itu ada Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya, Yang Berhormat Dato'

Jaspal Singh dan saya harap mereka ini bersedia hari ini. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat, silakan.

**12.37 tgh.**

**Tuan Chia Song Cheng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan mengenai Bajet 2016 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 Oktober 2015.

Tuan Yang di-Pertua, selepas dilantik sebagai Ahli Dewan Negara, saya sentiasa berfikir bagaimana saya dapat menyumbang sepatah dua kata di dalam Dewan yang mulia tentang isu perpaduan dengan pengalaman saya sebagai bekas pegawai perpaduan di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang berkhidmat lama iaitu selama 26 tahun sejak tahun 1982 sehingga 2008. Oleh itu, tumpuan perbahasan saya pada pagi yang mulia ini akan berbangkit mengenai dua perkara penting iaitu perkara perkauman dan isu perpaduan dan seterusnya tentang isu perubahan dan juga tentang kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan tentang kesederhanaan corak utama kepada perpaduan dan juga keharmonian kaum di Malaysia. Dengan merujuk kepada bajet tahun 2016, cadangan peruntukan sebanyak RM160 juta disediakan untuk NGO-NGO bagi melaksanakan program berasaskan pembangunan komuniti termasuklah perpaduan dan juga sebagainya.

**■1240**

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian seperti kepelbagaian budaya, kaum, etnik dan juga agama. Walau bagaimanapun, kepelbagaian tersebut kelak menjadi cabaran baru kepada tahap kekukuhan perpaduan dan juga keharmonian di negara kita. Cabaran ini adalah ketara dan juga tidak seharusnya diambil ringan terutamanya pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan telah menghasilkan kekukuhan perpaduan dan juga keharmonian yang kita nikmati pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, namun beberapa pertembungan yang telah berlaku baru-baru ini telah mulai mengukur kekukuhan tersebut ketidakstabilan dalam keharmonian Malaysia telah diuji dalam politik. Pihak media pula kerap menunjukkan kenyataan berisiko tanpa menyebelahi, ia telah mengancam perpaduan kaum. Walaupun hanya dibuat dalam rancangan telah menimbulkan kebimbangan dalam masyarakat sekiranya kerajaan masih bersikap tidak mengendahkan isu ini. Pertembungan akan menjadi pergolakan yang melemahkan keamanan dan juga kestabilan negara.

Dengan itu di sini, saya menyarankan agar satu anjakan paradigma dilakukan oleh kerajaan bagi menggalakkan perpaduan dan keharmonian kaum serta memperkukuhkan semangat kesederhanaan dalam masyarakat. Masyarakat kita memerlukan sokongan, kekuatan dan juga perlindungan kepada akar kedinamikan perpaduan kami serta semua rakyat Malaysia.

Dalam usaha untuk memelihara perpaduan dan keharmonian kaum di Malaysia, kita mesti menyetepikan perbezaan tanggapan kita sama ada budaya, kaum, warna kulit atau agama

dan juga kelakuan. Usaha yang utama yang perlu kita mulakan ialah dengan ahli-ahli politik dan juga pihak yang berkuasa. Golongan ini perlu mengetepikan sentimen perkauman dan juga berusaha bersama-sama dalam memperjuangkan konsep kesederhanaan. Mereka mestilah memimpin rakyat Malaysia dengan penuh integriti dan berhati suci. Maka, ahli politik atau pihak berkuasa yang memiliki kuasa perlulah menggunakan kebijaksanaan mereka untuk menyatukan rakyat Malaysia. Komen, keputusan atau kenyataan yang dibuat haruslah diucapkan dengan lebih berhati-hati dan juga peka terhadap sensitiviti masyarakat yang berbilang kaum.

Di samping itu, langkah-langkah untuk menggalakkan perpaduan juga perlu bermula dari rumah. Ibu bapa perlulah mendidik anak-anak di rumah mengenai semangat hormat-menghormati. Ibu bapa juga perlu memperluaskan lingkungan sosial anak-anak mereka dengan kaum lain sejak kecil. Ini akan memupuk semangat anak-anak mereka agar tidak mempunyai perspektif perbezaan kaum atau agama.

Tuan Yang di-Pertua pengajaran di sekolah memerlukan sokongan berikutan kepada kekuatan dan juga keharmonian kaum. Guru atau pendidik di semua peringkat perlulah melayan setiap pelajar sebagai anak Malaysia. Pembezaan pelajar dengan mengkategorikan mereka mengikut tidak seharusnya digalakkan. Guru juga merupakan contoh utama untuk memupuk sikap melahirkan kepelbagaian.

Sementara itu, kita perlulah menggesa rakyat dari agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan agama serta mulia dan bertegur sama untuk memupuk perpaduan untuk generasi muda kita. Masyarakat ini perlu mengadakan lebih banyak aktiviti yang menggalakkan kesederhanaan dan kebaikan tanpa mengira kaum atau bangsa. Sikap toleransi yang lebih tinggi dan saling menghormati antara satu sama lain tanpa membezakan budaya dan agama adalah penting. Lebih kunjungan hormat ke rumah jiran-jiran kita dan juga meraikan perayaan bersama kaum lain perlulah kerap dijalankan bagi mendekatkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

Pihak media juga, perlulah mengurangkan pertunjukan atau mensensasikan berita mengenai perselisihan kaum sama ada di sosial media atau di media cetak. Ini adalah untuk memastikan kekukuhan rakyat Malaysia sentiasa bersatu padu dengan hanya sebuah bangsa dan yang dikenal bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya lihat sejak tahun 2004 sehingga hari ini. Kita lihat memang sudah banyak kali mengadakan demonstrasi jalanan di negara kita ini. Akan tetapi apa yang kita lihat tahap politik, tahap pembangunan kerajaan di negara kita ini masihlah stabil. Ini menunjukkan bahawa ekonomi kita juga dapat mencapai GDP yang berganda baik. Akan tetapi, kalau demonstrasi jalanan ini kalau dijalankan pada tahun 70-an memang menjadi teruk. So, ini menunjukkan bahawa dasar kerajaan memanglah boleh tahan ujian. Saya memang sokong hak sesiapa untuk mengeluarkan pandangan dan juga berhimpun untuk melakukannya dengan syarat ia aman dan tidaklah mencetuskan keganasan dan juga kebencian kepada komuniti yang lain.

Tuan Yang di-Pertua di negara kita ini, kerajaan kita mempunyai sebuah jabatan yang di namakan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan saya telah berkhidmat selama 26 tahun di jabatan ini. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ditubuhkan sejak 13 Mei 1969 sehingga hari ini. Melalui Akta Rukun Tetangga 2012 yang diluluskan baru-baru ini dan berasas daripada Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 telah dapat menubuhkan banyak NGO-NGO yang dinamakan kawasan rukun tetangga.

Kawasan rukun tetangga yang ditubuhkan di bawah Akta Rukun Tetangga 2012 ini, telah dapat memainkan peranan yang penting dengan menganjurkan pelbagai kegiatan-kegiatan yang dapat menjalinkan semangat kejiranan yang di samping itu, dapatlah mewujudkan semangat perpaduan dan juga keharmonian di kalangan masyarakat di sesuatu tempat kawasan yang kita ada dalam Malaysia ini. Akan tetapi, memang masih banyak lagi rakyat Malaysia tidak ketahui adanya kawasan rukun tetangga yang telah wujud sejak tahun 1970-an sehingga hari ini.

#### ■1250

Mengikut laporan yang kita dapat tahu kawasan rukun tetangga yang ditubuhkan di dalam negara kita ini telah dapat mencapai sebanyak 7,000 buah kawasan Rukun Tetangga dengan 180,000 orang ahli di seluruh negara dan di bawah kawasan Rukun Tetangga ini juga mempunyai sebanyak 80,000 orang ahli bawah Skim Rondaan Sukarela.

Oleh sebab kawasan Rukun Tetangga ini ditubuhkan di bawah Akta Rukun Tetangga Tahun 2012. Oleh itu tidak perlulah berdaftar di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan juga tidak perlulah menghantar laporan tahunan kepada pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Oleh itu saya harap rakyat di sesuatu kawasan dalam negara kita yang masih belum ada kawasan Rukun Tetangga telah dapat menubuhkan kawasan Rukun Tetangga ini supaya kita bolehlah melalui kegiatan dan juga peruntukan yang telah diberikan untuk menjalankan kegiatan ini.

Kita bolehlah mewujudkan semangat kejiranan di samping itu akan dapatlah menjalinkan semangat perpaduan dan juga tidak akan menimbulkan perselisihan kaum yang berlaku di dalam negara kita ini. Saya juga difahamkan sejak tahun 2013, ekoran Pilihan raya Umum Ke-13, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga dapat mewujudkan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara yang asasnya ialah Majlis Penasihat Panel Penasihat Perpaduan. Majlis Konsultasi Perpaduan Negara ini telah diwujudkan dan juga dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 26 November 2013.

Saya agak bahawa hasrat kerajaan menubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (MKPN) tetap bolehlah diteruskan walaupun pemimpin parti politik pembangkang enggan menyertai. Matlamat utama penubuhan tersebut ialah menyatukan nasional di peringkat rakyat keseluruhannya dan tidak akan mencatitkan matlamat itu sekiranya tidak ada penglibatan wakil daripada pembangkang. Saya agak bahawa MKPN mampu bersuara kerana dianggotai kumpulan masyarakat yang lebih ramai seperti wakil pertubuhan bukan kerajaan, tokoh akademik serta pemimpin Barisan Nasional.

Oleh itu tentang isu perpaduan saya berharaplah kerajaan akan dapat tambah peruntukan ke Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional supaya dapat menubuhkan

lagi banyak kawasan Rukun Tetangga di dalam negara kita ini supaya bolehlah menjalinkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat yang berbilang kaum di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya ingin menyentuh tentang sektor perubatan yang bertaraf antarabangsa. Perkhidmatan sektor perubatan yang bertaraf antarabangsa kepada rakyat Malaysia sentiasalah menjadi satu cabaran besar kepada kerajaan. Perkhidmatan perubatan dan kemudahan kesihatan sama ada asas atau pakar hanya dapat dicapai di kawasan bandar. Penyediaan perkhidmatan perubatan dan juga kemudahan kesihatan terutamanya kepada penduduk di kawasan luar bandar sehingga kini masih tidak mencukupi atau ketinggalan zaman dan sentiasa menghadapi kekurangan doktor asas serta pakar.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan semakin menyedihkan apabila Klinik 1Malaysia tidak mampu membekalkan perkhidmatan perubatan dan juga kemudahan kesihatan yang menyeluruh seperti hospital kerajaan atau klinik kesihatan. Ini adalah jelas apabila di kawasan saya DUN Pengkalan Rinting di Parlimen Pulai, kerajaan telah mewujudkan institusi kesihatan iaitu Klinik 1Malaysia. Namun dengan jumlah populasi yang tinggi dan juga kekangan, Klinik 1Malaysia, perkhidmatan perubatan dan juga kemudahan kesihatan tidak serupa yang diharapkan.

Rakyat di kawasan saya iaitu DUN Pengkalan Rinting di Parlimen Pulai masih tidak mendapat rawatan dan juga perkhidmatan kesihatan yang sepatutnya. Klinik 1Malaysia tidak seperti klinik kesihatan yang boleh mengeluarkan rujukan untuk pesakit yang mempunyai penyakit kronik mendapatkan rawatan atau perkhidmatan di hospital besar ataupun di klinik kesihatan. Di sini saya ingin meminta agar kerajaan mempertimbangkan untuk membina tambahan lagi sebuah klinik kesihatan di Taman Bukit Indah di kawasan Pulai.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah diperuntukkan untuk membina sebuah klinik kesihatan di Taman Bukit Indah yang mana kerajaan negeri juga telah dapat mewujudkan sebuah tapak *reserved* untuk membina Klinik Kesihatan Malaysia tetapi Rancangan Malaysia Kesepuluh sudah tamat tetapi kita masih lagi tidak dapat melihat klinik kesihatan dibina di Taman Bukit Indah.

Oleh itu saya berharap dengan saya merujuk kepada Bajet 2016, peruntukan sebanyak RM260 juta akan disalurkan bagi membina dan juga menaik taraf klinik desa, klinik kesihatan dan juga klinik pergigian berserta kuarters di seluruh negara. Dengan peruntukan yang disediakan ini dalam Bajet 2016, saya berharap kerajaan dapat menimbang semula untuk membina tambahan lagi sebuah klinik kesihatan di Taman Bukit Indah yang mana memanglah sangat-sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu disarankan agar kerajaan dapat menaik taraf peralatan dan juga meningkatkan kemudahan kepakaran perubatan di klinik kerajaan yang sedia ada dan juga di hospital besar. Di Daerah Johor Bahru kita mempunyai dua buah hospital besar iaitu Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dan juga Hospital Sultan Ismail. Akan tetapi apa yang saya lihat hanyalah di Hospital Sultanah Aminah yang mempunyai doktor-doktor pakar di bidang sakit seperti sakit kulit, sakit jantung dan juga sakit tulang dan sebagainya tetapi di Hospital Sultan Ismail, sehingga hari ini walaupun diwujudkan sebegini lama masih belum disediakan

doktor-doktor pakar. Oleh sebab itu perlulah kita sentiasa dapat menambah lagi doktor-doktor pakar di hospital besar yang kita telah dapat disediakan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita perlulah memupuk gaya hidup sihat masyarakat, kerajaan perlulah memperkasakan aktiviti sukan dan juga kegiatan riadah yang sihat untuk pelbagai tapisan masyarakat agar mempunyai gaya hidup yang sihat dan juga seterusnya mampu memupuk semangat perpaduan di antara pelbagai kaum melalui aktiviti yang dijalankan. Selain daripada itu pelbagai dasar juga perlulah diimplementasikan bagi mengukuh dan juga meningkatkan program dan profesionalisme dalam aktiviti sukan dan persatuan sukan membangunkan masyarakat yang berprestasi tinggi.

Di samping itu, tumpuan kerajaan juga perlulah kepada isu obesiti di kalangan masyarakat Malaysia. Ini adalah jelas apabila kadar obesiti golongan ini menunjukkan peningkatan. Masyarakat Malaysia pada masa kini juga memperlihatkan pengetahuan serta terhadap pemakanan dan juga kandungan nutrisi dalam makanan. Ini memberi kesan kepada masyarakat Malaysia mudah memperoleh risiko penyakit kronik seperti sakit jantung, kencing manis pada usia yang muda walaupun isu pemakanan bermula di rumah tetapi kerajaan perlulah memainkan peranan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa menunjukkan tepat jam 1.

**Tuan Chia Song Cheng:** Okey, saya habiskan. Maka inilah yang saya perlu bangkitkan tentang merubah gaya hidup masyarakat. Maka dengan ini sekian, terima kasih dan saya di sini menyokong sepenuhnya Bajet 2016 dan agar pertimbangan dan juga cadangan di atas dapat dipertimbangkan oleh kerajaan agar menambah baik kepada usaha kerajaan. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat, terima kasih. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kerana Yang Berhormat nampaknya sudah sihat sekarang ini, sudah boleh berucap.

Untuk makluman semua kita akan tangguhkan Mesyuarat kita, perbahasan kita sekarang dan ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, tidak ramai hendak berucap pada belah petang ini, kalau boleh sesiapa yang sudah bersedia sila ambil kesempatan kerana kalau sudah ramai esok, pada kemudian hari susah saya hendak menentukan pembahagian masa.

So, elok ambil peluang. Bagi yang lama-lama saya rasa tidak ada masalah hendak berbahas, bagi Ahli Yang Berhormat yang baru bila hendak berucap ini? Bilakah hendak berbahas? Saya hendak dengar juga, jangan ambil terlalu lama untuk berbahas. Jangan takut, sila dan kepada semua saya nampak banyak juga telah memberi nama, senang saya buat percaturan masa. Saya juga sedia maklum bahawa selepas ini ramai juga di kalangan Ahli-ahli yang akan pergi menghadiri Persidangan Perhimpunan Agung tetapi yang hendak pergi itu sila beritahu saya kerana saya hendak tahu siapa hendak pergi dan siapa yang tidak pergi. Ini kerana saya tahu perhimpunan itu penting tetapi kuorum kita mesti kita jaga. Sekian, terima kasih.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.02 petang.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

■1430

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng sudah habis ya berucap? Baiklah, dipersilakan Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani. Silakan.

**2.30 ptg.**

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 ataupun Bajet 2016 yang kita lihat bajet ini ataupun rang undang-undang ini yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 23 September yang lalu dan ia bertemakan Menyejahterakan Kehidupan Rakyat.

Jadi saya ingin sekali lagi mengalungkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membentangkan satu bajet yang cukup komprehensif walaupun dalam keadaan yang getir, yang sangat mencabar dan ia sangat diterima oleh sebilangan rakyat di bawah sana.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi kepada isu-isu yang hendak saya bawa dalam perbahasan saya pada petang ini, saya hendak sentuh satu perkara iaitu soal isu Ahli-ahli Parlimen khususnya Ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat.

Yang pertama daripada segi soal keselamatan. Kalau kita lihat pada persidangan Dewan Rakyat yang lalu ataupun yang sebelum-sebelum ini, kita lihat sikap sesetengah Ahli-ahli Dewan Rakyat khususnya tidak terkecuali Ahli Parlimen Batu, semua orang tahu Ahli Parlimen Batu *[Ketawa]* Bagi saya seorang Ahli Parlimen yang sangat jahat dalam negara. Sewenang-wenangnya membawa orang luar masuk ke dalam Dewan ke kawasan Parlimen, malah pada sesi yang lepas ada juga yang boleh masuk ke dalam Dewan yang tempat kita bersidang, orang awam.

Ini satu perkara yang harus kita teliti sebab isu-isu yang melanda hari ini kita lihat, isu keselamatan menjadi sangat penting kepada kita. Isu keselamatan tidak boleh kita kompromikan. Walaupun sekuriti ada di luar, tetapi kerana budi bicara dan melihat muka wakil rakyat ataupun Ahli Parlimen, mereka mungkin boleh lepas begitu sahaja masuk. Kita bimbang pada suatu hari nanti, takut-takut terjadi perkara-perkara yang tidak diingini di tempat kita bersidang, di tempat kita meluluskan rang undang-undang dan menjadi sejarah kepada negara di suatu hari nanti. Itu yang pertama.

Yang keduanya daripada segi adab ataupun tingkah laku Ahli-ahli Parlimen. *Alhamdulillah*, Ahli Parlimen di Dewan Negara sangat sopan, patuh, akur kepada Tuan Yang di-



Pertua ataupun Tan Sri Yang di-Pertua. Semalam saya lihat apabila Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam berulang kali bangun bantah Ayahanda Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, dilarang oleh Tuan Yang di-Pertua, kita akur.

Kita akur dengan keadaan itu walaupun hati saya juga membuak-buak hendak bangun, hendak mencelah, tetapi peruntukan yang ada melarang kita berbuat demikian. Kita akur tetapi ia berbeza dengan Dewan Rakyat. Sangat berbeza dengan Dewan Rakyat, macam pasar borong. Itukah yang kita hendak tunjuk imej kita sebagai Ahli Parlimen di Dewan Rakyat?

Jadi saya harap, Tuan Yang di-Pertua sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara yang mempunyai kuasa mutlak, kuasa penuh, perhati-perhatikanlah, ambil tindakan sewajarnya kepada mereka. Jangan terlajak sangat sebab ini Dewan yang mulia, Dewan yang harus kita menghormati di antara satu sama lain.

Dahulu tidak begitu, hari ini di Dewan Negara mungkin tidak terjadi sedemikian sebab ada enam orang sahaja. Dahulu, masa pembangkang menang 20 Kerusi, 30 Kerusi, memang tidak terjadi. Tuan Yang di-Pertua dahulunya Tan Sri Zahir, batuk pun sudah, orang sudah duduk, orang sudah tak berani. Akan tetapi hari ini, bukan sahaja batuk, diarah berkali-kali pun tidak dengar, tidak mahu mengikut peraturan. Ini yang harus kita lihat Tuan Yang di-Pertua. Okey, habis bab itu. Saya hendak masuk..

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Boleh mencelah?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Boleh, boleh silakan.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mencelah ya?

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk. Cuma menjadi kemusykilan kepada kita, agak-agaknya pada pandangan Yang Berhormat Datuk, kenapa di Dewan Rakyat ini, saya ingat dalam perbahasan saya sebelum-sebelum ini pun saya ada utarakan.

#### ■1440

Dilihat perangai sebahagian daripada mereka ini mengalahkan orang-orang yang *hooligan* dengan izin, yang kadang-kadangnya seperti tidak bertamadun. Adakah ini menunjukkan mereka ini mempunyai ciri-ciri seorang yang boleh kita percaya untuk mengambil alih, memimpin negara ini kalau sekiranya daripada peringkat asasnya pun mereka tidak terkawal, tidak menunjukkan contoh yang baik sebagai seorang pemimpin, buat perkara-perkara yang langgar daripada batasan kebiasaan apatah lagi dalam peraturan yang mengangkat Dewan ini sebagai dewan yang paling tinggi dan mulia dalam negara.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat, sebab apa perkara ini berlaku dan apa tindakan yang sepatutnya diambil supaya mereka ini tidak terus buat perkara-perkara yang hina dan hodoh seperti ini. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Megat kerana menyentuh soal itu. Bagi saya, Ahli-ahli Parlimen yang mewakili rakyat di kawasan masing-masing yang dipilih oleh rakyat, yang diberi kepercayaan oleh rakyat untuk membawa

sesuatu perkara yang penting di kawasan. Rakyat sudah tentunya minta pembelaan, yang sudah tentunya ingin melihat sikap dan tingkah laku wakil rakyat. Malang sekali terutamanya di Parlimen Batu, malang sekali bagi rakyat Parlimen Batu memilih Tian Chua sebagai wakil rakyat [*Tepuk*] Sebab tidak ada adab, tidak ada sopan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak payahlah sebut nama, Yang Berhormat.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ya, ya. Wakil Rakyat Batu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memperingatkan saya. Kadang-kadang hati geram itu dia terlepas.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak apa Yang Berhormat, berbahas dengan tenang ya.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ya, ya. Inilah yang berlaku, senario yang ada pada hari ini. Daripada segi tindakan, itu terserah kepada budi bicara Yang di-Pertua Speaker dan hari ni kita melihat tindakan yang telah dilakukan oleh Speaker Dewan amat memuaskan hati kita. Dia tidak terkecuali sama ada penyokong Barisan Nasional, penyokong kerajaan ataupun ahli pembangkang. Dia ambil tindakan sama sahaja sebab Speaker bertindak sebagai berkecuali walaupun datangnya daripada Barisan Nasional, daripada kerajaan. Dia berkecuali dan kita sangat berpuas hati dengan apa yang berlaku hari ini.

Kadang-kadang kasihan pada Bentara terpaksa kena bawa pimpin tangan keluar Dewan, kasihan. Bentara pun antara hendak tak hendak, malu alah. Yang hendak dibawa, hendak disuruh keluar adalah Ahli Parlimen tetapi inilah yang berlaku hari ini. Kita tidak mahu di Parlimen kita, di Dewan yang mulia kita ini terjadi seperti di luar-luar negara seperti Taiwan dan sebagainya. Bertumbuk, bergaduh, sepak terajang di dalam Dewan. Kita bangsa Malaysia ada adab, kita bangsa Malaysia bangsa Melayu khususnya bangsa yang dikenali sebagai manusia yang beradab. Jangan cakap banyak ya. Jadi itulah saya harap di sesi-sesi akan datang, kita tidak mahu melihat lagi keadaan seperti apa yang telah kita hadapi, apa yang telah berlaku sekian lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membawa isu soal banyak sudah isu ini diperkatakan. Soal desakan memiliki rumah kawasan bandar oleh golongan B40 dan M40. Walaupun setiap kali perbahasan diadakan sama ada di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, soal perumahan tidak pernah lekang disebut oleh kebanyakan Ahli-ahli Parlimen, kebanyakan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Kerana apa? Kerana ini merupakan satu tuntutan hari ni. Kerana hari ini merupakan satu keperluan rakyat, keperluan asas kepada rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Ini penting untuk kita bawa dan saya harap sesiapa yang membicarakan soal perumahan untuk rakyat, kerajaan khususnya kena ambil tindakan segera hendak menyelesaikan masalah rakyat. Jangan sampai esok rakyat marah pada kita, kita ada 134 Kerusi, takut esok hilang. Kita tidak mahu macam itu, kita hendak Barisan Nasional yang ada ditunjangi oleh UMNO dan rakan-rakan parti komponen lain terus memerintah dalam negara kita sebab kita tidak percaya kepada pembangkang [*Tepuk*] Kita tidak percaya kepada DAP, PKR. PAS okey, PAS sudah baik sedikit. Kita tidak percaya kepada mereka.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** PAN, PAN tak boleh percaya.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Kita bagi dia memerintah sedikit sahaja lapan tahun di Pulau Pinang, apakah terjadi pada Pulau Pinang? Kita bagi memerintah pada Selangor, satu penggal, dua penggal, apakah jadi pada Selangor? Kita tidak mahu, kita hendak Barisan Nasional, UMNO terus menunjangi pemerintahan dalam negara. Sebab itulah isu-isu yang hendak dibawa, isu-isu yang kita bentangkan hari ini semalam dan sebelum ini harus diambil tindakan segera oleh pihak-pihak yang berwajib dan pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu negara yang mencapai taraf maju dan berpendapatan tinggi tetapi hanya dinikmati oleh golongan kaya sahaja manakala golongan B40 dan M40 masih lagi terpinggir. Saya berani cakap kerana jika dilihat trend kenaikan harga barang sekarang adalah lebih tinggi dan cepat jika dibandingkan dengan kenaikan gaji yang tidak seberapa. Sungguhpun kerajaan telah memberi pelbagai inisiatif seperti kenaikan gaji minimum dan BR1M tetapi kalau direnungkan, apalah sangat yang rakyat boleh belanja dengan gaji minimum sebanyak RM1,200.

Berhubung dengan masalah perumahan ini ada bermacam-macam. Pertama sekali saya hendak bangkitkan isu masalah perumahan yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang tinggal di kawasan bandar. Desakan untuk memiliki rumah oleh golongan ini daripada sehari ke sehari telah semakin lantang disuarakan dan kerap kali apabila isu ini dibawa untuk dibahaskan sama ada di peringkat Parlimen mahupun peringkat Dewan Undangan Negeri, ia tidak lekang dengan perbahasan yang panas.

Ini membuktikan bahawa selaku wakil rakyat, tentunya inilah masalah utama yang dihadapi oleh rakyat jelata. Mereka mahu wakil rakyat kawasan mereka membawa perkara ini ke Parlimen atau Dewan Undangan Negeri supaya meminta kerajaan mencari jalan penyelesaian masalah ini. Masalahnya wakil rakyat kita ini kadang-kadang tak bawa masalah ini, adalah sedikit-sedikit tetapi yang lebihnya datang Dewan hendak bergaduh sahaja. Itu tak betul, ini tak betul.

Ini masalah yang kita hadapi hari ini. Peningkatan harga dan kurangnya bilangan rumah kos rendah yang dibina di kawasan bandar menyebabkan rakyat merasa tertekan dan terdesak untuk memiliki rumah dengan segera. Mereka bimbang jika tunggu lebih lama lagi, harga rumah akan terus meningkat dan tidak mampu untuk membelinya.

Mengikut Indeks Harga Rumah Malaysia (MHPI) di peringkat nasional pada tahun 2014, harga rumah tertentu RM242,000. Ini melebihi pendapatan tahunan isi rumah sebanyak RM55,000 iaitu sebanyak 4.4 kali ganda berbanding normal global bagi kemampuan memiliki rumah yang diukur pada paras sebanyak tiga kali ganda. Masalah ini amat dirasai oleh golongan belia yang baru tamat pengajian tinggi yang bilangan mereka semakin bertambah setiap tahun.

#### ■1450

Sudahlah kerja pun susah hendak dapat. Kalau adapun, gajinya tidak seberapa. Gundahan kehidupan yang semakin sukar menjadi mereka bercelaru kerana kalau hendak sewa rumah pun, sewa yang dikenakan agak tinggi. Ini pun sama macam bayar ansuran pinjaman perumahan.

Kerajaan perlu jaga golongan ini. Kerajaan perlu ambil tahu golongan ini kerana jika mereka beralih sokongan, saya bimbang kerajaan yang ada hari ini akan jatuh. Akan tetapi kalau hendak sokong kerajaan pembangkang seperti mana yang saya katakan tadi, lagi hancurlah. Saya lihat mereka ini cakap sahaja yang lebih, buat tidak ada. Orang kata, "*cakap tidak serupa bikin*". "*Cakap tidak serupa bikin*".

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Mencelah.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Sila, silakan.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik sebab disebut pasal perumahan ini. Semalam ada rakan kita di sebelah sana juga bercakap soal perumahan. Cuma saya hendak menarik perhatian dan meminta pandangan Yang Berhormat Senator soal bila disebut tentang kerajaan yang dipimpin oleh mereka di peringkat beberapa buah negeri, contohnya di Selangor. Saya kebetulan dari Selangor, dari Gombak. Saya hendak tanya juga Ahli Parlimen Gombak selaku Menteri Besar, walaupun ada disebut soal perumahan ini tetapi sehingga hari ini kita pun tidak nampak atau mungkin apa pandangan Yang Berhormat Senator.

Kenapa kerajaan negeri sendiri di bawah pentadbiran mereka tidak memikirkan soal perumahan ini lebih holistik dengan izin, lebih bersungguh-sungguh hendak membantu. Jadi, adakah Yang Berhormat Senator rasa selama ini mereka ini hanya pandai bercakap tetapi bila kuasa sudah ada, mereka pun tidak ada laksanakan. Ini kerana Selangor, memang keperluan amat mendesak sebagai sebuah negeri yang berdekatan dengan bandar raya. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Senator tentang perkara ini?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Megat. Di Selangor ini mudah sahaja, yang baru dia tidak buat, yang ada dia jual. Ini betul. Betul, Yang Berhormat Menteri. Kelab Golf Perangas dijual, Hotel Quality tengah runding untuk dijual, Brickfields sudah jual. Maknanya Kerajaan Negeri Selangor dia tidak memikirkan masalah rakyat. Apa yang ada, harta yang dibuat semasa Barisan Nasional dulu, sekarang kerja dia jual [*Tepuk*] Jadi, apa kita hendak hairan. Rakyat Selangor khususnya Yang Berhormat Datuk Megat dari Gombak, ada lebih 100 ribu lebih pengundi masih memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Azmin Ali. Tidak tahulah bila rakyat Gombak hendak sedar, kita pun tidak tahulah. Kita doa kepada Allah SWT supaya ia kembali seperti biasa di bawah Kerajaan Barisan Nasional yang sudah tentu...

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Membela nasib rakyat, bangsa kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Okey, silakan.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Yang Berhormat Senator Datuk Abbas, saya hendak tanya sedikit. Rumah saya ini jalan masuk dalam Wilayah. Sempadannya betul-betul di Datuk Keramat, Taman Keramat, masuk

dalam Selangor. Kerajaan pimpinan Yang Berhormat Azmin, Selangor membuat satu projek besar. Dipujuk orang kampung, tanah-tanah PKS dulu, dia bangunkan sebuah bangunan besar bernama Datum Jelatek. Dipujuk orang kampung saya, *“Ambillah abang, saya beli rumah ini. Beli, beli. Berapa harga? Seratus lebih. Esok kalau ada abang hendak esok, saya bagilah beberapa buah hendak. Saya bagi”*. Bagilah orang tua ini.

Sudah siap rumah itu, hendak siap sudah, tengah buat itu. Berapa satu unit? Murah sahaja, RM600,000. Paling kecil RM600,000 hingga RM700,000. Yang Berhormat Senator, saya hendak tanya, apakah tindakan kita hari ini sebagai kerajaan terhadap ini? Jadi bekas-bekas guru, bekas-bekas perajurit- “Allah!” Saya kata. Tanah, tanah PKS dulu. Dia tipulah orang kampung itu. Akhirnya bangun, satu unit berharga RM300,000, RM600,000. RM500,000 barangkali. Bagaimanakah kedudukan hari ini? Apakah tindakan kita?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Nasib malang betullah. Nyata sekali. Ternyata di depan mata kita, memang satu pembohongan besar yang sedang berlaku dalam negara kita. Pulau Pinang, Negeri Selangor. Semasa sebelum menang pilihan raya digula-gulakan kita, digula-gulakan rakyat. Hendak bagi itu, hendak bagi ini. Selepas menang pilihan raya, mereka memerintah, seperti kata Yang Berhormat Tan Sri Ali Rustam sebentar tadi, ditambaknya laut, ditarahnya gunung bukit bukau, kalau Melaka buat sikit, dia buat berganda-ganda. Inilah akhirnya, khususnya bumiputera orang Melayu terpaksa membawa diri jauh mungkin, tidak tahulah ke mana. Itulah yang berlaku hari ini Tuan Yang di-Pertua.

Aku janji kerajaan adalah untuk membina satu juta buah rumah mampu milik menjelang 2018. Sungguhpun kerajaan telah berjaya membina 63.44% buah rumah, bilangan ini masih belum mencukupi untuk menampung keperluan rakyat yang begitu ramai. Oleh itu, saya gesa semua pihak melaksanakan amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia supaya berkehendakkan kerajaan negeri, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), swasta dan individu dapat memberi tumpuan dan memainkan peranan yang lebih penting untuk memperbanyakkan lagi pembinaan rumah mampu milik di kawasan bandar.

Saya menyeru supaya kerajaan negeri dapat memberi kerjasama yang erat dalam hal ini kerana salah satu masalah utama untuk melaksanakan projek perumahan rakyat ini masalah untuk mendapatkan tanah dari kerajaan negeri, terutamanya dari negeri yang ditadbir oleh pembangkang. Ini kerana mereka lebih berminat kepada rumah-rumah yang berharga ratus ribu, malah jutaan ringgit. Jadi, inilah perkara-perkara yang perlu dilihat.

Di samping itu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya membentuk dasar yang ketat supaya pemaju rumah memperuntukkan 40% buah kawasan projek perumahan didirikan dengan rumah mampu milik khususnya di kawasan bandar. Sekiranya mereka ingkar, projek rumah mewah hendaklah dihentikan dan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka.

Saya tahu harga tanah di kawasan bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Negeri Selangor sangat mahal, tetapi jangan itu dijadikan alasan untuk mengabaikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Oleh itu, saya harap projek mega seperti Bandar Malaysia hendaklah memberi keutamaan supaya pembinaan rumah mampu milik bagi golongan

rendah dan sederhana ini dipenuhi. Jangan jadikan ia satu lagi isu kerana 1MDB telah berjanji bahawa rumah tersebut akan dibina.

Selain itu, saya meminta kerajaan mengkaji semula dasar pinjaman rumah yang diawasi oleh Bank Negara bagi pembeli rumah pertama, terutama melibatkan pembiayaan rumah berharga RM500,000 ke bawah dengan syarat yang diletakkan begitu ketat. Tidak ramai pembeli rumah, terutama daripada golongan kumpulan B40 dan M40 berjaya mendapatkan pinjaman kerana pelbagai faktor seperti ketidakupayaan pendapatan pembeli, margin kewangan yang rendah, mempunyai sejarah kredit yang tidak memuaskan, bank meminta banyak dokumen dan kuota yang terhad bagi rumah mampu milik.

#### ■1500

Dengan penghijrahan yang begitu ramai setiap tahun ke kawasan bandar untuk mencari rezeki, keperluan rumah, keperluan memiliki rumah semakin bertambah dari semasa ke semasa. Jadi satu kajian yang menyeluruh berapa banyak kah rumah rakyat yang perlu dalam jangka panjang perlu dilakukan oleh kementerian? Dengan ini saya mencadangkan jika kajian ini masih belum dilakukan, ia hendaklah dilaksanakan supaya kerajaan dapat mengadakan satu pelan induk perancangan perumahan rakyat di setiap kawasan bandar.

Di samping itu saya juga menyambut baik cadangan membangunkan kawasan tanah rizab milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk dijadikan kawasan pembangunan perumahan awam. Mengikut Datuk Bandar yang lepas, Datuk Ahmad Phesal Talib bagi merealisasikan cadangan tersebut, sebuah tabung perumahan awam perlu diwujudkan. Dengan adanya tabung ini kawasan perumahan awam yang digazet dapat dibangunkan melalui geran yang diperuntukkan oleh kerajaan. Saya juga berharap cadangan ini dipanjangkan juga di bandar-bandar utama seperti Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuantan, Ipoh dan sebagainya.

Bagi mengawal kenaikan harga rumah yang keterlaluan saya menyarankan kepada kerajaan supaya mewujudkan pangkalan data pengeluaran bagi harga bahan binaan bangunan sebagai satu daripada usaha mengekang kenaikan harga hartanah secara mendadak. Pangkalan data ini penting supaya kita boleh tahu apakah harga bahan binaan kerana kebiasaannya pemaju memberi alasan kenaikan harga rumah disebabkan peningkatan dalam harga bahan binaan. Sekurang-kurangnya dengan adanya indeks tersebut, orang ramai boleh mengetahui tentang harga bahan binaan sama ada harga rumah yang dijual itu pada harga munasabah atau pun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sentuh soal isu Projek Perumahan Rakyat (PPR). Satu lagi isu yang hendak saya sentuh ialah berhubung dengan masalah rumah PPR. Sebelum itu saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dalam Bajet 2016, kerajaan merancang untuk membina 22,300 unit pangsapuri dan 9,800 unit rumah teres di bawah Program Rakyat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Masalah rumah PPR ini bermacam-macam. Saya dapati bukan sahaja rumah ini tidak cukup dan mendapat permintaan yang tinggi tetapi juga diselubungi oleh pelbagai masalah seperti kerosakan lif, vandalisme dan sebagainya. Saya difahamkan bahawa senarai menunggu

untuk memperoleh rumah PPR di Kuala Lumpur sahaja adalah tinggi, lebih kurang dalam 50,000 orang ke-60,000 orang, sedang menunggu.

Maksudnya masih ramai lagi penghuni kota dalam golongan B40 yang masih memerlukan rumah. Ramai yang berminat rumah jenis ini kerana bukan sahaja ia murah tetapi lokasinya yang sangat strategik dan hampir dengan LRT, berhampiran dengan MRT dan sebagainya yang menjadikan perumahan ini sangat popular.

Di samping itu kita lihat di rumah PPR banyak berlaku kerosakan lif. Kalau kita pergi ke kawasan Parlimen Batu ada tujuh buah kawasan rumah PPR yang satu buah tempat ada tujuh buah blok ataupun ada lima buah blok yang ia tidak diselenggarakan dengan baik. Kita hendak rakyat hidup dalam keadaan yang sempurna. Kadang-kadang susah, Yang Berhormat Menteri ada di sini susah. Kematian berlaku tingkat 12, hendak bawa lif rosak. Sekali lif rosak, hendak *repair* lambat. Ia menelan satu kos yang besar. Jadi kita kasihan kepada rakyat, dan juga masalah *parking*. Sepatutnya sebuah rumah hanya sebuah kereta, disediakan satu lot *parking* tetapi hari ini sebuah rumah ada tiga buah, empat buah kereta. *Parking* menjadi satu masalah, menjadi masalah trafik pada waktu-waktu puncak.

Jadi saya harap kementerian KPKT ataupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melihat kembali masalah asas rakyat dan masalah yang berada di Kuala Lumpur hari ini saya tahu kalau dahulu dalam masa setahun atau dua tahun yang lepas masalah berkurangan. Akan tetapi hari ini masalah tidak bayar sewa pun ada. RM124 menteri, sewa PPR. Saya difahamkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menanggung kerugian hampir RM60 juta orang tidak bayar.

Jadi ini juga perlu ambil perhatian dan perlu ambil tindakan. Lebih malang lagi kepada kita Tuan Yang di-Pertua bukan sahaja tidak bayar sewa malah ada rumah-rumah yang disewa ataupun dijual kepada pendatang asing. Ini salah kerana *owner* rumah, pemilik rumah mempunyai sikap yang tamak haloba, hendak kaya cepat bagi sewa RM600. Sewa dengan DBKL RM124. Malah ada yang dijual dan ini harus diambil tindakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun KPKT. Oleh sebab kita kasihan. Ramai lagi yang menunggu rumah, lebih 60,000 orang menunggu rumah, yang *genuine* yang betul-betul hendak rumah di Kuala Lumpur ini.

Jadi ini harus dilihat secara lebih terperinci daripada kementerian dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. *Alhamdulillah* saya dapat tahu daripada Pengerusi ataupun Menteri Wilayah Persekutuan, rumah-rumah PPR di seluruh Wilayah Persekutuan akan dibina kawasan *parking* baru yang bertingkat untuk menyelesaikan masalah-masalah *parking* di rumah PPR yang ada di Kuala Lumpur. Kita ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga untuk mengelakkan vandalisme yang berleluasa berlaku di rumah PPR, apa salahnya kementerian keluar satu bajet letakkan CCTV yang boleh dipantau dari semasa ke semasa untuk kita mengambil tindakan sekurang-kurangnya kita *minimizekan*, kita kurangkan sedikit masalah-masalah vandalisme dan sebagainya.

Corak pemikiran program-program di rumah PPR harus kita aturkan dengan baik supaya corak pemikiran mereka daripada asalnya mereka setingan, duduk di rumah PPR supaya pemikiran mereka boleh berubah mengikut masa ke semasa. Kalau tidak, pembawakan mereka dari setingan sampai ke rumah PPR, perkara lama juga sentiasa berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh lagi soal masalah di dalam kawasan saya. Tidak sentuh nanti balik orang kampung kata awak sudah jadi Senator boleh bercakap di dalam Dewan, boleh bawa masalah rakyat. Kalau kita hendak harap Ahli Parlimen, Ahli Parlimen tidak bawa masalah rakyat. Saya diberi amanah, diberi tanggungjawab sedikit sebanyak untuk menceritakan masalah rakyat di kawasan Parlimen Batu ke dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama saya hendak sebut masalah jalan raya tetapi *alhamdulillah* jalan raya daripada Sentul sampai ke sempadan Batu Caves dalam kawasan saya, saya baru hendak bercakap semalam, saya lihat sudah turap, sudah cantik jalan itu. Dahulu berlubang-lubang. Musim tengkujuh, musim hujan ini penuh dengan air tetapi *alhamdulillah* semalam saya balik kawasan saya tengok- ya Allah, hasrat hati hendak bercakap dalam Dewan hari ini tetapi ia telah dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Terima kasih banyak-banyak Dewan Bandaraya.

■1510

Keduanya...

**Seorang Ahli:** Belum cakap sudah buat ya.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ia ada *instinct*, ia ada rasa.

**Seorang Ahli:** Sebelum kena dia buat dahulu.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Kalau tidak saya bantai Bandaraya hari ini. Keduanya, soal *traffic jam*. Berulang kali saya suarakan dalam Dewan ini. Pada sesi yang lepas juga saya suarakan. Waktu puncak pukul 8 pagi orang hendak pergi kerja, pukul 7 pagi, bermula 7 pagi, dari Batu Caves sampai ke Sentul, Ya Allah! *Jammed* teruk. Begitu juga masa balik kerja pukul 5 petang. Ya Allah! *Jammed* teruk sangat. Jalan kecil masalah di situ, masalah Pasar Sentul. Saya harap Dewan Bandaraya bukannya tidak tahu. Dewan Bandaraya sememangnya sedia maklum keadaan pasar di situ tidak sesuai lagi duduk di pinggir jalan. Saya harap pihak DBKL dan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melihat semula, cari lokasi baru, pindahkan pasar itu. Jalan utama itu dinaiktarafkan supaya kesesakan yang berlaku pada hari ini tidak akan terus berlaku sampai bila-bila. Kalau tidak, mereka akan cap saya gagal sebagai wakil rakyat di Parlimen Batu walaupun Senator. Tidak boleh balik kampung saya. Jadi, saya harap pihak yang bertanggungjawab, pihak yang berwajib kena ambil tindakan segera dalam soal ini.

Seterusnya, saya hendak bangkitkan soal- ini pun telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Dewan. Soal pertemuan Ahli Parlimen Lembah Pantai bersama Ahli Parlimen Batu berjumpa Jacel Kiram III di Manila. Kita merasa amat sedih apabila berlaku serangan oleh pasukan Jamalul Kiram III di Tandua, di Kampung Tanduo, Sabah pada 12 Februari 2013 yang lepas. Perkara itu masih terngiang-ngiang di kepala kita. Kenapakah soal ini boleh berlaku? Kenapakah mereka berani untuk menuntut kembali Sabah kepada mereka? Padahal sejarah ini sudah lama berlalu tetapi kita dikejutkan apabila peristiwa itu berlaku, anggota keselamatan kita



dibunuh, rakyat kita dibunuh, diseksa bukan sahaja dibunuh, malah perkara-perkara yang tidak sanggup kita lihat berlaku. Mata dicungkil, kepala dipotong, anggota keselamatan kita.

Akan tetapi tiba-tiba, dua orang wakil rakyat Ahli Parlimen dari Malaysia, pergi berjumpa dengan Jacel, anak Jamalul Kiram III. Ini sepatutnya berlaku ataupun tidak? Adakah dua orang wakil rakyat ini tidak ada sensitiviti, tidak merasa, tidak belas kasihan kepada anggota keselamatan kita yang dibunuh dengan begitu kejam dalam peristiwa Tanduo? Jadi, saya sangat berharap supaya dua orang Ahli Parlimen ini diasasat dengan rapi. Kita tidak tahu apa yang berlaku sebelum ini serangan terhadap Lahad Datu. Kita tidak mahu menuduh tetapi kita juga boleh buat persepsi, mungkin ini angkara mereka. Apabila kita tuduh, apabila kita cakap, apabila kita hendak hadapkan mereka kepada jawatankuasa disiplin, mereka memohon maaf. Buat salah, mohon maaf. Buat salah, mohon maaf. Rafizi bercerita tentang cincin Rosmah, selepas itu dihadapkan ke mahkamah, "*Minta maaf, tersalah cakap*". Apakah kerana memohon maaf itu membolehkan mereka membuat fitnah kepada kita?

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** [*Bangun*]

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Silakan.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila bercakap fasal Lahad Datu ini, ia menjadi benda yang cukup memberi kesan yang cukup tinggi kepada diri saya secara peribadi dan juga kepada rakan-rakan yang lain. Ini disebabkan apabila kita melihat gambar anggota keselamatan kita yang dibunuh dengan begitu kejam, tidak terfikir akal kita, manusia yang berfikiran waras sanggup berbuat perkara yang sedemikian. Saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat Datuk sebutkan tadi.

Cuma saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Datuk mengenai satu perkara ini. Kita juga masih ingat dengan jelas waktu berlaku serangan di Lahad Datu. Kita juga masih lagi ingat dengan begitu jelas, terang, apabila Ahli Parlimen yang sama telah menyatakan bahawasanya yang berlaku di Lahad Datu itu ialah konspirasi yang dirancang dengan begitu baik oleh kerajaan supaya mengalihkan pandangan suasana politik waktu itu ke Lahad Datu. Dituduh, ditohmah dengan begitu hina sekali. Penglibatan pemimpin-pemimpin negara, kononnya yang menyebabkan perkara ini berlaku. Akhirnya, dengan izin Allah SWT, mungkin mereka lupa apa yang mereka katakan pada tahun 2013.

Jadi, pada pandangan Yang Berhormat, selain daripada tindakan dan siasatan rapi mesti wajib dibuat, apa tindakan lain juga yang boleh kita cadangkan seperti mana tohmahan yang telah mereka buat dengan begitu jijik dan kotor sekali kepada pemimpin negara ini, malahan dituduh kepada Menteri-menteri yang berkenaan bahawasanya mereka terlibat? Akhirnya, mereka yang pergi menjilat kaki pengkhianat-pengkhianat ini yang telah membunuh dengan begitu zalim sekali pasukan keselamatan. Jadi, apakah hukuman yang lebih Yang Berhormat mungkin boleh fikirkan terhadap pengkhianat ini kepada saya? Terima kasih.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masih panjang lagiakah?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ada sedikit lagi. Ada dua tajuk lagi. Yang ini tajuk...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya beri lima minit lagi ya.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Kedua, tajuk Pakatan Harapan dan Pakatan Rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Pendekkan. Lima minit lagi ya

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Saya dapat notis ini daripada Tuan Yang di-Pertua, kata panjangkan sedikit [*Ketawa*] Ada notis di tangan saya ini. "*Datuk boleh ambil masa panjang sedikit berbahas. Tidak ramai yang hendak berucap pada hari ini*" [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Memang betul Yang Berhormat. Saya kata, saya akan beritahu Yang Berhormat kalau masa Yang Berhormat cukup, saya akan beritahu.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, saya beri lima minit lagi.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Soal yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi Yang Berhormat Senator Datuk Megat memang betul. Mereka mengatakan kita ini sandiwara UMNO. "*Berlaku kejadian serangan di Kampung Tanduo di Lahad Datu sandiwara daripada UMNO!*". Itu yang diucapkan oleh Yang Berhormat Batu. Mereka lupa mungkin. Daripada itu kita ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak kerana mengambil keputusan tidak membenarkan Nurul Izzah, Ahli Parlimen Lembah Pantai dan Ahli Parlimen Batu masuk ke Sabah dan Sarawak [*Tepuk*] Bukan itu sahaja. Saya suka mencadangkan di dalam Dewan ini, bukan sahaja ke Sabah, malah pasport mereka dirampas, jangan dia pergi ke serata dunia. Oleh sebab kita tahu mereka pergi ke sana untuk membuat fitnah kepada pemimpin negara kita. Setuju ataupun tidak?

#### ■1520

**Beberapa Ahli:** Setuju, setuju!

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ini betul. Tindakan ini kena ambil. Kena berani kita. Takut apa? Kita majoriti... [*Disampuk*] India ada 20,000 pun bising punya cerita.

Kita juga ingin mengalungkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan. Hari ini keluar dalam *paper* menyeru orang Melayu supaya berpadu, bersatu padu. Terima kasihlah. Ditulis dalam *paper* hari ini- orang India boleh seru kita, yang kumpulan minoriti boleh seru orang Melayu, yang majoriti 60%, hebat Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan ini sebenarnya... [*Disampuk*] Yalah, kalau dia itu lebih kurang kita pun duduknya, lagi hancur '*boncai*' '*kot*' tetapi dia sudah tidak ramai, dia bersatulah. Tahniahlah, MIC pun sudah bersatu sekarang, okeylah itu.

**Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai:** [*Bangun*]

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Sila, sila.

**Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Apa kita dua *million*, you 20 *million* pun belum jadi semua sudah pecah? Kita dua *million* itu tidak apalah, 20 *million* apa sudah jadi? Berapa parti ada? Sekarang UMNO pun sudah pecah. BERSIH 4.0 pun, dulu Perdana Menteri 22 tahun pun dia sudah turun. Apakah ini? Sendiri punya jaga sedikit. Okey, terima kasih.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ini saya hendak betulkan *statement* Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan. UMNO belum pecah. UMNO belum pecah! Perpaduan dalam UMNO masih erat, masih teguh. Kita memberi sokongan padu kepada Yang Amat Berhormat Presiden parti kita [*Tepuk*] Soal orang lain itu dia punya pasallah, kan?

Jadi itulah saya hendak minta Dewan ataupun pihak-pihak yang berkenaan yang berwajib ambillah tindakan sewajarnya kepada dua Ahli Parlimen yang saya rasa mereka tidak setia kepada negara kita, negara tercinta. Kalau mereka setia, mereka tidak buat perkara yang telah mereka buat hari ini. Motif utama mereka, tujuan utama mereka tidak lain dan tidak bukan hanya untuk membebaskan Anwar Ibrahim dari penjara. Itu sahaja tujuan mereka. Perjuangan mereka itu sahaja. Yang kita rakyat ini sokong dia itu buat apa? PAS bersekongkol dengan dia itu buat apa?

Hari ini PAS dia sedar, *alhamdulillah*. *Alhamdulillah*. Tahniah kepada PAS. Siapa itu dahulu Pakatan Rakyat, hari ini Pakatan Harapan. Di Pulau Pinang guna Pakatan Harapan, di Selangor guna Pakatan Rakyat. Apakah itu? Ini yang terakhirlah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulung ya, Yang Berhormat.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Apakah itu? Di Pulau Pinang mereka tidak mahu bersama PAS tetapi di Selangor, Azmin kata dia memerlukan PAS. Ketua Menteri Pulau Pinang kata mendesak Menteri Besar Selangor tolak ADUN-ADUN PAS ini daripada Exco Kerajaan Negeri, tetapi Menteri Besar Selangor kata *no*, tidak bersetuju. Nampaknya di sini DAP hendak jadikan sebuah parti dominan daripada Parti Pakatan Harapan, Pakatan Rakyat. Ketua Menteri Pulau Pinang kalau boleh, yang ada di bawah ini, yang ada bersama mereka supaya akur dengan apa kehendak mereka.

*Alhamdulillah*, setelah berlaku muktamar pimpinan PAS tempoh hari, yang muka-muka jahat ini dah keluar daripada PAS dan tinggal yang baik-baik macam Yang Berhormat Dato' Dr. Johari [*Tepuk*] Orang yang sangat mulia, orang yang sangat baik. Ini yang harus kita bersama.

Kita kena ingat perjuangan UMNO hari ini sama ada PAS, orang Melayu perjuangan untuk mengangkat martabat bangsa, agama dan tanah air. Kita kena ingat itu. Itu sahaja prinsip kita. Jadi, kita bekerjasama dengan orang yang tidak tentu hala, yang dahulu dia kata masa persidangan dahulu, muktamar dahulu- minta maaf Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Muktamar dahulu masa Presiden Harapan hari ini menang Timbalan Presiden PAS dahulu, dia kata PAS mengamalkan demokrasi, cantik PAS hari ini mengamalkan demokrasi. Akan tetapi apabila kalah tempoh hari, keluar daripada parti, buat parti baru. Buat parti baru, barulah cakap hari ini kita mengamalkan Islam progresif, ulama tidak boleh pakai sudah sekarang ini. Malah, *statement* yang terakhir tempoh hari, Presiden Pakatan Harapan, Presiden Parti AMANAH mengeluarkan kenyataan bahawa PAS ini IS. Jahat punya *statement*. Apabila mereka telah bercerai, mereka

tidak tidur sebentar, mereka tidak tidur sebung, inilah kenyataan yang dibuat oleh Presiden AMANAH kepada sahabat kita, rakan-rakan PAS yang ada hari ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, gulung.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *InshaaAllah...*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ya, ya, hendak habis ini, nak menggulung ini. Tengah gulunglah ini.

*InshaaAllah*, saya yakin pimpinan PAS hari ini terus beristiqamah dalam perjuangan. *InshaaAllah*, orang-orang PAS, pengikut-pengikut PAS di kalangan ulama dengan yang ada setia kepada Presiden, *inshaaAllah*, kita mengharapkan supaya niat perjuangan kita, kita satukan perjuangan kita demi agama, bangsa dan tanah air. Jadi, itulah harapan saya kepada seluruh pimpinan yang ada. Buang yang keruh, ambil yang jernih. Tidak ada perkara yang tidak boleh kita selesaikan. *InshaaAllah*, ia akan kembali jernih di suatu hari nanti.

Yang penting kita hendak menghadapi PRU Ke-14. Yang penting kita nak menang dalam PRU Ke-14. Yang penting kita hendak menarik sokongan rakyat supaya memberi sokongan kepada kita. Oleh sebab itulah saya sangat menyokong soal Bajet 2016 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan-rakan. Saya sudahi dengan *wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan Yang Berhormat.

### 3.29 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang telah diberikan untuk sama-sama saya mengambil bahagian dalam membahas dan membincang Bajet 2016 ini. Atas peluang yang diberi, saya ucap terima kasih banyak-banyak.

Saya ingin memulakan perbincangan ini dengan melihat beberapa perkara iaitu yang pertama, kita melihat bahawa bajet tahun ini disebut sebagai mensejahterakan kehidupan rakyat yang telah diolah di dalam enam perkara. Kesemua perkara itu telah dihuraikan satu persatu.

#### ■1530

Dalam perbahasan ini saya tidak akan menyentuh semuanya sekali. Akan tetapi saya akan hanya memilih beberapa perkara yang mungkin telah disentuh oleh Senator-Senator sebelum saya dan mungkin juga yang tidak pernah disentuh lagi tetapi telah disebut dalam bajet ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat pertama dalam bajet ini disebut cukai GST. Cukai GST ini telah menjadi satu perdebatan yang panjang sehingga ke hari ini belum selesai. Ada *pros and con*. Ada yang menyokong dan ada yang tidak menyokong. Akan tetapi suatu perkara yang kita lihat bahawa perkara ini tetap berjalan seperti yang telah diputuskan di Dewan ini setelah rang undang-undang itu telah diterima.

Saya melihat ada dua perkara yang saya hendak bangkitkan di sini. Pertama ialah kita melihat kita dahulu ada cukai dan ini pun ada cukai. Maksudnya masyarakat kita telah menerima hakikat cukai ini. Namun persepsinya ialah bagaimana pelaksanaan dan kebimbangan yang disebut-sebut ialah barang naik, itu sahaja. Itu yang penting. Jadi apabila berlaku ini maka betul-betul barang itu naik. Walaupun ada pihak-pihak kerajaan, kementerian berkenaan memberi jaminan bahawa barang tidak naik, tetapi hal yang sebaliknya memang naik, memang terbeban. Ini yang menjadi rungutan kepada masyarakat. Ini satu realiti.

Kemudian saya melihat ada yang saya berpendapat bahawa kaedah-kaedah lain. Saya membaca akhbar dan juga dengar perbincangan. Saya rasa pihak kerajaan juga boleh panggil orang-orang yang memberi pandangan tadi sama ada *engage* secara peribadi atau bagaimana supaya mereka memberi cadangan bagaimana yang terbaik. Kita tidak mahu membiarkan mereka yang mempunyai kepakaran. Kalau mereka mempunyai kepakaran beri cadangan bagaimana sebenarnya kutipan cukai yang terbaik untuk dilaksanakan di dalam masyarakat dalam melaksanakan kepentingan negara sebagai *income* yang baik. Jadi saya melihat ada macam-macam golongan di sini. Cuma saya tidak tahu adakah kerajaan telah panggil mereka ini untuk mendengar apa sebenarnya yang mereka boleh cadangkan.

Begitu juga saya melihat ada orang yang berpendidikan dalam ekonomi Islam. Mereka mempunyai saranan-saranan. Saya rasa saranan-saranan ini patut kita dengar daripada mereka bagaimana percukaian yang sepatutnya menurut pandangan mereka dan pendekatan mereka yang mereka utarakan. Saya yakin bahawa kalau mereka benar-benar mempunyai kepakaran di situ, apa salahnya pihak kerajaan memberi perhatian kepada rancangan itu.

Mungkin pada peringkat pertama kita boleh buat kajian dan sebagainya. Hal ini saya melihat seperti perbankan Islam satu ketika dahulu. Mungkin satu perkara baru kepada masyarakat kita orang Islam di Malaysia. Akan tetapi setelah diolah dan kerajaan mengambil alih pandangan itu, maka kerajaan telah membuat satu ketetapan dan menubuhkan Bank Islam, seterusnya takaful dan sebagainya sehingga Bank Islam itu telah menjadi sebuah bank yang terbesar ini negara kita.

Saya melihat perkara ini, kita melihat dari sudut positifnya. Jadi bagi saya kalau sekiranya ada pakar-pakar yang boleh memberi pandangan dan kita tengok pandangan itu dan pihak kerajaan boleh membuat kajian sehingga ia boleh dihasilkan satu olahan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita merupakan selalu disebut negara Islam sebagai contoh. Saya juga berbangga dengan hal itu. Nama itu Islam. Jadi saya tengok di dalam negara ini ramai pakar yang mempunyai dalam pelbagai bidang yang ada. Saya ingin tahu sejauh mana kepakaran ini digunakan oleh kerajaan terutamanya profesor-profesor yang ada di universiti kita yang ramai dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang mempunyai latar belakang pengajian agama untuk memberi input kepada seluruh perancangan yang akan dirancang oleh kerajaan.

Ini kerana kita telah meletakkan Islam sebagai *Maqasid Syariah* ada di situ ada konsep *al-wasatiyyah*. Saya rasa perlu *implement*, dengan izin, dengan pelaksanaan itu dilaksanakan di

dalam negara supaya kita lihat perkara ini dapat dihasilkan bukan sahaja ia sebagai satu istilah atau satu slogan yang dikemukakan tetapi tidak dapat dilaksanakan.

Untuk melaksanakan, merealisasikan *Maqasid Syariah* dalam pentadbiran, maka sudah pastilah golongan-golongan ini pandangan mereka perlu diambil kira dan diletakkan di dalam mana-mana jawatankuasa untuk membantu dan memberi sumbangan dan buah fikiran dalam pelaksanaan syariat Islam dan *Maqasid Syariah* itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat juga dalam bajet ini menambah baik *infra*. Dalam menambah baik *infra* ini saya melihat tidak seimbang antara *infra* di kota raya kota besar dengan di luar bandar. Banyak tumpuan kepada dalam bandar. Sebagai contoh seperti Kuala Lumpur, seperti jaringan penyatuan rel, Lebuhraya Damansara-Shah Alam, Sungai Besi-Ulu Klang, dan Lebuhraya Central dan sebagainya. Ini merupakan semua dalam bandar dan kota besar. Namun saya tengok ada juga di luar bandar dan di bandar-bandar kecil tetapi tidak serancak apa yang ada dalam bandar.

Begitu juga kalau kita melihat dan membina penyeraian trafik Jalan Tun Razak diberi RM900 juta. Ini juga dalam bandar. Banyak dalam bandar. Kita tidak menafikan perlunya dalam bandar tetapi biar rasa seimbang dengan di luar. Ini kerana untuk merancakkan ekonomi, negara kita juga kita perlu beri perhatian kepada luar bandar. Saya melihat jalan-jalan juga diberi peruntukan di luar bandar tetapi saya hendak sebut, jalan di luar bandar ini di luar kota ini kalau Datuk Megat tadi sebut dia niat hendak cakap hari ini semalam sudah turap. Itu kalau bandar. Kalau luar bandar lubang banyak, tambah-tambah hari hujan ini. Musim-musim terakhir ini. Saya datang dari Kota Bharu naik kereta teruklah jalan. Datuk Ong tidak tahu rumah kita mana, dia boleh nanti ikut atas.

**Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin:** Saya mahu setuju Yang Berhormat Dato' Johari cakap itu. Memang dalam bandar jalan memang cantik. Luar bandar memang banyak lubang. Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih, sebab datang ikut sama. Ini yang saya rasa kita sebagai contoh sahaja, jalan dari Kuala Krai ke Kota Bharu. Jalannya yang berlenggang-lenggok dan tidak sama. Saya rasa kalau mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang pergi ke sana, tolonglah lalu jalan itu. Lain dari jalan Terengganu yang baru itu memang cantik. Akan tetapi, walau bagaimanapun kita melihat bahawa jalan-jalan di luar bandar, bukan sahaja saya sebut di sini tetapi juga di lain-lain perlu diberi perhatian kerana untuk merancakkan ekonomi dan juga menaikkan taraf kehidupan masyarakat di luar bandar sama.

Begitu juga saya melihat pembinaan Lapangan Terbang di Mukah dan naik taraf lapangan terbang di Kuantan dan Kota Bharu hanya diperuntukkan sebanyak RM42 juta. Sejumlah RM42 juta ini hendak buat lapangan terbang sedikit. Sedangkan hendak menyuraikan kalau dibandingkan, inilah saya sebut banding tadi untuk menyuraikan trafik Jalan Tun Razak tidak panjang mana, tetapi RM900 juta. Sedangkan RM42 juta sahaja untuk membina sebuah lapangan terbang di Mukah dan kemudian naik taraf lapangan terbang di Kuantan dan Kota Bharu.

## ■1540

Bagi saya takut tidak mencukupi. Walaupun saya mengetahui kekangan kewangan yang dihadapi oleh kerajaan namun saya merasakan lapangan terbang di Kota Bharu, Kuantan dan sebagainya merupakan sebuah lapangan terbang yang sangat berkembang pesat sehingga dikatakan, saya bertanya orang-orang di Kota Bharu bahawa Kota Bharu-Kuala Lumpur, Kota Bharu dan destinasi yang lain lagi ada 40 penerbangan setiap hari.

Ini merupakan sebuah lapangan terbang yang agak sibuk dan banyak penerbangannya pada setiap hari dan saya merasakan ia perlu dipercepatkan dan saya ucap terima kasihlah kerana dalam Bajet 2016 baru ini telah diberi peruntukan. Namun saya rasa tidak cukup dan perlu dipercepatkan kerana sudah lama, sebenarnya bukan orang Kota Bharu saja, orang Terengganu pun dekat Jerneh itu pergi Kota Baharu, jauh hendak pergi ke Kuala Terengganu. Orang Thailand pun datang sini dan begitulah juga. Saya tengok ada penerbangan terus yang dibuat oleh AirAsia dari Kota Bharu ke Kota Kinabalu dan ke Sabah. Ini merupakan satu perkembangan yang ada sebelum tahun. Ini menunjukkan bahawa- dan begitu juga ada penerbangan langsung ke Singapura. Ramai orang yang menaiki pesawat dari sana, ke Singapura dan juga Sabah dan Sarawak. Ini menunjukkan kepada kita bahawa perkembangan itu perlu diberi perhatian dan apabila kita melihat kehidupan masyarakat, kita perlu memberi perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dalam negara kita ini, dalam bajet ini, dalam buku ini disebut bahawa kita ada 1.6 juta orang penjawat awam. Ramai itu dan kita juga mendengar bahawa dalam bajet ini juga Yang Amat Berhormat mengumumkan penambahan baik kepada 252 skim perkhidmatan. Akan tetapi kita tidak tahu lagi macam mana skim-skim itu dan kalau boleh nanti dalam jawapan kita hendak dengarlah skim-skim itu yang telah dinaikkan dan ditambah baik dan ini juga akan menggembirakan penjawat awam. Walaupun kita tidak termasuk di dalam itu, saya rasa anak-anak kita pun ramai dan hendak tahu bagaimana penambahbaikan itu yang telah dicadangkan dan kita rasa ini merupakan satu keadaan yang mereka nanti-nantikan.

Kalau boleh, beri jawapan, kalau tidak boleh secara lisan nanti, kita juga hendak melihat secara bertulis. Begitu juga kita melihat pihak JPA akan menambahkan skim pegawai, selalu memberi perhatian kepada kebajikan pegawai kepada pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan termasuklah guru, doktor dan sebagainya. Namun banyak lagi golongan-golongan yang mungkin tidak terpendang atau tidak diberi perhatian. Sebagai contoh ialah pegawai sains dan fizik yang ada dalam beberapa di kementerian di dalam negara kita ini dan mereka semacam terabai, terlepas pandang dalam bahasa-bahasa yang boleh kita gunakan. Sedangkan orang-orang lain, dalam skim-skim lain seperti guru atau doktor dan sebagainya, mereka apabila sampai kepada satu tahap, mereka akan naik dengan *time based* dan bagaimana dengan kebajikan golongan-golongan seperti ini?

Saya juga melihat bahawa dalam bajet ini gaji minimum yang akan diperkenalkan pada tahun hadapan ialah RM1,200 di seluruh negara, menggantikan RM1,000 sebelum ini. Saya

melihat perkara ini satu perkembangan walaupun taraf hidup yang semakin meningkat lebih daripada itu tetapi mereka yang akan bekerja mungkin akan berasa lega sikit. Namun saya melihat kenapa dia tidak sama antara gaji minima yang dicadangkan di kumpulan swasta antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Saya tidak tahu orang Sarawak setuju atau tidak setuju. Saya melihat gaji minima kepada pekerja swasta daripada RM900 kepada RM1,000 di Semenanjung sementara RM800 kepada RM920 di Sabah dan Sarawak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Saya hendak tahu di Dewan yang mulia ini asas perbezaan itu. Adakah barang-barang di Sarawak dan Sabah, Wilayah Persekutuan di sana murah berbanding dengan Semenanjung atau atas perkiraan apa. Jadi saya pun orang tanya, saya pun tidak tahu. Saya tidak boleh hendak jawab, kalau dulu pun orang tanya saya, "*Atas perkiraan apa, atas alasan apa*". Saya pun tidak tahu tapi saya kata saya akan bertanya di Dewan ini dan bagi saya jawapan yang akan diberikan di Dewan ini merupakan satu keputusan yang muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya tentang penggunaan orang-orang yang mempunyai pendapatan rendah iaitu penggunaan telefon dan komunikasi. Baru-baru ini saya sudah bertanya di Dewan ini kenapa diberi *charge* 6% kepada pengguna-pengguna telefon prabayar dan pada ketika Yang Berhormat Menteri memberi jawapan kita akan hapuskan itu pada November. Sekarang ini sudah masuk Disember sudah tapi masih *charge* lagi. Kalau saya pergi ke kedai untuk *top-up* RM10 minta 60 sen, RM20 minta RM1.20. Apakah yang sangat susah ini hendak buat? Apakah yang sebenarnya sedang berlaku? Pengguna-pengguna telefon ini, rakyat yang kadang-kadang minta duit dengan ibu bapa saja. Budak-budak sekolah, anak-anak sekolah, remaja-remaja. Walaupun mereka menggunakan tetapi yang bagi duit itu mak bapa lah.

Jadi rasa terbeban, 60 sen ini besar bagi orang berpendapatan sedikit atau mempunyai pendapatan rendah atau M40 dan sebagainya, besar. Bagi orang yang mempunyai duit yang banyak, mungkin dia tidak terasa dan ini perkara yang perlu diberi perhatian segera supaya pihak-pihak ini kalau hendak menaikkan cepat tetapi kalau hendak mengurangkan, hendak menurunkan, mengembalikan kepada keadaan biasa sangat lambat. Kalau kita lihat perkara ini, apakah sebenarnya yang sedang berlaku? Apa tindakan kerajaan yang perlu dibuat sehingga mereka, syarikat-syarikat gergasi ini melengah-lengahkan dan yang menjadi masalah atau mangsa ialah rakyat yang hidup dan mempunyai pendapatan yang tidak seberapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendengar semalam perbincangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim dan juga Yang Berhormat Tan Sri Dato' daripada yang kita sini tentang pencapaian bumiputera. Sejak sekian lama kita mendengar bumiputera adalah tertinggal jauh di belakang dan sampai sekarang pun belum capai apa-apa sasaran yang telah diletakkan. Sebenarnya saya ingin tahu apa masalah sedangkan dalam setiap bajet, dalam setiap Rancangan Malaysia selalu disebut dengan olah yang baik dan cantik tetapi di mana keadaan, kedudukan yang menyebabkan tidak dapat mencapai sasaran? Apakah dia masalah sebenarnya? Adakah bumiputera ini sikapnya- kembali kepada sikapnya atau



pengurusannya atau apa kerana perkara-perkara seperti ini perlu didedahkan kepada semua pihak supaya mereka dapat berfikir dengan jujur dan ikhlas, supaya masalah-masalah rancangan ini dapat berjalan dengan baik.

■1550

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya nak melihat akhbar hari ini. Akhbar hari ini menyebut bahawa ada satu kumpulan yang disebut sebagai G25. G25 ini adalah tergolong daripada bekas-bekas penjawat awam yang tinggi dalam negara kita yang banyak memberi sumbangan dan juga jasa. Namun dalam hal-hal ini mereka telah memberi kenyataan bahawa ada hukum hakam yang ada dalam Enakmen Jenayah Syariah itu perlu disemak dan kemudian mereka menyatakan bahawa ia bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia.

Saya melihat perkara ini sebagai satu usaha atau unsur untuk mengetepikan undang-undang syariah yang sedia ada yang telah diluluskan di semua peringkat negeri. Mereka berusaha sedaya upaya untuk menysihkan pengamalan syariat Islam itu termasuk khalwat dan sebagainya dan dinyatakan bahawa ia adalah bercanggah dengan perlembagaan iaitu kebebasan peribadi. Saya melihat ada dua, tiga orang Mufti telah memberi pandangan masing-masing yang juga sekali gus memberi nasihat kepada mereka yang terlibat di mana undang-undang itu merupakan satu perkara yang telah diputuskan dan ia bukan boleh semata-mata kita ukur dengan kebebasan yang diambil dari neraca-neraca lain.

Oleh itu dalam konteks ini saya rasa sepatutnya orang-orang yang bijak pandai ini, mereka membantu untuk memperkukuhkan undang-undang syariat Islam yang sedia ada supaya ia diperkemas dan dipertingkatkan lagi. Hal ini saya rasa semua orang Islam perlu kepada memperkasakan Mahkamah Syariah. Bagi saya Mahkamah Syariah yang ada sekarang ini perlu diperkasakan bukan untuk dibuang kuasa tetapi perlu diperkasakan supaya umat Islam itu lebih menjaga adab dan terhormat di kalangan sesama kita dan juga di kalangan orang lain. Oleh itu saya melihat kita di dalam Dewan yang mulia ini dan juga di Dewan Rakyat perlu memikirkan bagaimana untuk memperkasakan Enakmen Jenayah Syariah dan kuasa mahkamah yang lebih tinggi daripada apa yang ada sekarang.

Apa yang ada sekarang merupakan satu kedudukan yang sangat rendah kalau kita bandingkan dengan mahkamah yang ada sekarang ini. Oleh sebab itulah saya melihat perlu kita khasnya orang-orang Islam supaya memberi tumpuan dan perhatian supaya kuasa Mahkamah Syariah itu dinaiktarafkan daripada apa yang ada sekarang mengikut sewajarnya. Kita pun tahu bahawa Enakmen Jenayah Syariah ini tidak mengganggu gugat orang yang bukan Islam. Ia hanya untuk orang-orang Islam sahaja.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Minta laluan sedikit.

**Dato' Dr. Johari Bin Mat:** Sila.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Saya nak tanya apa pandangan Yang Berhormat tentang dua *statement*. Yang pertama, anti hadis ini yang dulu buat *statement* Kassim namanya. Dia kata, dia mengeluarkan *statement* bahawa dia mengkritik bulan Haji ini, orang pergi Haji ini bila-

bila pun boleh buat. Ini Kassim cakap. Bila-bila boleh buat, tidak termaktub pada bulan yang telah ditetapkan dalam Islam.

Keduanya, semalam saya ada baca satu artikel mengatakan, yang buat *statement* itu pun pakai baju Bersih, orang Melayu Islam. Khalwat dalam rumah tidak perlu diambil tindakan, maknanya itu kebebasan hak asasi manusia. Kalau nak ambil tindakan, khalwat di luar, tengah padang itu semua boleh diambil tindakan tetapi dalam rumah, berkhalwat dalam rumah tidak boleh ambil tindakan. Apa pandangan ustaz. Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Ada dua persoalan. Yang pertama nak buat Haji bila-bila pun boleh. Ia sebenarnya itulah peraturan, Haji ini bergantung pada tempat dan masa. Tempatnya hanya di Mekah, masanya bulan Zulhijjah. Perkara ini, penentuan ini ditentukan, sebagai orang Islam ditentukan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran dan dilaksanakan oleh Rasulullah SAW mengikut hadisnya. Oleh sebab kita sebagai orang Islam merupakan orang yang telah terima Al-Quran sebagai sumber perundangan dan juga sumber hukum, hidayah dan Rasulullah SAW sebagai pembimbing, maka kita terima konsep itu dan ini merupakan suatu perkara yang diterima dan tidak perlu dibahas.

Adapun ada orang yang berkata hendak buat bila-bila pun boleh, itu dia guna akal fikiran dia. Oleh sebab itu dalam Islam ini ada yang kita boleh berfikir, ada yang kita kena ikut. Yang boleh fikir bagaimana kalau kita sekarang nak berfikirlah ini, kalau sekarang ini orang hisap vape, itu boleh berfikir. Apa hukum. Itu boleh tanya, apa hukum. Ada sebut dalam Al-Quran tak, ada sebut dalam hadis tak, tidak ada. Okey, yang ada ialah Allah SWT melarang orang makan atau minum atau mengguna bahan-bahan yang memabukkan dan beracun. Larang makan bangkai, makan racun dan sebagainya. Jadi dilihat adakah ini boleh membawa kemudharatan atau sebaliknya. Kalau boleh membawa kemudharatan maka apa-apa yang diguna, dimasukkan dalam badan tidak boleh diguna. Rasulullah SAW... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud, jangan memberi mudarat kepada diri sendiri dan memudaratkan orang lain.

Saya baca dalam kajian yang terbaru, rokok juga merupakan bahan yang boleh merosakkan kesihatan. Semua orang tahu tetapi yang hisap rokok itu hisap juga, nak buat macam mana. Akan tetapi yang ini lebih lima kali ganda daripada rokok. Rokok pun saya tengok para ulama seluruh dunia tidak bersepakat kata harus, tidak ada yang kata harus tetapi yang berbeza di kalangan mereka antara haram dan makruh. Yang makruh itu zaman-zaman dulu, zaman-zaman teknologi tidak berkembang, dia tidak boleh hendak kaji, tidak tahu apa yang ada dalam inti pati rokok itu.

Setelah mereka mengetahui, maka yang kata makruh itu pun cenderung untuk melarang juga. Ini menunjukkan, yang ini yang boleh difikir, ini yang boleh di ijtihad. Adapun kata sembahyang dua rakaat Subuh, ini tidak perlu di ijtihad. Begitu juga pergi haji masa tertentu, tempat tertentu itu tidak boleh difikirkan. Oleh sebab itulah ada perkara-perkara yang boleh difikirkan dan ada perkara yang tetap.

Kedua tadi, khalwat. Khalwat ini asalnya ialah bersunyi, kita duduk seorang. Asal kalimah "khalwat" itu ialah "menyendiri". Orang yang duduk seorang dalam rumah kata berkhalwat tetapi

istilah ini telah berubah dan berkembang iaitu orang duduk dua-dua orang menyendiri. Apabila duduk dua-dua orang menyendiri kalau orang tidak tahu tidak apa, kalau orang tahu tidak boleh. Jadi sekarang ini apabila perbuatan itu sebenarnya duduk dua-dua orang di antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim dilarang menurut agama. Boleh jadi niat kita baik, boleh jadi kita rasa kita tidak buat salah tetapi dilarang.

#### ■1600

Rasulullah menyebut dalam sebuah hadis yang bermaksud, tidak berada berduaan antara lelaki dengan perempuan kecuali syaitan yang ketiga. Orang duduk lelaki dan perempuan ini kalau suami isteri dia tidak boleh duduk lama pun pasal kahwin dah lama tetapi kalau yang baru-baru ni, dia duduk tiga jam, dua jam itu dia rasa baru sekejap. Apakah sebenarnya dorongan?

Ada imam di Pantai Dalam, dia tengok budak ini duduk berduaan ini *start* daripada Maghrib sampai pukul 12 malam. Dia cerita pada saya, sampai pukul 12 malam dia pergi tanya, *“Dik, tak balik lagi?” “Dia kata baru sekejap duduk”*. Sedangkan dia nengok daripada Maghrib tadi sampai pukul 12 malam dia kata baru sekejap saya duduk sini. *Baru sekejap Imam*”. Sebab apa dia rasa tidak lama? Sebab dia tidak kahwin dua itu. Sebabnya syaitan ada, kerana itulah syaitan ini tidak bagus. Namun, apabila orang buat baik, dia *thank you*.

Ada satu cerita iaitu Nabi Musa a.s., syaitan ini dia berjumpa dengan dia dan syaitan puji dia, *“Engkau ini bagus Musa kerana engkau boleh cakap direct dengan Allah SWT. Oleh sebab engkau ini rapat dengan Allah aku hendak minta satu perkara iaitu aku hendak engkau tanya Allah boleh tidak aku hendak bertaubat”*. Nabi Musa kata, *“Tidak apa, saya akan tanya”*. Diringkaskan, Nabi Musa bertanya Allah, Allah kata, boleh, bila-bila pun taubat boleh. Namun, oleh sebab dia tidak pernah sujud pada Adam a.s yang telah diperintahkan oleh Allah dahulu, maka Allah kata, *“Untuk terima taubat kamu, kamu pergi sujud kepada kubur Nabi Allah Adam, walaupun dia sudah mati”*. Sujud hormat, bukan sujud ibadat.

Nabi Musa menceritakan kepada Iblis dan Iblis kata, terima kasih banyak, *thank you*- Iblis tidak tahu kata *“thank you”*, tidak, saya yang buat itu. Terima kasih, terima kasih, Iblis kata, *syukran laka*. *“Terima kasih banyak kerana engkau telah menyampaikan hasrat aku untuk bertaubat dan bertanya Allah dan Allah beri jawapan”*. *“Untuk pengetahuan kamu kalau aku semasa dia hidup aku tidak sujud, mati lagi aku tidak sujud”*. Itu jawapan Iblis.

*“Namun oleh sebab engkau telah berbuat baik kepada aku, maka aku hendak beritahu kepada kamu. Yang pertama kalau kamu naik marah, kamu kena ingat aku sedang menggoda kamu. Kalau sekiranya ada wanita dan lelaki berdua-duaan maka percayalah akulah orang ketiga”*. Kerana itulah dua orang duduk perempuan lelaki boleh duduk lama itu pasal ada juru kipas.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung. Saya terlupa Tuan Yang di-Pertua tanya tadi. Saya hendak pergi Tuan Yang di-Pertua kepada muka surat 49. Di sini saya melihat memerangi rasuah. Rasuah ini merupakan barah kepada masyarakat di mana-mana pun sehingga Rasulullah menyebut... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Allah melaknat kepada orang

yang memberi rasuah dan meminta rasuah. Pemberi dan penerima Allah laknat. Orang Islam apabila dia dengar kalimah laknat dia akan tidak buat, dia takut sebab laknat ini tidak berkat. Kalau orang memberi pun tidak berkat begitulah juga penerima pun tidak berkat.

Jadi, saya melihat negara kita telah membuat bersungguh-sungguh dalam memerangi rasuah ini. Namun begitu saya melihat masih ada orang-orang yang terlibat. Kenapakah dia berlaku? Banyak sebab yang telah diberikan. Antara lain disebut ingin hidup bergaya lebih daripada kemampuan. Itu antara sebab yang telah diberikan oleh pengkaji-pengkaji dan sebagainya.

Bagi saya sebab itu mungkin ya mungkin tidak, tetapi sebab yang sebenar yang kukuh ialah kerana ia tidak betul-betul beriman dengan Allah. Kalau dia betul-betul beriman dengan Allah, dia rasa dia takut untuk mengambil wang yang tidak berhak. Di sinilah saya melihat negara maju ini bukan maju daripada segi pendapatan tinggi sahaja tetapi biarlah dia maju dari seluruh aspek. Saya bimbang juga kita selalu dok sebut negara maju, negara maju tetapi kita runtuh dari sudut akhlak.

Kita hendak maju ini, biar tidak maju orang tidak kata kita maju tetapi akhlak mulia. Oleh sebab itu saya hendak rakamkan satu ucapan terima kasih saya di Dewan ini. Semalam saya tercicir beg duit saya, saya tidak tahu di mana. Saya cari di sini, puas cari tidak jumpa. Apabila saya balik, saya pun pergi buat report polis. Kad pengenalan saya tidak ada, hilang. Tidak ada apa-apa bukti saya sebagai orang Malaysia. Pergi buat *report* polis dan dapat *report* polis. Pagi tadi saya tengok *WhatsApp* bahawa beg saya itu ditemui di Dewan ini.

Saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rakam ucapan syabas dan tahniah. Kalau inilah sikap yang telah diberikan, ditunjukkan oleh orang-orang di Dewan Negara ini maka inilah yang kita mahu lihat [*Tepuk*] Di mana apabila mereka menemui apa-apa sahaja hak orang lain maka diberi kepada mereka yang bertanggungjawab untuk dikembalikan. Saya ucap syabas dan tahniah dan kepada Tuan Yang di-Pertua juga sebagai pemimpin di sini [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Ini yang kita hendak lihat dalam masyarakat kita. Duit saya tidak banyak dalam beg itu, tidak banyak tetapi dokumen saya yang penting. Kad pengenalan di situ, ada sedikit kad-kad yang lain dan juga kad-kad yang saya rasa susah hendak dapat.

**Seorang Ahli:** Kad nikah ada?

**Dato' Dr. Johari Bin Mat:** Kad nikah pun ada. Itu yang payah hendak dapat itu Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa beginilah kita melihat di dalam masyarakat kita, maka saya yakin dan percaya kita akan lebih maju daripada apa yang kita harapkan. Kerana itu banyaknya duit tidak semestinya kita jadi orang yang baik tetapi kita hendak duit banyak orang yang mulia.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya melihat keselamatan yang ada di dalam negara kita ini perlu dipertingkatkan dengan kekuatan-kekuatan yang serba canggih. Saya melihat sempadan-sempadan kita selalu diceroboh oleh pihak-pihak lain. Dalam hubungan ini kalau kita melihat Islam menyuruh kepada setiap umatnya supaya membuat persiapan yang maksimum mungkin untuk mempertahankan negara.

Allah menyebut dalam al-Quran... *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Hendaklah kamu mempersiapkan diri dengan semaksimum mungkin yang ada pada kamu untuk menggerunkan musuh-musuh kamu yang kamu tahu dan juga musuh-musuh yang kamu tidak tahu"...*  
*[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Dan Allah mengetahui musuh-musuh kamu itu".*

Di sini saya melihat perlu keselamatan dan ketenteraman awam dipertingkatkan dan diberi satu kekuatan yang cukup kepada pasukan keselamatan kita tidak kira polis, askar, tentera laut, darat dan udara mempunyai kekuatan yang canggih semaksimum mungkin supaya...  
*[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Supaya digeruni oleh musuh Allah dan musuh kamu. Kalau kita tengok bala tentera yang besar orang pun kecut perut kerana itulah kita memberi harapan kita memberi tumpuan yang sebaik mungkin supaya negara kita digeruni dan ditakuti dan juga dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sekarang ini daripada segi mata wang kita agak menurun berbanding dengan Dollar Amerika. Ini merupakan satu keluhan. Maka saya melihat di sini satu mekanisme perlu dilihat kembali, bagaimana membantu pelajar-pelajar kita supaya mereka tidak akan terbantut dalam pelajaran mereka.

■1610

Daripada segi perbelanjaan pun juga, saya ini duduk tidak jauh dari Thailand tetapi tidaklah selalu ke Thailand. Saya melihat kalau kita pergi ke Golok, orang Kelantan dengan orang Golok ini mereka semacam 'satu negeri'. Dia tidak pakai pasport pun, tidak ada apa, tanya Datuklah...

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Rantau Panjang.

**Dato' Dr. Johari Bin Mat:** Ya, Rantau Panjang itu. Begitu sahaja pergi. Orang dari sana datang sini, orang dari sini pergi sana. Tidak ada apa-apa. Kalau dahulu mereka hendak Ringgit Malaysia, tetapi sekarang ini kita kalau hendak berbelanja di sana, disuruh tukar dahulu duit dia. Tekanan itu, tekanan secara tidak langsung. Disuruh tukar dahulu duit dia, kemudian baru belanja.

Kita ini dipandang apabila kita kuat. Kuat daripada segi personaliti, kuat daripada segi kekayaan dan sebagainya. Apabila kita tidak kuat, orang tidak akan pandang. Ini satu perkara yang sangat penting yang perlu kita pakat-pakat jaga.

Begitulah juga baru-baru ini, saya dengar daripada orang pergi Mekah. Saya pergi bulan enam baru ini, saya tukar duit Malaysia dengan Riyal, dia bagi lagi seratus, seratus lapan Riyal. Baru ini kurang lagi. ini menunjukkan kerajaan perlu membuat, mengambil langkah yang proaktif untuk memperkukuh dan meningkatkan nilai Ringgit Malaysia supaya kedudukan kita terhormat.

Saya rasa walaupun ada orang kata apabila duit kita murah ramai orang datang, orang datang itu baguslah tetapi kita hendak belanja berbanding dengan orang lain. Oleh sebab itulah dengan duit kita turun ini, maka dengan sendirinya barang pun jadi naik. Ini kerana peniaga dia akan beli dengan harga Dolar. Hal-hal inilah yang menjadi keresahan kepada masyarakat di kampung.

Tuan Yang di-Pertua, baru ini saya terbaca dalam akhbar bahawa kita akan bawa orang Bangladesh datang ke sini dalam 1.5 juta masa akan datang. Saya tidak tahu yang baru ini sudah *start* datang atau belum lagi, saya tidak tahu. Akan tetapi, saya melihat ramai lagi orang kita apabila gaji minima ini naik kepada RM1,000, maka satu usaha perlu dibuat oleh kerajaan dan juga agensi-agensi berkaitan supaya anak-anak muda kita yang mundar-mandir ini, tidak ada kerja ini, supaya diberi galakan supaya mereka bekerja daripada kita mengambil orang luar. Gaji pun sudah naik, yang swasta ini gaji pun sudah naik. Cuma kita tidak tahu sejauh mana pihak swasta ini meletakkan gaji. Adakah gaji RM1,000 itu *lump sum* atau gaji itu gaji pokok. Itu pun perlu diteliti oleh pihak kerajaan supaya mereka ini tidak teraniaya.

Kita tidak tahu apa yang dilakukan. Saya bertanya, saya pergi ke kedai saya bertanya, "*Berapa gaji adik?*", dia kata RM1,000, "*RM1,000 pokok kah RM1,000 itu lump sum?*", dia kata, RM1,000 itu *lump sum*. Apakah sebenarnya dasar kerajaan letak? RM1,000 itu atau baru ini RM900, adakah RM900 *lump sum* atau RM900 gaji pokok? Ini perlu diperjelaskan dan perlu disiasat dan ambil tindakan kepada mereka yang tidak melaksanakan keputusan yang telah diputuskan oleh kerajaan. Kita sekarang ini kita melihat tahun depan ini gaji minima ialah RM1,000. Adakah RM1,000 itu *lump sum* ataupun RM1,000 itu gaji pokok?

Oleh sebab itulah saya melihat penguat kuasa daripada pihak kerajaan, saya tidak tahu pihak mana, perlu pergi melihat, turun padang dan bertanya. Saya juga bertanya untuk mendapat jawapan, untuk mendapat respons. Kadang-kadang pekerja ini tidak mahu cakap. Saya pergi masuk kedai, sahaja saya borak kerana saya ini orang nampak orang tua Tuan Yang di-Pertua, saya tanya, "*Anak, boleh saya tanya berapa jumlah gaji dapat?*", dia kata RM900, "*RM900 itu gaji pokok ataupun gaji lump sum?*", dia kata, banyak yang beritahu saya *lump sum*. Jadi, hal-hal seperti ini perlu kita lihat secara baik-baik supaya kita dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sebenar.

Saya melihat kakitangan penguat kuasa ini, apabila ada satu perkara yang digembargemburkan, baru turun. Kalau tidak, tidak turun. Ini pemerhatian saya. Jadi saya haraplah, kita melihat mekanisme kena meningkat. Kita hendak supaya menjalankan tugas sepanjang masa dengan tidak kira adakah benda itu berlaku atau tidak.

Saya juga selalu menonton 999...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Tidak banyak sudah, hendak hampir hendak penghujung sudah.

Rancangan 999 selalu dipaparkan tentang PATI, penangkapan atau sebagainya. Saya tadi mendengar bahawa PATI ini diberi perlindungan oleh orang kita di Malaysia. Kalau tidak, mereka tidak akan dapat berlindung dan kebanyakannya ialah di tempat-tempat hiburan atau sebagainya. Jadi, sampai bilakah kita dapat menyelesaikan masalah ini? Kedatangan mereka sudahlah kedatangan yang tidak dibenarkan dan duduk di sini, kita tidak dapat hasil. Mereka yang mengaut hasil negara kita. Perkara ini bukan kecil.

Oleh sebab itulah bajet yang dibentangkan di sini, kalau sekiranya perkara-perkara ini tidak diberi pengawasan dan juga pegawai dan kakitangan kita tidak diberi satu anjakan telus, integriti dan sebagainya, maka kita bimbang sebanyak mana pun bajet yang telah diutarakan, ia tidak akan dapat membawa hasil yang baik.

Oleh sebab itu, saya berharaplah semua pihak daripada seluruh rakyat Malaysia, pemimpin dan rakyat, supaya setiap orang merasa bertanggungjawab di hadapan Allah dan juga kemudian di hadapan masyarakat. Kita tidak lagi dapat lari, amalan yang kita lakukan daripada dilihat oleh Allah nanti di akhirat, Dia akan bentang kepada kita nanti dan kita akan melihat amalan-amalan kita dan begitulah juga masyarakat akan lihat.

Kalau yang baik, *alhamdulillah*. Kalau tidak baik, cepat kita selesaikan masalah. Kalau salah dengan Allah, kita bertaubat. Kalau salah dengan orang, kita minta maaf. Sehingga apabila kita memejamkan mata nanti, kita tidak bawa apa-apa kesalahan yang boleh menyusahkan kita pada hari akhirat nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang telah diberikan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih banyak Yang Berhormat Ustaz Dato' Dr. Johari. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh.

#### 4.19 ptg.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berbahas Bajet 2016. Bajet 2016 satu bajet yang telah ditunggu oleh ramai sama ada sektor perniagaan, badan akademik, NGO, ahli politik ataupun rakyat biasa. Ini disebabkan oleh suasana sekeliling kita di mana dunia sekarang ini penuh dengan cabaran baru.

Industri minyak dan gas satu sektor yang penting untuk negara kita, di mana industri ini menyumbangkan pendapatan sebanyak RM62 bilion. Diakibatkan harga minyak turun dengan pesat dan juga dianggarkan akan pada paras yang rendah pada tahun 2016, pendapatan negara kita di sektor minyak akan turun ke angka RM31.7 bilion.

#### ■1620

Di samping itu, mata wang *US Dollar* dalam satu tahun kebelakangan ini telah naik jika dibandingkan dengan mata wang lain, di mana nilai mata wang kita sendiri juga telah turun lebih kurang 28 hingga 30 peratus jika dibandingkan dengan mata wang *US Dollar*. Walaupun negara kita menghadapi cabaran yang besar, indikator kewangan dan ekonomi masih kukuh dan tidak kelihatan terjejas. Pelaburan asing untuk enam bulan pertama telah mencapai angka RM22.4 bilion, *Kuala Lumpur Composite Index* (KLCI) telah mencapai nilai 1,705 mata pada 22 Oktober dan pada ketika ini masih kukuh pada tahap 1,675 mata.

Daripada segi rizab antarabangsa pula, negara kita berada pada tahap RM418 bilion, bererti rizab ini cukup untuk membiayai 8.8 bulan import negara. Ini semua petanda yang menunjukkan satu pengurusan wang dan ekonomi yang cukup baik walaupun situasi dunia

begitu mencabar. Selain daripada *indicator* ini, negara kita juga telah menjadi tuan rumah bagi persidangan *ASEAN Economic Summit*. Setiap daripada rakyat Malaysia begitu berbangga apabila pemimpin-pemimpin dunia seperti Presiden Amerika Barrack Obama, Presiden India Narendra Modi, Perdana Menteri Jepun Shinzo Abe, Perdana Menteri China Li Keqiang dan pemimpin-pemimpin Asia Tenggara lain berada di Malaysia.

Persidangan ini telah membawa Malaysia ke kaca TV seluruh dunia di mana persidangan ini telah berjalan dengan lancar dan diterima dengan baik sekali di seluruh dunia. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kepimpinan beliau memastikan negara kita sentiasa berada dalam keadaan ekonomi yang mantap dan juga dikagumi oleh negara-negara lain.

Walaupun kita dapat menikmati banyak benda atau berita yang baik pada tahun ini, seluruh dunia berasa sedih baru-baru ini disebabkan terdapat elemen-elemen keganasan di mana rakyat *innocent* dengan izin telah terbunuh. Sepatutnya kita mesti merasa kagum dengan apa yang kita telah capai dalam dunia ini dan menghormati satu sama lain. Saya berasa begitu sedih kerana terdapat golongan seperti ISIS yang masih percaya dalam satu ideologi yang susah diterima oleh orang ramai. Seluruh dunia terkejut dengan apa yang terjadi di Paris baru-baru ini dan kemudiannya pula di Malta. Kita juga mendengar ancaman sekuriti ataupun *security threat* di negara jiran baru-baru ini. Apa lagi kita juga diancam dengan kumpulan Abu Sayyaf di mana perbuatan mereka baru-baru ini begitu kejam. Di mana saya mendengar seorang jurutera Malaysia telah dipancung kepalanya.

Menghormati satu sama lain dan elemen toleransi antara kaum ciri utama untuk keamanan. Formula ini dapat memastikan negara kita ataupun dunia boleh berada dalam keadaan aman dan damai untuk selama-lamanya. Saya sebagai pemimpin parti MIC mewakili kaum India di Malaysia mesti menceritakan sedikit tentang komuniti kaum India. Seperti tadi Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya mengatakan dia dari Batu dan dia mesti memberitahu tentang Batu supaya orang tidak cop dia tidak buat kerja, jadi saya pun tidak mahu di cop tidak membawa hal-hal komuniti kaum India ke Dewan yang mulia ini.

Saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa kaum India kadang-kadang berasa kecewa kerana ada segolongan yang suka memanggil kita sebagai pendatang ke negara ini dan ada segolongan yang masih lagi meminta supaya sekolah-sekolah vernakular ditutup dengan alasan sekolah-sekolah ini penghalang perpaduan negara. Untuk memahami penglibatan kaum India di Malaysia, kita perlu mengambil masa untuk menoleh ke belakang, melihat sejarah negara kita. Tamadun awal di negara kita bermula pada abad pertama.

Sebenarnya arkeologi telah menjumpai banyak artifak dan membuat kesimpulan bahawa orang-orang India telah mula bermastautin di Malaysia ataupun di Malaya pada penghujung abad pertama. Apabila pihak *British* mendapati Malaysia mempunyai potensi pertanian untuk mengeluarkan rempah-rempah, getah dan koko, mereka telah membawa orang-orang India dengan bilangan yang banyak pada pertengahan abad ke-18 ataupun 170 tahun dahulu. Orang



India telah bekerja kuat untuk memajukan industri pertanian di mana negara kita pada peringkat awalnya bergantung kepada industri ini untuk membina ekonomi.

Sejak kemerdekaan negara kita, dalam pembinaan infrastruktur awal, jalan raya, elektrik, kereta api, orang India telah mengambil peranan yang besar. Dalam bidang pelajaran juga, ramai guru dan guru besar terutamanya bagi mata pelajaran bahasa Inggeris, matematik dan sains selepas kemerdekaan terdiri daripada guru-guru kaum India. Saya masih ingat bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi apabila datang untuk rumah terbuka telah memberitahu bahawa guru besarnya dahulu seorang India, seorang Sikh di Pulau Pinang.

Tun Sambanthan, pemimpin MIC telah bersama-sama berjuang dengan UMNO dan MCA untuk menuntut kemerdekaan Malaysia. Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia pertama telah mengucapkan terima kasih kepada Tun Sambanthan dan komuniti kaum India kerana telah berada di samping beliau sebagai rakan utama dalam perjuangan kemerdekaan. Semua Perdana Menteri dalam ucapan mereka telah mengakui sumbangan kaum India dalam pembinaan negara kita dan juga mengucapkan terima kasih kepada komuniti kaum India kerana selalu bersama-sama dengan kerajaan Barisan Nasional.

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan tinggi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memberikan satu penjelasan yang begitu komprehensif semasa Mesyuarat Agung MIC dan sekali lagi di Kulim baru-baru ini sempena perayaan Rumah Terbuka Hari Deepavali Kebangsaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan bahawa orang-orang India di Malaysia tidak boleh dipanggil sebagai pendatang malah mereka mempunyai sejarah yang begitu lama sekali dan telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara kita.

Golongan yang tidak bertanggungjawab yang masih belum faham sejarah kita golongan yang bankrap dalam fikiran mereka. Mereka tidak tahu atau mempunyai idea untuk masih menjadi relevan dalam bidang politik. Mereka lebih suka memainkan isu-isu perkauman yang sudah tidak relevan kerana itu sahaja kebolehan dan idea yang mereka ada. Saya meminta Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil tindakan terhadap sesiapa yang suka menggunakan isu-isu perkauman untuk mempopularkan diri sendiri.

Saya berasa bersyukur dan berpuas hati bahawa Bajet 2016 kerana telah mengambil berat tentang bidang pendidikan sama ada pendidikan di sekolah, institusi pengajian tinggi ataupun TVET. Untuk negara kita mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, dengan izin, *common denominator* untuk kita berjaya dalam memastikan bahawa tidak ada anak-anak kita ketinggalan adalah enumpukan masa dan mengambil berat bidang pelajaran.

#### ■1630

Mereka yang matang dan mempunyai kebolehan untuk mencapai prestasi yang tinggi mesti diberi galakan, dorongan dan sokongan oleh kerajaan. Walaupun Bajet 2016 mempunyai pelan-pelan untuk memberi peluang kepada semua, saya dapati bahawa bajet ini kekurangan untuk mengurangkan *brain drain*, dengan izin. Pada tahun lalu, terdapat banyak kes yang mencapai keputusan cemerlang dalam matrikulasi atau pun STPM yang tidak dapat melanjutkan

pelajaran dalam bidang yang diminati ke IPTA. Terdapat ramai ibu bapa kaum India yang telah hancur hati. Padahal mereka begitu gembira apabila anak mereka mendapat keputusan cemerlang tetapi terkejut dan hancur hati apabila mendapat tahu anak mereka yang cemerlang ini tidak dapat kursus yang diminati mereka di IPTA. Saya minta keterangan daripada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi, berapa banyakkah tempat yang disediakan bagi pengambilan IPTA tahun ini? Berapakah bilangan pelajar India yang telah diterima di IPTA mengikut kursus tahun ini?

Bajet 2016 memberi peluang biasiswa sebanyak RM1.6 bilion melalui JPA, RM288 *million* melalui Kementerian Pelajaran, RM250 *million* melalui Kementerian Pendidikan Tinggi dan RM258 juta melalui Kementerian Kesihatan. Daripada segi peruntukan dan peluang, nampak seolah-olah banyak peluang. Malah, saya sebagai Senator Parti MIC telah mendapat banyak maklum balas daripada ibu bapa dan komuniti kaum India bahawa bilangan pelajar India yang mendapat biasiswa merupakan satu angka yang kecil sekali.

Saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penjelasan, berapa ramaikah bilangan pelajar kaum India yang telah mendapat biasiswa pada tahun ini dan jumlah keseluruhannya? Masalah kaum India melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti boleh disimpulkan kepada dua isu. Pertama, tidak cukup tempat ditawarkan bagi bidang-bidang yang diminati di IPTA. Kedua, pelajar cemerlang tidak dapat peluang biasiswa. Untuk menyelesaikan masalah ini, saya mencadangkan kerajaan mengambil berat tentang perkara ini, di mana kerajaan memberikan *partial grant*, dengan izin, sebanyak RM100 juta bagi mereka yang cemerlang dan daripada *background* yang *challenging*, dengan izin. Jika cadangan ini boleh dilaksanakan, saya percaya dengan kombinasi geran ini dan pinjaman PTPTN, seramai 2,500 orang pelajar India boleh manfaat, terutamanya mereka yang daripada keluarga yang tidak mampu.

Cadangan ini mesti diambil kira secara serius. Oleh sebab jika seorang daripada keluarga yang tidak mampu boleh diberikan pelajaran dalam bidang yang diminati, kemungkinan besar dia akan menjadi seorang yang berjaya. Dengan itu, dapat sekali gus membawa keluarganya keluar daripada belunggu kemiskinan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah banyak menolong meningkatkan prestasi-prestasi sekolah Tamil dengan peruntukan dalam bajet-bajet yang sebelum ini. Saya telah mendapat peluang melawat beberapa buah sekolah Tamil kebelakangan ini dan telah mendapati masalah-masalah berikut dihadapi oleh mereka. Bagi sekolah bantuan modal, peruntukan pembinaan sekolah hanya dibagi untuk pembinaan infrastruktur dan bangunan sekolah. Untuk melengkapi kerusi, meja, perkakas lain-lain, alat sukan termasuk perpustakaan, bilik komputer dan makmal sains, sekolah-sekolah ini perlu mencari dana sendiri untuk melengkapkannya. Banyak sekolah yang saya lawati, bangunannya baru tetapi mereka terpaksa memakai kerusi-kerusi yang lama dan sehingga hari ini tidak dapat melengkapi makmal sains atau bilik komputer.

Saya berpendapat cara ini tidak berpatutan. Jika sekolah ini tidak dapat mencari dana sendiri, akses dan kualiti mereka akan tidak sama dengan sekolah-sekolah nasional. Ini akan menyebabkan jurang yang tidak diinginkan dan bercanggah...

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah sedikit, Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Okey, terima kasih. Saya dah dengar dengan panjang lebar, saya setuju. Perkara kita patut terima kasih pada pihak kerajaan kerana telah membantu semua kaum, ia tidak kira Melayu ke, Cina atau India. Cuma saya hendak tanya tadi, bila saya mendengar Yang Berhormat kata, sekolah-sekolah itu tidak cukup kemudahan. Saya hendak tanya, sekolah kebangsaan ke sekolah vernakular? Itu yang pertama.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Sekolah vernakular.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Okey, faham. *I hope you understand*, dengan izin, sekolah vernakular. Oleh sebab kalau kita hendak *argue* dengan isu-isu ini, saya boleh *argue* satu hari satu malam. Jadi, apabila kita berbincang, kita kata tadi kena timbang rasa juga dengan perasaan kaum lain. Kita tidak boleh memikirkan perasaan kita sahaja. Mesti ada sebab-sebab. Oleh sebab kita menekankan kepada perpaduan. Ini saya akan bincangkan esok. Soalan yang kedua, perkataan 'pendatang' ini Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat, mana asal usulnya perkataan 'pendatang' itu? Sebagai seorang ahli akademik, teliti tidak dari mana datangnya perkataan 'pendatang'? Boleh jawab tidak?

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Saya bukan hendak beritahu saya- saya dilahirkan di Malaysia.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Okey, saya tanya perkataan 'pendatang'. Dari manakah datangnya perkataan itu? Okey, saya hendak beritahu, sila *refer* buku-buku sejarah yang ditulis oleh orang putih, kaum-kaum India dan Cina dahulu walaupun datang 100 tahun yang lepas, mereka dipanggil imigran. Orang Melayu tidak menggunakan perkataan "pendatang". Yang menggunakan perkataan "pendatang", ahli sejarah, termasuk buku-buku yang ditulis oleh orang India sendiri. Orang Putih, contohnya buku paling baru ditulis tahun 2000 lebih yang saya pernah *quote*, ditulis oleh anak kepada seorang *millionaire*, Chan Wing. Tajuk buku itu, '*From Poor Immigrant to Millionaire*'. *From immigrant*, daripada pendatang jadi *millionaire*. Maksudnya, anak isteri orang Cina, mengakui bapa dia itu *immigrant*. Jadi, semua buku sejarah menggunakan perkataan "*immigrant*", tetapi kita orang Melayu di sini tidak menuduh rakyat yang ada pada hari ini "pendatang", tidak.

Apabila kita bercakap, apabila isu-isu sensitif yang menyebabkan kaum Melayu marah, perkataan ini keluar balik. Akan tetapi kita *refer* kepada asal usul dahulu, bukan yang ada sekarang, generasi yang rakyat Malaysia, kita tidak menganggap mereka sebagai pendatang, itu maksud saya. Saya hendak tegaskan Yang Berhormat, perkara ini sepatut kalau hendak bincang, boleh jadi isu juga pada orang Melayu dan kita pun sensitif. Sebab ini kali kedua Yang

Berhormat bercakap, jadi saya hendak terangkan sedikit supaya jangan salah faham, kita tidak menganggap, rakyat Malaysia tidak kira apa kaum pun sebagai pendatang. Perkataan 'pendatang' yang dimulakan oleh Orang Putih, kita *refer* kepada dahulu, walaupun 100 tahun, 200 tahun dahulu, mereka dianggap sebagai pendatang. Terima kasih.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Dengan kebenaran, kalau boleh.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terusakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Penjelasan. Hendak memberi penjelasan sedikit dengan kebenaran Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. / ingat isunya bukan asal usul, mana punca perkataan "pendatang" itu. Isunya sekarang ini ialah penggunaan perkataan itu sekarang. Cara perkataan itu digunakan. Kalau kita tengok pun, / tidak boleh ingat bila, mungkin minggu lepas atau seminggu sebelum itu pun. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menjawab, cakap jangan menggunakan perkataan "pendatang", bukan asal perkataan itu, cara ia digunakan sekarang.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Yang Berhormat, itu yang saya katakan tadi. Kita rakyat berbilang kaum, apabila orang Melayu terguris hati, dia melatah lah sedikit. Yang kita *refer*, yang dulu, dulu punya cerita, bukan sekarang. Akan tetapi bila melatah, kita sensitif, keluarlah perkataan itu. Jadi, maksud semua kaum kena fikir perasaan masing-masing.

#### ■1640

Kalau saya nak *refer*, banyaklah. Kalau kita tidak ikut Perlembagaan Persekutuan- sosial kontrak, tak guna bBhasa Melayu, bahkan sekolah vernakular. Jadi, orang Melayu marah. Itu jadinya. Akan tetapi, kalau semua ikut perlembagaan, sosial kontrak, *inshaaAllah*, saya rasa saya menjangkakan mungkin 10 tahun, 20 tahun akan datang benda ini tidak akan masalah lagi kalau kita faham perasaan masing-masing. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat, terusakan.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat yang memberi *feedback* tentang perbahasan saya.

Saya memang mengakui bahawa kita ini 170 tahun atau 200 tahun dulu bukan orang sini, memang kita migran ke Malaysia. Akan tetapi daripada konteks hari ini, saya ini bukan boleh balik India dan terima balik saya sebagai orang India. Saya ini orang Malaysia. Memang isu dia sensitif. Kadang-kadang orang kampung cakap *you* pendatang, kita boleh faham tetapi seorang ahli politik yang matang yang cuba menggunakan perkara ini untuk *popularizekan* diri dia, saya rasa itu tidak begitu betul. Itu saja. Kalau saya balik kampung orang cakap Jaspal ini balik, memang biasa .

*Anyways*, saya hendak *continue* balik. Cadangan ini mesti diambil kira secara serius...

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Mohon mencelah, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Boleh? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal. Kalau seorang Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan kaum Melayu dan juga Bumiputera khususnya bertanggungjawab kepada pembangunan luar bandar yang ini merupakan tanggungjawab dia, tetapi kenapa apabila dia bercakap pasal kepentingan Melayu, kepentingan bumiputera, kita kata dia rasis? Adakah dia rasis? Kerana, itu merupakan tugas dan tanggungjawab dia. Apakah komen Yang Berhormat?

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Macam saya hari ini di Dewan ini, saya sudah beritahu saya akan membawa perkara-perkara kaum India. Itu saya menjalankan tugas saya. Saya bukan seorang rasis, saya orang Malaysia. Saya rasa semua orang penting tetapi ada masalah kaum India yang saya hendak bawa sebab ini adalah satu *mandate* yang telah diberikan kepada saya oleh komuniti saya untuk mewakili mereka di Dewan ini. Saya bukan rasis. Saya bawa ini sebagai *mandate* saya. Sama seperti Menteri itu, *mandate* dia membangunkan orang-orang luar bandar atau bumiputerakah, Orang Aslikah, jadi kalau dia buat ucapan *targeting* untuk sasaran itu, *he is doing his job*. Itu bukan rasis.

Saya berpendapat cara ini tidak berpatutan dan jika sekolah ini tidak dapat mencari dana sendiri, akses dan kualiti mereka akan tidak bersama dengan sekolah-sekolah *national*. Ini akan menyebabkan wujud jurang yang tidak diinginkan...

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah, Yang Berhormat? Petang-petang ini kena banyak soal supaya tidak mengantuk, Yang Berhormat.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Saya nanti tidak ada masa lagi. Tuan Yang di-Pertua, ada masa lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat benarkan tidak?

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Boleh kalau ada masa, saya tidak kisah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan. Terpujang kepada Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Saya cuma hendak tanya, soalan yang mudahlah sebab saya pun agak simpati dengan masalah sekolah-sekolah Tamil. Apakah pandangan Yang Berhormat jika kita hanya fokus kepada satu sistem sahaja? Ini kerana sekolah Tamil pun saya dapati banyak bahkan tidak ada murid-murid yang cukup, kemudahan yang cukup. Akan tetapi kalau sekolah kebangsaan, saya rasa *equipment* dia lebih elok. Kita cantumkan semua-semua- saya hendak tanya sahaja pandangan- untuk menyelesaikan masalah itu. Bukan untuk apa tapi untuk menyelesaikan masalah. Saja tanyalah.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Saya tidak pernah membuat satu *study* yang *details* untuk menjawab soalan ini.

Akan tetapi, bagi kaum India, persetujuan untuk mengadakan sekolah dalam aliran bahasa Tamil ini telah disetujui beratus-ratus tahun dahulu sebelum mereka datang ke Malaysia. Persetujuan mewujudkan sekolah ini juga dilingkupi juga dalam Perlembagaan Malaysia ditulis- saya rasa dalam Artikel 11 atau Artikel 12, memang tertulis dalam *Federal Constitution*, dan ia dipegang pula sebagai satu *contract social*. Jadi untuk kita...

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah?

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Jadi untuk kita hendak tukar, saya rasa satu penglibatan atau *study* daripada komuniti kaum India mesti dibuat sebelum saya dapat memberikan satu jawapan. Akan tetapi, saya rasa adalah penting, ada banyak *study* yang menunjukkan bahasa Ibunda...

**Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan:** Boleh saya mencelah?

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** ...Adalah bahasa yang paling bagus untuk memulakan pelajaran bagi budak-budak awalan *in preschool and early school. Their mother tongue is the easiest way.*

**Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan:** Boleh minta kebenaran untuk mencelah?

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Boleh, boleh.

**Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada pendapat saya, memang Perdana Menteri pun sendiri sudah bercakap bahawa *vernacular school must stay*. Jadi, tidak ada masalah dengan perkara itu. Juga, pada masa ini terdapat 524 buah sekolah Tamil di seluruh negara dan prestasi sekolah itu memang sangat-sangat bagus sebab baru-baru ini, dalam setahun yang kebelakangan ini, ada ramai murid dari sekolah-sekolah Tamil ini yang telah memasuki pertandingan *invention* dan telah memenangi beberapa buah pingat di peringkat antarabangsa.

Saya rasa perkara ini harus diketahui umum walaupun hanya media Tamil yang selalu menguar-uarkan dan menyiarkan berita-berita macam ini. Jadi saya rasa memang ada tempat bagi *vernacular school, Tamil school* di negara ini. Terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat semua di Dewan yang mulia ini, tiap-tiap tahun kalau kita ada lebih kurang 35,000 orang pelajar masuk Darjah Satu, lebih kurang 50 peratus pergi ke sekolah Tamil. Jadi, *it is still* sekolah aliran yang penting untuk orang-orang India di Malaysia.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah sikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa kita sudah banyak tentang itu. Kalau ada masalah lagi, esok agaknya Yang Berhormat berunding dengan Yang Berhormat dua orang ini, ya. Kita ada kita punya ini, jadi saya ingat Yang Berhormat teruskan kerana masa itu agaknya penting. Kita teruskan, *go to the next point.*

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di manakah saya tadi?

Saya ingat kualiti tidak bersama dengan sekolah-sekolah *national* dan ini akan menyebabkan jurang yang tidak diingini dan bercanggah dengan *blueprint* pendidikan yang telah diterbitkan.

Saya minta keterangan daripada Kementerian Pendidikan mengenai perkara ini dan juga siapakah yang bertanggungjawab untuk membayar bil-bil bulanan bagi utiliti dan *maintenance* dengan izin, sekolah untuk sekolah jenis bantuan modal? Terdapat sekolah bantuan modal di mana bangunan sudah didirikan tetapi mereka tidak mencukupi dana untuk menyiapkan padang

walaupun mempunyai tanah. Sebagai contoh, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Ayer Hitam. Adalah penting semua aspek pendidikan termasuk jasmani diberikan keutamaan yang sama.

Di sini saya berharap Kementerian Pendidikan akan mengambil kira pembangunan *facility* sukan supaya kita dapat melahirkan murid-murid yang seimbang. Saya minta keterangan daripada Kementerian Pendidikan mengenai perkara ini. Daripada segi latihan dan persiapan graduan-graduan untuk bekerja. Bajet 2016 telah menyediakan alokasi RM250 juta melalui GLC bagi melatih 15,000 orang peserta. Selain daripada itu, terdapat juga insentif sebanyak RM77 juta untuk melatih warganegara Malaysia untuk menggantikan pekerja asing.

■1650

Saya ingin meminta keterangan daripada Kementerian Sumber Manusia, bagaimanakah skim ini akan dilaksanakan dan SOP bagi seorang peserta untuk mengambil bahagian dalam program SL1M? Bagaimana sesebuah syarikat boleh mengambil bahagian dalam skim, dengan izin, *train and replace of foreign workers*? Rancangan Malaysia Kesebelas memberi banyak tumpuan kepada keluarga-keluarga B40 untuk menaikkan taraf mereka supaya mereka juga boleh mendapat pendapatan yang munasabah. Program B40 ini satu program yang bagus sekali di mana program ini tidak mengenal bangsa. Untuk masyarakat kaum India banyak keluarga masih terperangkap dalam kategori ini. Saya percaya mereka sekarang mempunyai peluang untuk menjadi sebuah keluarga yang berpendapatan munasabah.

Di dalam Bajet 2016 terdapat banyak program menumpukan kumpulan sasaran B40. Saya dapati program B40 ini dilaksanakan oleh pelbagai kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan lain-lain. Saya berpendapat untuk mendapat satu keputusan yang cemerlang, meningkatkan taraf hidup keluarga-keluarga B40 adalah lebih baik kita menyatukan agenda-agenda ini untuk sebuah agensi induk membuat koordinasi dan implementasi program-program ini untuk kumpulan B40. Saya minta keterangan dari Jabatan Perdana Menteri, bagaimanakah pelan-pelan untuk kumpulan ini akan dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua, ekuiti kaum India satu perkara yang hangat dan selalu dibahaskan di mana-mana seminar berkaitan dengan ekonomi kaum India. Walaupun kaum India telah banyak berjasa kepada negara malah perkembangan kaum India dalam bidang ekonomi tidak selaras dengan perkembangan ekonomi negara. Ekuiti kaum India tersangkut di tahap yang lebih kurang sama untuk 10 tahun kebelakangan ini iaitu di bawah 1.6%. Sasaran ekuiti kaum India yang telah dipersetujui oleh kerajaan dalam RMKe-9 - 3%. Mengambil kira *market capitalization KLSE*, dengan izin, RM1.675 trilion untuk kaum India mencapai ekuiti 3% pada tahun 2020. Kaum India perlu mencari jalan membina ekuiti tambahan sebanyak RM25 bilion untuk lima tahun akan datang.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memberi peruntukan RM100 juta untuk pinjaman TEKUN dan juga RM50 juta untuk pinjam SME bagi kaum India. Amaun ini memang satu amaun yang bagus dan ia satu perubahan dan insentif khas di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun saya tidak dapat lihat bagaimana jurang ekuiti ini dapat dicapai dengan hanya skim ini? Saya difahamkan semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas bawah satu pelan *blueprint*, kaum India akan disediakan dalam jangka masa pendek ini. Saya berharap dengan pelan ini terdapat satu *incentive affirmative* ataupun satu program khas di mana dana khas disediakan untuk melonjakkan penglibatan masyarakat kaum India dalam arus pembinaan utama negara kita.

Saya meminta keterangan dari Jabatan Perdana Menteri, siapakah agensi yang sedang menyiapkan *blueprint* kaum India? Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa saya tahu tidak ada seorang daripada Ahli Dewan Negara masyarakat India yang telah dijemput perbincangan *blueprint* ini.

Salah satu ciri baru dalam Bajet 2016, peruntukan RM100 juta untuk pembinaan sosioekonomi bagi komuniti kaum India melalui 'SIDEK'. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk peruntukan khas ini. Untuk memastikan program ini betul-betul dapat meningkatkan kedudukan sosioekonomi kaum India, pelaksanaan program ini mesti dikaji dan ia mesti memberi fokus kepada output.

Saya terkejut apabila saya dengar agensi 'SIDEK' telah membuat kenyataan akhbar dan meminta NGO-NGO kaum India untuk memberikan kertas-kertas dalam masa yang singkat. Saya juga ingin merakamkan bahawa proses pemberian kertas kerja untuk diberi peruntukan ini tidak begitu sempurna di mana penilaiannya hanya dibuat atas kerja dan tidak ada temu duga atau peluang untuk sesuatu NGO memberi keterangan lanjut.

Saya berpendapat wang yang diperuntukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini satu peruntukan khas untuk melonjakkan ekonomi kaum India. Akan tetapi pengagihan program ini bila kita percaya bahawa RM1,000 cukup untuk melatih seorang dan beliau boleh mendapat kerja untuk RM3,000 atau RM4,000, saya rasa kalau kita percaya dengan konsep seperti itu susah untuk konsep ini berjaya. Saya meminta pihak berkenaan Jabatan EPU, Menteri di EPU melihat implementasi ini secara lebih mendalam supaya program ini akan menjadi satu program yang berjaya.

Akhir sekali saya ingin memberi pandangan mengenai suasana politik di Malaysia. Dengan adanya media sosial dan teknologi terkini, kita dibanjiri dengan pelbagai maklumat mengenai keadaan politik negara kita dan isu-isu masa kini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang kah lagi Yang Berhormat?

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Gulung sudah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, gulung cepat.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Ada maklumat yang memberi kita galakan dan dorongan untuk bekerja lebih kuat supaya kita dapat *improve*, dengan izin. Akan tetapi ada juga golongan yang cuba *spin* maklumat ini untuk kebaikan diri mereka. Dalam sistem politik menjadi perkara biasa untuk pembangkang dan mereka yang ingin naik memutarakan cerita, membuat satu persepsi di fikiran orang ramai.



Bagi pendapat saya adalah lebih baik kita fokus kepada apakah kebaikan yang telah dibawa oleh kerajaan dan pemimpin kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib. Di bawah kepimpinan beliau, kita telah dapat lihat banyak *improvement*. Bagi masyarakat India, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib seorang pemimpin yang telah memberi perhatian khas dan *very approachable*, dengan izin, *a good listener*. Banyak yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sebelum ini tidak pernah dilihat oleh masyarakat kaum India.

Masyarakat India percaya dengan konsep 'nambikei' yang digalakkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tahu bahawa esok adalah lebih cerah daripada hari ini di bawah kepimpinan beliau. Kita sokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib 100%. Dengan ini saya menyokong Bajet 2016. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Ng Chiang Chin.

#### **4.59 ptg.**

**Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk berucap dalam Bajet 2016. Saya mulai dengan ucapan tahniah kepada Perdana Menteri kerana membentangkan Bajet 2016 yang komprehensif, prihatin dan tepat dengan keadaan sosial ekonomi semasa negara.

#### **■1700**

Tuan Yang di-Pertua, lima tunjang Bajet 2016 yang bertemakan, "*Mensejahtera Kehidupan Rakyat*", mencerminkan kesedaran kerajaan terhadap masalah keperluan dan harapan rakyat di bawah keadaan sosioekonomi yang banyak mencabar ini. Saya percaya pembentangan Bajet 2016 yang mengutamakan rakyat adalah penting kerana ia menunjukkan inisiatif dan kesanggupan kerajaan untuk memastikan bahawa kualiti hidup dan kebajikan masyarakat tidak terjejas dengan pelbagai cabaran yang melanda negara kita sejak beberapa bulan kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan komitmen kerajaan untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi domestik sementara meneruskan usaha pembaharuan ekonomi, kewangan dan fizikal negara. Walaupun negara kita menghadapi cabaran ekonomi dan persekitaran sosiopolitik yang hebat dan luar biasa pada tahun ini kerajaan kekal komited meneruskan dasar pengukuhan fizikal ke arah mencapai bajet yang seimbang menjelang tahun 2020. Usaha untuk mencapai sasaran pengurangan defisit bajet dari 3.2% pada tahun ini kepada 3.1% pada tahun depan patut diteruskan. Sementara anggaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari 4% ke-5% pada tahun 2016 sememangnya memberangsangkan. Corak pertumbuhan ekonomi di negara yang stabil biar pun berdepan dengan persekitaran yang amat mencabar menunjukkan bahawa negara kita masih berada dalam landasan perkembangan yang positif dan terancang. Hal ini adalah penting supaya kita kekal menuju ke arah mengaspirasikan matlamat-matlamat yang di aspirasikan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dalam Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kelembapan dan ketidakpastian ekonomi dunia telah memberi kesan yang cukup rapat kepada negara kita. Fenomena-fenomena seperti kejatuhan harga, komoditi seperti kelapa sawit dan harga minyak petrol dunia serta penyusutan nilai mata wang Ringgit telah memberikan tekanan kepada kewangan yang amat tinggi kepada negara kita. Malahan, ia turut menjejaskan kehidupan sosial masyarakat.

Kita perlu memahami akan kedudukan Malaysia sebagai sebahagian negara anggota dalam sistem ekonomi sedunia yang sememangnya tidak boleh dikecualikan daripada pergolakan atau risiko yang muncul di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, pembentangan Bajet 2016 ini telah memberikan keyakinan atau jaminan yang terbaik kepada rakyat bahawa kerajaan adalah tepat, peka, komited dan bersedia mengharungi cabaran yang bakal muncul dan menjaga kesejahteraan hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengunjurkan pendapatan bagi tahun 2016 sebanyak RM225.7 bilion. Ini menandakan peningkatan sebanyak RM3.2 bilion daripada bajet 2015. Walaupun muncul rungutan atau rasa tidak puas hati daripada masyarakat terhadap pelaksanaan GST yang telah menyebabkan kenaikan harga kos sara hidup terutama golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Tidak dapat di nafikan juga bahawa hasil kutipan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) telah banyak membantu negara kita mengatasi tekanan kewangan yang berpunca daripada kelembapan dan ketidakpastian ekonomi dunia. Hasil kutipan GST pada tahun 2016 dijangka sebanyak RM39 bilion. Jumlah kutipan tersebut banyak membantu negara kita menghadapi kekurangan hasil pendapatan daripada sektor minyak dan gas telah menjadi punca hasil pendapatan kerajaan yang penting untuk memastikan kestabilan kedudukan fizikal dan keseimbangan agenda perkembangan sosioekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan asas kepada pembangunan lestari sebuah negara. Saya mengalu-alukan peruntukan Bajet 2016 sebanyak RM41.3 bilion kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Antara lain kerajaan turut mengumumkan bahawa Bajet 2016 akan memperuntukkan RM135 juta bagi program Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Perdana Menteri berkata bahawa bahasa Inggeris amat penting dalam persaingan global semasa maka dua inisiatif iaitu *Dual Language Program* dan *Highly Immersive Program* akan dilaksanakan secara pilihan dengan kos RM3.5 juta dan sebanyak 300 buah sekolah telah dikenal pasti bagi projek perintis.

Berhubung dengan kenyataan oleh Menteri Pendidikan pada pertengahan 26 November yang mengumumkan bahawa rancangan untuk membawa masuk guru bahasa Inggeris dari India telah ditangguhkan. Saya difahamkan bahawa sebuah jawatankuasa teknikal telah pun ditubuhkan untuk mengkaji sama ada wujudnya keperluan untuk membawa masuk guru bahasa Inggeris dari luar negara atau mengguna guru-guru tempatan termasuk guru yang telah bersara. Keputusan hanya akan dibuat selepas penilaian semula atas situasi dan ia bakal diketahui pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju akan penangguhan tersebut kerana kerajaan boleh mencapai tujuan yang sama dengan mempergiatkan lagi usaha untuk mengambil semula guru

bahasa Inggeris yang telah bersara bagi mengajar subjek berkenaan di sekolah-sekolah. Pada tahun 2011, MBMMBI diperkenalkan bagi menggantikan PBSMI yang kemudiannya dimansuhkan secara berperingkat-peringkat mulai pada tahun 2012. Semasa peringkat awal program tersebut pada tahun 2011, Kementerian Pendidikan menyasarkan untuk mengambil semula seramai 600 orang guru bahasa Inggeris yang telah bersara bagi mengajar subjek berkenaan di sekolah-sekolah menjelang tahun 2013.

Langkah tersebut termasuk melatih 10 ribu orang guru bahasa Inggeris dan 12 ribu orang guru lagi dilatih semula dan mengambil 375 guru penutur jati dalam bahasa Inggeris untuk ditempatkan di sekolah-sekolah. Biarpun keputusan telah pun dibuat untuk menangguhkan pengambilan guru bahasa Inggeris dari India, apakah usaha kerajaan setakat ini dengan Program Menutur Jati Bahasa Inggeris (PPJBI) yang diadakan sejak tahun 2011? Program menutur ini sepatutnya melatih guru-guru tempatan kita. Adakah mereka mendapat pendedahan dan latihan yang sepatutnya? Adakah pengurangan peruntukkan Bajet 2016 untuk MBMMBI berkira-kira RM200 juta setahun kepada RM97 juta setahun akan menjejaskan usaha kerajaan yang telah pun dijalankan sepanjang ini?

Tuan Yang di-Pertua, guru-guru bahasa Inggeris yang telah bersara masih boleh menyumbang kepada negara dan masyarakat terutama dalam menjayakan program MBMMBI. Kerajaan seharusnya mempergiatkan lagi usaha mengambil semula guru-guru bahasa Inggeris yang telah bersara, kemahiran dan pengalaman mereka boleh digunakan untuk melatih guru-guru bahasa Inggeris yang sedia ada dan secara tidak langsungnya membantu memperkukuhkan bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Saya percaya dengan memberikan pengiktirafan dengan gaji yang menarik kepada guru-guru yang telah bersara, ramai lagi yang sudi menyertai program tersebut untuk terus menyumbang kepada pendidikan. Saya berpendapat bahawa langkah sedemikian sememangnya adalah lebih tepat dan sesuai untuk guru-guru bahasa Inggeris yang telah bersara mempunyai pemahaman dan pengalaman yang lebih baik terhadap sistem tahap dan persekitaran proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di negara kita berbanding dengan guru-guru warga asing dari India atau negara-negara lain.

Saya mencadangkan kerajaan supaya menubuhkan Institut Pengajian Bahasa Inggeris bagi melatih guru sekolah yang sedia ada untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka. Ini merupakan cara penyelesaian jangka panjang yang seharusnya dikaji dan dipertimbangkan oleh kerajaan. Saya turut menyeru kerajaan, institut pendidikan dan pengurusan supaya mengkaji semula penyampaian kursus dan latihan yang sedia ada supaya boleh meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan guru-guru pelatih. Kerajaan perlu menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris kerana ia merupakan cara yang paling berhasil dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di institusi pendidikan, sama ada di kalangan pendidik mahupun pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan awam sentiasa menjadi isu yang mencabar kepada negara kita setiap tahun. Jenayah merupakan kebimbangan terutama orang awam dan masih belum ada kaedah yang sempurna untuk menggambarkan secara keseluruhan tentang jenayah.

#### ■1710

Pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang memfokuskan kepada memerangi jenayah berjaya menunjukkan keberkesanan apabila kadar indeks jenayah menurun sebanyak 12.6% pada tahun 2014, penurunan kedua tertinggi bagi tempoh lima tahun.

Menurut Laporan Tahunan 2014, Program Transformasi Kerajaan (GTP) penurunan indeks jenayah itu telah melepasi sasaran 5% yang ditetapkan pada setiap tahun dan diukur berdasarkan kepada tiga faktor utama iaitu mencegah kecurian kenderaan, pemulihan dan peningkatan kemahiran banduan serta pemulihan dan penggunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kepada pihak kerajaan, PEMANDU dan polis, saya ingin bertanya apakah tahap perkembangan terkini dalam NKRA mengurangkan jenayah NKRA CRI. NKRA CRI ditubuhkan untuk bertindak balas terhadap kebimbangan rakyat terhadap jenayah dalam negara. Walaupun NKRA CRI berjaya mengurangkan kadar jenayah secara keseluruhan menerusi inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan tetapi masih menghadapi masalah dalam membantu orang awam untuk merasa selamat pada komuniti mereka sendiri. Persepsi majoriti masyarakat masih tidak berubah di mana sebahagian besar atau 50% daripada rakyat Malaysia masih beranggapan kadar jenayah di negara ini semakin meningkat manakala 40% lagi menganggap ia tidak berubah.

Meskipun terdapat pelbagai langkah penjenayah, pencegah jenayah telah dilakukan, pihak berkuasa termasuk polis, pandangan tersebut berdasarkan kepada satu kajian keselamatan yang dilakukan sebuah konsultan bebas iaitu *force and surveillance* tahun selepas didapati hanya 10% awam sahaja percaya kadar jenayah berjaya diturunkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan terdapat jurang persepsi mengenai penurunan jenayah dalam kalangan masyarakat di mana kerajaan perlu berganda usaha lagi untuk mengatasi kekurangan tersebut supaya rakyat berasa yakin akan laporan penurunan kadar jenayah yang mencerminkan realiti sebenar. Pemulihan dan peningkatan bukan sahaja mesti diperbaiki daripada segi angka atau statistik tetapi juga mesti boleh memupuk rasa kepercayaan dan kelapangan hati di kalangan masyarakat terhadap keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk menambah sebanyak 11,757 orang anggota polis seperti diumumkan dalam Bajet 2015 langkah yang tetap yang membantu mengurangkan kadar jenayah serta memastikan keselamatan awam. Saya mengalu-alukan langkah tersebut. Apabila bilangan anggota polis bertambah ini, bererti rondaan dan langkah-langkah pencegahan jenayah yang lain akan menjadi lebih intensif, responsif dan menyeluruh.

Menurut nisbah anggota polis dengan penduduk dan ditetapkan oleh INTERPOL ialah seorang anggota polis kepada 250 orang penduduk *ratio*, dengan izin, *1 is to 250*. Saya difahamkan bahawa nisbah anggota polis dengan penduduk Malaysia adalah tidak seimbang iaitu seorang polis kepada 700 orang penduduk. *Ratio is actually 1 is to 700*. Kajian untuk

menggunakan khidmat anggota polis tambahan bagi menangani masalah kekurangan anggota polis di negara ini akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, nisbah yang tidak seimbang itu perlu diatasi dengan segera. Lebih-lebih lagi dengan trend jenayah yang kian berubah termasuk ancaman jenayah siber, *terrorism*, kes pencerobohan dan penculikan di Sabah. Jelasnya dalam konteks negara kita sekarang, nisbah seseorang polis anggota kepada 700 orang penduduk tidak mencukupi. Apa langkah-langkah terkini yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut. Jumlah anggota polis yang bertugas sebagai pentadbir yang terlibat dalam kerja-kerja pengurusan berbanding dengan jumlah anggota pasukan polis yang terlibat dalam menangani jenayah termasuk siasatan.

Saya percaya sebahagian besar anggota polis dalam pasukan pembanteras jenayah juga terdiri daripada mereka yang menjalankan tugas sebagai kerani dan ini mengurangkan lagi bilangan anggota polis yang menjalankan tugas untuk membanteras jenayah dan menjaga keselamatan awam.

Jumlah anggota polis yang terlibat dalam tiga buah jabatan di bawah pasukan pembanteras jenayah iaitu Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan Siasatan Jenayah Komersial? Sejumlah RM13.1 bilion dalam Bajet 2016 yang diperuntukkan kepada pihak polis dengan tujuan mempertingkatkan tahap keselamatan awam di negara harus merangkumi perancangan untuk menambah jumlah anggota polis dalam negara yang dilaporkan masih kurang berbanding dengan nisbah yang ditetapkan oleh INTERPOL.

Saya berharap perkara ini dapat dipertimbangkan oleh Kementerian Dalam Negeri dan polis untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi masalah kekurangan anggota polis yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pengumuman terhadap Perdana Menteri yang menyatakan bahawa Malaysia akan menerima 3,000 orang pelarian Syria dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi membantu meringankan krisis pelarian semasa sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York. Kesanggupan kerajaan untuk membuka pintu kepada pelarian Syria menunjukkan bahawa Malaysia menyokong nilai kemanusiaan sejagat dengan memberi bantuan kepada pelarian Syria yang menjadi mangsa konflik dalaman dan perang saudara di negara tersebut yang berpanjangan. Kemurahan hati dan kesanggupan untuk memberi bantuan kemanusiaan oleh kerajaan adalah mulia dan patut dipuji. Walau bagaimanapun, apakah rancangan atau persediaan yang telah dibuat untuk kerajaan menerima pelarian Syria yang berjumlah 3,000 sebagaimana yang diumumkan?

Menurut Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi pelarian (UNHCR) dengan izinnya, setakat hari ini terdapat 150,000 orang pelarian dan pencari suaka berdaftar dengan UNHCR di Malaysia. Majoriti daripada mereka iaitu 93% adalah dari Myanmar dan bakinya antara lain dari negeri Sri Lanka, Pakistan, Somalia, Syria, Iran, Iraq dan Palestin. Apakah kos atau kesan yang dijangka akan ditanggung oleh Malaysia berikutan dengan

kemasukan 3,000 orang pelarian Syria ke atas 153,000 orang pelarian yang sedia ada di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus menjelaskan dengan terperinci, apakah rancangan dan persediaan yang telah dilakukan untuk membuka pintu kepada pelarian Syria? Hal ini amat penting memandangkan wujudnya risiko ancaman ideologi *terrorism* atau fahaman ekstremis dan keganasan dari *Islamic State (IS)*. Mungkin bertapak di Malaysia menerusi kemasukan pelarian Syria. Kebimbangan terhadap penyebaran fahaman asing yang boleh menggugat ketenteraman sosial negara kita patut diberi perhatian yang serius oleh pihak yang berkuasa. Apakah mekanisme untuk memilih atau menapis pelarian Syria yang bakal ditempatkan di Malaysia? Sistem pemantauan yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin:** Nak habis dah, dua helai, dua helai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, okey.

**Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin:** Berkesan dan juga menempatkan bilangan besar sebanyak 3,000 orang pelarian Syria tersebut. Kesemua ini menjadi isu yang harus dipertimbangkan dengan secara teliti oleh pihak berkuasa sebelum ia dilaksanakan selain daripada kos yang terlibat dalam program kemanusiaan tersebut. Saya tidak membantah penerimaan pelarian Syria tetapi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan bahawa usaha kemanusiaan tersebut tidak akan menjejaskan keselamatan dan ketenteraman negara. Malahan, pada masa yang sama juga kebajikan pelarian Syria adalah terjamin semasa tempoh penetapan di Malaysia.

Saya berharap bahawa kerajaan dan pihak berkuasa yang berkenaan dapat memberikan penjelasan yang lebih terperinci demi pengetahuan masyarakat awam Malaysia memandangkan persoalan keselamatan awam terlibat.

Bajet 2016 merupakan bajet yang pertama di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas mencatatkan perkembangan negara kita menuju ke Wawasan 2020, maka kepentingan Bajet 2016 sebagai pengantar dan perangsang kepada perkembangan tertumpu dan progresif negara kita tidak boleh dinafikan terutama pada tempoh permulaan pada masa sekarang yang paling kritikal dan definitif sekali.

#### ■1720

Saya ingin menegaskan kepentingan dan tanggungjawab bersama kita untuk merealisasikan sebuah negara Malaysia yang mesra dan indah. Unsur kepelbagaian negara kita seharusnya dihargai dan digunakan sebagai kekuatan tetapi bukannya kelemahan. Perbezaan di antara komuniti seharusnya dijadikan sebagai peluang kepada diri kita untuk mengenali dan mempelajari kebaikan serta keunikan di antara satu sama lain.

Walaupun kita mempunyai perbezaan daripada segi etnik, agama, budaya, bahasa dan sebagainya tetapi sememangnya berkongsi nasib dan takdir yang sama sebagai bangsa Malaysia. Banyak lagi cabaran dan dugaan yang bakal kita hadapi pada masa depan. Kita seharusnya rapatkan persaudaraan dan fokus kepada persamaan serta kekuatan kita untuk maju

ke depan. Negara Malaysia memang sebuah negara yang mesra, yang indah, kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya memainkan peranan dan tanggungjawab kita untuk menyebarkan kemesraan dan keindahan negara kita.

Banyak lagi yang boleh kita capai sekiranya kita bersatu, mesra dan menyokong sesama kita. Dengan ini saya akhiri ucapan saya dan ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk berucap pada petang ini. Saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat nampaknya sudah bagus membaca tetapi kalau lebih bagus lagi kalau dapat tidak payah baca semuanya kerana itu kalau ikut peraturan ia tidak digalakkan. Walau bagaimanapun, bagus tetapi saya harap di masa akan datang ambil poin itu Yang Berhormat boleh cakap. Cakap cara Kelate pun tak gapo [*Ketawa*] Tidak apa, kita hendak faham [*Ketawa*] Kefasihan, kebebasan Yang Berhormat meluahkan itu cara baik. Bagus.

Sekarang tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian. Datuk Muhamamad Olian ini agaknya dia memang tarikh dia akhir pun dia sampai cukup rajin. Kalau dari pagi sampai ke malam ataupun petang tetapi tempoh dia esok ya, Yang Berhormat.

Esok maknanya dia akan akhir tempoh perkhidmatannya sampai esok. Dia bagi nama kepada saya esok tetapi dia kata dia bersedia bercakap hari ini. Ini maknanya dia telah sudah betul-betul agaknya selama lebih kurang enam tahun, Yang Berhormat boleh bercakap dengan begitu fasih dan silakan, Yang Berhormat.

### 5.22 ptg.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim...* [*Membaca sepotong doa*] *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 merupakan bajet pertama bagi Rancangan Malaysia yang Kesebelas di mana Rancangan Malaysia Kesebelas permulaan ataupun rancangan lima tahun sebelum negara ini menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, di mana kerajaan telah menetapkan sasaran untuk kita menjadi negara maju dan juga negara berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi bahawa esok merupakan hari yang terakhir saya di Dewan yang mulia ini. Hari ini merupakan, saya kira hari terakhir sayalah berbahas dan membahaskan rang undang-undang yang dibentangkan pada setiap tahun dan ini merupakan kali yang keenam saya turut serta berbahas untuk Rang Undang-undang Perbekalan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, hari pertama semasa di Dewan yang lama di sana saya dilantik, saya pun sudah turut berbahas, hari yang pertama. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya fikir semua ahli di dalam Dewan ini kita sedia maklum, masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat minoriti di dalam negara kita. Mengikut bancian tahun 2011 lebih kurang 198,578 orang.

Walaupun negara ini sudah merdeka lebih kurang 58 tahun namun begitu, kalau dibandingkan dari sudut sosioekonominya sebahagian besar Kaum Asli masih lagi tertinggal di dalam semua bidang sama ada bidang pendidikan, bidang ekonominya dan juga kemudahan infrastruktur yang sepatutnya ada di perkampungan mereka juga berkurangan.

Saya khususnya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, semenjak beliau mengambil alih tampuk pemerintahan negara ini pada tahun 2009 dan saya dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada tahun 2009 juga dan belanjawan yang diperuntukkan pada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini bertambah tahun demi tahun. Tahun 2016 diperuntukkan sebanyak RM300 juta untuk membangunkan Masyarakat Orang Asli di negara ini yang meliputi kemudahan-kemudahan di dalam pelbagai bidang sama ada dalam bidang pendidikan, kemudahan asas dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang ada pada saya sehingga Oktober 2015, seramai 4,834 orang keluarga Masyarakat Orang Asli memohon bantuan rumah rakyat miskin, 48,000. Jadi ini memerlukan satu perbelanjaan yang banyak kalau RM404,834, RM40,000 satu biji rumah dan mungkin harga waktu sekarang tidak boleh dengan harga RM40,000. Ia memerlukan satu perbelanjaan yang banyak.

Begitu juga dengan kemudahan bekalan air bersih 253 buah kampung masih belum dapat air bersih. Di Semenanjung sebanyak 853 perkampungan Orang Asli. Jadi bermakna suku perkampungan Orang Asli masih belum memperoleh bekalan air bersih. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan bekalan elektrik. Masih banyak lagi perkampungan Orang Asli yang masih belum menikmati.

Jadi saya berharap kepada pihak kerajaan khususnya yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah harus melihat kemudahan-kemudahan infrastruktur yang perlu dibina atau dibuat di perkampungan Orang Asli harus diambil tindakan yang sewajarnya. Ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengakui Masyarakat Orang Asli ini merupakan penyokong tegar kepada Barisan Nasional [*Tepuk*] Ketegaran itu kalau kita tidak jaga, kalau kita tidak pupuk, kalau kita tidak belai dengan sebaik-baiknya tidak mungkin ia boleh terus menjadi tegar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada beberapa isu kemudahan asas tadi yang saya hendak bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, dalam ucapan terakhir saya di dalam Dewan ini kerana berdasarkan Perlembagaan Negara hanya kita boleh berada di dalam Dewan Negara ini selama enam tahun, dua penggal melainkan dipinda termasuk saya dan Tuan Yang di-Pertua lah dan yang lain-lain. Jadi saya kira ini memang ucapan terakhir kerana saya sudah enam tahun di sini.



Tuan Yang di-Pertua, kita percaya bahawa untuk membangunkan sesuatu kaum atau sesuatu bangsa tidak lain dan tidak bukan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kerana masa sudah jam 5.30 petang kita terpaksa berhenti setakat ini...

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Walau bagaimanapun, ini bukan ucapan yang terakhir, Yang Berhormat. Esok pagi Yang Berhormat sambung lagi [*Ketawa*]

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** *InshaaAllah*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu saya tangguhkan persidangan kita hari ini sehingga jam 10 pagi pada tanggal 9 Disember 2015, esok. Sekian, terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.]***